



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

Shah Alam 12 JULAI 2011 (SELASA)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

YB Dato' Teng Chang Khim, DPMS (Sungai Pinang)

(Tuan Speaker)

YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim

PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)

(Dato' Menteri Besar Selangor)

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali

DIMP., SMS. (Gombak Setia)

YB Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Cempaka)

YB Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)

(Timbalan Speaker)

YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)
YB Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)
YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)
YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)
YB Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)
YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)
YB Tuan Lee Kim Sin (Kajang)
YB Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)
YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)
YB Tuan Yap Lum Chin (Balakong)
YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)
YB Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)
YB Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)
YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)
YB Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)
YB Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)
YB Puan Lee Ying Ha (Teratai)
YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)
YB Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)
YB Puan Gan Pei Nei (Rawang)
YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)
YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)
YB Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., SSA. (Sungai Burong)
YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)
YB Tuan Hasiman bin Sidom, PJK
YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)
YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)
YB Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)
YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)
YB Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)
YB Datuk Mohd Isa bin Abu Kasim, DPSM., AMS. (Batang Kali)
YB Tuan Yap Ee Wah (Sungai Pelek)
YB Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)
YB Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)
YB Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)
YB Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

TIDAK HADIR

YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)

YB Tuan Edward Lee Poh Lin

YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

YB Tuan Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,
PJK. (Sungai Panjang)

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

YB Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

YB Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

YB Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Mohamad Yasid bin Bidin
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Puan Noor Asdiana bt. Abd Kadir
Ketua Penolong Setiausaha

Puan Mazian bt. Manan
Penolong Setiausaha I

Puan Noor Diana bt. Razali
Penolong Setiausaha II

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais
Penolong Setiausaha III

Puan Siti Salbiah bt. Masri
Penolong Pegawai Tadbir

Encik Abd. Halim bin Abd. Rahman
BENTARA

Encik Ahmad Hafizan bin Yusof
PENOLONG BENTARA

Cik Noor Syazwani bt. Abdul Hamid
Puan Hajah Noridah bt. Abdullah
PELAPOR PERBAHASAN

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

(Dewan dimulakan pada jam 10.00 pagi)

SETIAUSAHADEWAN: *Bismillahi rahmani rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat kedua penggal keempat Dewan Negeri Selangor Ke Dua Belas pada 12 Julai 2011 dimulakan dengan bacaan doa.

I. DOA

SETIAUSAHA DEWAN: Bacaan doa.

II. PERTANYAAN-PERTANYAAN

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan mesyuarat seterusnya. Pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER: Batang Kali.

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Terima kasih Tuan Speaker, soalan No. 12.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)**

TAJUK: PILIHAN RAYA MASJID

12. Di Selangor proses pemilihan jawatankuasa masjid telah dilakukan sebelum ini manakala Kerajaan negeri Pulau Pinang pula menamakannya pilihan raya masjid.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan Selangor bercadang merombak proses pemilihan AJK masjid untuk diadakan seumpama pilihan raya?
- b) Siapakah pihak yang boleh dipertanggungjawabkan untuk mengadakan proses pemilihan yang adil?
- c) Apakah jaminan bahawa proses pemilihan AJK masjid Selangor dilakukan telus dan adil

YB DATO' DR HASAN BIN MOHAMED ALI: Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Tuan Speaker, terima kasih kepada Batang Kali yang menanyakan soalan mengenai pemilihan jawatankuasa masjid, adakah Selangor akan mengikuti cara pilihan raya yang diusulkan oleh Kerajaan Pulau Pinang. Tuan Speaker, negeri Selangor adalah satu-satunya negeri di Malaysia, saya nak ulang perkataan ni satu-satunya negeri di Malaysia yang telah mempraktikkan sistem pemilihan bukan lantikan. Sistem pemilihan yang dilakukan ini seolah-olah sistem berpilihan raya tetapi dilaksanakan di peringkat kariah, di peringkat kawasan-kawasan masjid dan surau dan di peringkat kehidupan masyarakat di kawasan itu. Masyarakat atau ahli kariah atau ahli masjid, jemaah masjid sudah pun dikenal pasti lebih awal, bancian telah dibuat mengikut kariah masjid demi masjid, masjid demi masjid. Bancian yang dibuat itu melihatkan kepada kita tentang orang-orang yang layak untuk membuat pemilihan kepada ahli jawatankuasa masjid termasuk juga ahli jawatankuasa surau jadi apa yang kami lakukan bila kami mengambil pentadbiran negeri Selangor ini dalam bulan-bulan yang pertama dan tahun-tahun pertama juga telah diusulkan supaya sistem

daripada ditunjuk ataupun dilantik diubah kepada sistem pemilihan dan untuk menentukan sistem pemilihan ini berjalan dengan telus dengan baik ada beberapa langkah diambil oleh Majlis Agama Islam Selangor dan dilaksanakan oleh Jabatan Agama Islam Selangor. Langkah yang pertama seperti yang saya katakan tadi Tuan Speaker ialah buat bancian. Jadi bancian telah dibuat beberapa bulan telah ditumpukan dengan bantuan jawatankuasa masjid, jawatankuasa surau dan dengan bantuan daripada ahli-ahli, anak-anak kariah, kita telah membanci siapa di antara mereka yang duduk di kawasan yang telah dinamakan sebagai kawasan dalam masjid X, kawasan dalam surau Y dan sebagainya. Itu-itu sudah dibuat. No. 2, setelah-setelah bancian dibuat, bancian itu dipamerkan biasanya di masjid dan di surau dan dalam pameran itu siapa yang tidak-tidak mendaftarkan mengikut tarikh yang telah ditetapkan orang itu tidak dibenarkan untuk melakukan pemilihan kepada jawatankuasa masjid dan surau.

Yang kedua yang dilakukan ialah tentang pemilihan, pemilihan dilakukan biasanya ialah oleh wakil-wakil daripada Jabatan Agama Islam Negeri Selangor, JAIS kalau di peringkat daerah ialah Pegawai Tadbir Agama dibantu oleh pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dengan urusan masjid dan surau. Merekalah yang mengendalikan. Ditetapkan masanya bila mesyuarat akan diadakan dipanggillah mereka diberitahu ahli kariah sama ada melalui khutbah-khutbah Jumaat, sama ada melalui makluman-makluman dalam berbagai-bagai bentuk diberitahu, sekian hari bulan, sekian tarikh akan diadakan pemilihan bagi masjid dan bagi surau di kawasan ini. Maka mereka pun akan datang beramai-ramai.

Yang ketiga apa yang dilakukan ialah pemilihan dibuat secara nampak. Secara nampak sama ada angkat tangan, sama ada melalui kertas-kertas balet. Kertas-kertas balet ini dibuat mengikut warna-warna yang tertentu dan jawatan-jawatan yang tertentu. Jadi ada masjid yang tidak memakai kertas balet tetapi lebih suka mengangkat tangan maka pegawai-pegawai yang dilantik itu akan mengira, ini dia calon dia, ini dia jawatan dia, angkat tangan dia akan dikira. Ini jawatan, ini calonnya, kertas-kertas pencalonan juga akan disimpan dan akan dikira. Kemudian yang ke empat yang dilakukan Tuan Speaker, untuk menentukan ketelusan itu ialah keputusan dibuat pada malam itu juga, pada hari itu juga keputusan dibuat yang didengar dan dihadiri sendiri oleh mereka yang hadir dan didengar keputusan itu supaya tidak berlaku penyelewengan, bawa balik dan sebagainya. Masukkan kertas-kertas undi dan sebagainya yang tidak sah dimasukkan dalam tempat-tempat menyimpan kertas-kertas undi tersebut dan akhirnya pengumuman dibuat. Bila pengumuman dibuat biasanya yang kita lihat daripada 525 masjid termasuk surau yang diberikan taraf masjid iaitu dibenarkan membuat khutbah Jumaat dan juga lebih kurang 1,987 surau maka telah diumumkan keputusannya pada malam itu, pada hari itu diumumkan keputusannya dan keputusan itu pula perlu ditandatangani kalau dalam konteks nazir, ditandatangani oleh orang daripada nazir dan juga setiausaha menandatangani dan untuk disampaikan kepada peringkat pentadbiran daerah. Langkah pentadbiran daerah, ada satu jawatankuasa khas untuk menghalusi lagi, untuk melihat kalau-kalau ada beberapa keraguan yang timbul daripada itu. Daripada itulah pula akan dibawa kepada MAIS dalam jawatankuasa kariah di MAIS. Jawatankuasa kariahlah yang akhirnya yang akan memberikan *endorsement* yang terakhir sebelum dibawa kepada MAIS dalam mesyuarat MAIS dan akhirnya di angkat kepada ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Begitulah lebih kurang prosesnya dan saya ingin menyebutkan buat kali yang keduanya dalam jawapan ini ialah Selangor adalah satu-satunya negeri yang telah mengikuti prinsip-prinsip demokrasi di dalam mentadbir, mengurus terutama dalam melantik, dalam memilih ahli-ahli jawatankuasa masjid dan surau. Jadi sama ada kita mengikut Pulau Pinang atau tidak, tidak timbul. Barangkali saya katakan tadi satu-satunya negeri di Malaysia yang paling ulung yang paling unggul yang paling pertama dan utama yang melakukan sistem ini ialah negeri Selangor. Tuan Speaker, terima kasih.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:

Tuan Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Batang Kali dulu.

YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Terima kasih Yang Berhormat Gombak Setia dan saya niat Yang Berhormat amat baik sekali tetapi dari segi pelaksanaan dia masih perlu di pembaikan. Contohnya macam keputusan diumumkan waktu selepas pemilihan itu sebenarnya tidak berlaku dia dibawa dulu balik ke pejabat daerah dengan nama contohnya nazir ada 3 calon tidak diumumkan undi terbanyak oleh ahli kariah tu, tidak diumumkan sebagai nazir bahkan di bawa balik dulu ke pejabat agama dan undi terbanyak yang di sukai oleh majoriti kariah tidak menjadi nazir dipilih calon yang no. 2, no. 3 dan sebagainya. Ok tak pe dan kesan daripada pemilihan itu apabila keputusan ahli kariah di masjid tidak dipersetujui maka terdapat di kawasan saya, dua buah masjid nazirnya terpaksa meletakkan jawatan kerana tidak mendapat tentangan daripada jawatankuasa yang dipilih oleh kariah seperti masjid Sg. Choh dan juga masjid Kg. Batu 30. Jadi apakah tindakan yang diambil oleh pihak JAIS. Terima kasih.

YB DATO' DR HASAN BIN MOHAMED ALI: Terima kasih Batang Kali, Tuan Speaker, sebagaimana yang kita tahu sudah berpuluh-puluh tahun tentang lantikan kepada jawatankuasa masjid dan surau ini dilakukan secara *appointment by appointment but that was the first time ever in so many years* dalam bahasa Inggeris kita melakukan dengan cara pemilihan. Maka sebab itu, nak mengatakan kita terus mendapatkan satu sistem yang *water type* yang *what ever prove* mungkin tidak dapat kita mengadakan sampai peringkat yang ideal 100% tetapi keseluruhannya sehingga hari ini sistem itu berjalan dengan baik. Memang tidak dapat dinafikan ada nazir yang *resigned*, yang menarik diri ada setiausaha yang menarik diri ini biasanya berlaku daripada 525 masjid dan surau dan sebagainya keseluruhannya melibatkan hampir 47 ribu pegawai-pegawai masjid dan surau sudah tentulah ada beberapa orang yang agaknya tidak bersetuju dengan cara itu kemudian mengambil langkah yang tersendiri. Apa pun JAIS dengan di maklumkan kepada MAIS kita telah mengambil langkah-langkah yang pasti, saya ingin mengumumkan kepada rakyat negeri Selangor bahawa sehingga ini masjid-masjid di Selangor adalah stabil. Surau-surau di Selangor adalah stabil. Kestabilan itu adalah di antara sebabnya oleh kerana pemilihannya sudah dilakukan dengan cara yang paling baik, menepati cita rasa dan kehendak rakyat setempat terutamanya kepada mereka yang tinggal di kawasan diperkellilingan yang disebut ahli-ahli kariah bagi masjid dan surat tersebut. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Bangi.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Terima kasih Tuan Speaker, adakah setakat ini pihak JAIS bercadang mengujudkan suatu Akta pemilihan ahli jawatankuasa masjid dan surau sebagai panduan bukan sahaja untuk negeri Selangor tetapi juga sebagai panduan tempat-tempat lain untuk diikuti dan ada ke istilah pilihan raya ini tepat atau lebih patut kita guna pemilihan jawatankuasa sahaja supaya dia tidak *confuse* dengan pilihan raya umum yang kita adakan. Ini boleh mencelarukan dari segi tanggapan masyarakat bila menggunakan istilah pilihan raya. Terima kasih.

YB DATO' DR HASAN BIN MOHAMED ALI: Terima kasih Bangi ya, itu-itu terminologi, pada saya itu ialah soal *semantic*, soal terminologi ini berbagai-bagai boleh digunakan *election*, pilihan raya, pilihan dan sebagainya tetapi yang pastinya prinsipnya. Prinsipnya. Kalau kita mengamalkan sistem demokrasi inilah prinsip yang kita gunakan. Mungkin dia punya skopnya tidak sebesar pilihan raya seperti yang kita gambarkan mungkin ada cara-cara sedikit kelainan daripada sistem pilihan raya yang diamalkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya tetapi apa pun dari

segi prinsip demokrasi dari segi memberikan satu orang satu undi dari segi memberikan seluas-luasnya kepada seluruh ahli kariah itu peluang untuk mengundi dari segi wanita dan sebagainya diberi peluang untuk mengundi dari segi anak-anak remaja diberi peluang untuk mengundi dari segi orang-orang sama ada yang datang masjid atau yang tidak datang masjid diberi ruang dan peluang yang sama untuk datang mengundi. Dari segi pentadbiran kepada pemilihan itu dibuat secara mengikut prinsip-prinsip demokrasi bagi saya secara peribadi tak perlulah ada enakmen khas untuk mengadakan sistem pemilihan bagi masjid dan surau di negeri Selangor ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Semenyih.

YB TUAN JOHAN BIN ABDUL AZIZ: Tuan Speaker, soalan No. 13.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

TAJUK: PENGURUSAN PEMBERSIHAN AWAM

13. Kerajaan Negeri menyerahkan semula pengurusan pembersihan awam kepada semua 12 Pihak berkuasa Tempatan (PBT) negeri yang sebelum ini dikendalikan Alam Flora Sdn. Bhd.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rasional pengurusan pembersihan awam ini dikendalikan oleh PBT.
- b) Adakah semua PBT berkemampuan untuk menguruskan pembersihan awam sendiri dengan efisien?
- c) Apakah implikasi kewangan dan tenaga kerja pada pihak PBT.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker, Semenyih ingin bertanya mengenai pengurusan pembersihan awam. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri telah mengarahkan agar semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) supaya mengambil alih kerja-kerja pembersihan awam yang sebelum ini dikendalikan oleh Alam Flora. Hal ini berikutan kerana terdapat banyak aduan yang diterima daripada orang awam terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh Alam Flora selain daripada itu Alam Flora turut menetapkan kadar harga yang berbeza di setiap kawasan selenggara PBT bagi kerja-kerja pembersihan awam sehubungan dengan itu, pihak konsesi lantikan PBT terpaksa menanggung bebanan hutang berikutan daripada masalah berkenaan. Kerajaan Negeri berharap dengan perubahan ini prestasi pembersihan awam dan juga kos *effusions* (dengan izin) dapat dipertingkatkan. Berdasarkan daripada mesyuarat yang telah diadakan setiap PBT telah menyatakan kemampuan bagi melaksanakan kerja-kerja pembersihan awam berkenaan. Walau bagaimanapun Majlis Daerah Kuala Selangor dan Majlis Daerah Sabak Bernam menyatakan bahawa mereka menghadapi masalah kekangan kewangan untuk melaksanakannya. Hal ini dapat dibuktikan apabila MDKS dan MDSB terpaksa menanggung hutang kepada pihak Alam Flora. Masalah kewangan dan tenaga kerja merupakan masalah utama kepada semua PBT bagi melaksanakannya. Hal ini kerana semua PBT memerlukan tenaga kerja yang mencukupi bagi menjalankan aktiviti pemantauan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan supaya aduan yang diterima daripada orang ramai akan dapat diselesaikan dengan segera manakala masalah kekangan kewangan merupakan faktor utama yang kita hadapi oleh semua PBT dalam menjalankan kerja-kerja pembersihan awam. Kerajaan Negeri berharap PBT dapat menjimatkan kos selepas mengambil alih daripada Alam

Flora kerana PBT tak perlu lagi membayar komisennya kepada orang tengah seperti Alam Flora dan juga dengan pendekatan baru iaitu *owner operator* (dengan izin) kontraktor sekarang tidak boleh lagi sub-sub jadi kita rasa dengan ini kita boleh menjimatkan kos lah dan Yang Berhormat-Yang Berhormat saya ingin memberitahu bahawa setiap tahun kita perlukan lebih kurang 450 juta untuk pembersihan awam termasuk kutipan sampah jadi pembersihan awam ini merupakan separuh daripadanya jadi kita haraplah bukan sahaja kita dapat mempertingkatkan prestasi kita cuba dapat penjimatan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sungai Pelek.

YB TUAN YAP EE WAH: Terima kasih Tuan Speaker, soalan No. 14.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK: PREMIUM TANAH RM1,000.00

14. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan negeri akan mengamalkan konsep ini ke atas semua jenis kegunaan tanah?
- b) Adakah kerajaan negeri bercadang menjalankan program pemutihan ke atas tanah-tanah simpanan kerajaan yang diteroka?

YAB DATO' MENTERI BESAR: Dato' Speaker, Sungai Pelek mengemukakan soalan mengenai Premium Tanah yang kita berikan sebanyak RM1,000.00 kepada mereka yang diberikan borang 5A yang membolehkan mereka memiliki tanah kerajaan dan kita juga memberikan premium untuk bayaran meningkatkan pajakan ke 99 tahun. Ini kita perkenalkan atas dasar bahawa kita dapati sebelum 2008 terdapat banyak kepincangan daripada segi pemberian pemilikan tanah dan kita dapati ramai yang tidak boleh memiliki tanah tersebut walaupun sudah tinggal di tanah kerajaan ataupun penempatan berpuluh-puluh tahun dan ada kalanya kita dapati juga mereka dipilih untuk mendapat pemilikan tanah kerajaan tersebut. Oleh itu, atas dasar keadilan kepada rakyat dan atas dasar bahawa rakyat perlu mendapat tempat kediaman, maka kita minta supaya Pejabat Daerah mengadakan satu usaha pembersihan yang di tiap-tiap kawasan jika didapati memang hak mereka untuk duduk di tanah-tanah tersebut maka kita berikan peluang untuk mereka memiliki tanah tidak kira sesiapa pun daripada segi parti ataupun daripada segi lain sebab hak tanah itu untuk rakyat. Ini bezanya antara Pakatan Rakyat dengan Barisan Nasional.

Kita buat ini dan hasil daripada usaha tersebut kita dapati ramai mereka tidak boleh membayar premium yang kita kenakan iaitu premium yang kita kenakan itu berdasarkan apa yang disebut nilai pasaran. Nilai pasaran luas tanah tersebut dibahagi $\frac{1}{4}$. Jadi kalau premium untuk tanah tersebut RM100,000.00 bererti yang mereka dapat tanah tersebut untuk namanya dimasukkan pemilik geran tersebut dia kena membayar RM25,000.00. Ramai keluarga yang tidak dapat membayarnya. Jadi kita mesti memikirkan satu alternatif yang lebih bermakna sebab tujuan kita adalah untuk memberikan mereka pemilikan tanah tetapi kalau mereka tidak boleh membayarnya daripada segi peraturan pengurusan tanah kita tidak boleh memberikan tanah itu kepada mereka. Jika mereka tidak bayar dan tawaran kita luput dalam masa 6 bulan, maknanya kita kena buat lagi penilaian semula atau tawaran. Mengikut syarat yang dalam peraturan pengurusan tanah Selangor kita kena buat lagi *revolution* yang disebut penilaian

semula dan ia memakan masa dan mereka mungkin juga masih lagi tidak boleh membayar. Kita tidak boleh memberikan premium yang tidak berasaskan harga pasaran. Jadi kajian kita menunjukkan walaupun tujuan kita murni untuk memberikan peluang untuk pemilik-pemilik kediaman itu mendapat tanah tetapi kita dapati juga mereka ini ramai tidak mempunyai kemampuan dalam masa yang singkat untuk membuat pembayaran berasaskan formula premium yang lepas.

Jadi kerajaan telah berbincang, saya berbincang dengan rakan-rakan daripada warga kerja kita iaitu mereka yang terlibat dalam pengurusan tanah dan galian termasuk SS, PTG dan juga DO-DO yang berkenaan supaya kita cari jalan yang lebih baik supaya memberi mereka alternatif tersebut. Tujuannya ialah kita nak membagi mereka peluang memiliki tanah tersebut tapi mengikut ciri-ciri undang-undang yang ada dalam peraturan pengurusan tanah. Akhirnya kita bersetuju untuk memberi satu *option* walaupun dia boleh bayar, ada sesetengah yang berada boleh terus sahaja dapat borang 5A. Untuk memberikan mereka peluang memiliki tanah kerajaan kalau dia kena bayar 20,000.00, dia bayar 20,000.00 dan terus namanya dimasukkan dalam geran tanah dan beliau menjadi pemilik tanah tersebut tetapi kalau mereka tidak boleh bagaimana? Oleh sebab itu Kerajaan Selangor, Ahli-Ahli EXCOnya bersetuju untuk memberikan *option* yang kedua iaitu dengan membayar pembayaran awal sebanyak RM1,000.00 sahaja. Dengan membayar RM1,000.00 walaupun premium yang dibayar mengikut kiraan kita RM20,000.00, RM50,000.00 atau RM100,000.00 atau RM7,000.00. Dengan membayar RM1,000.00 sahaja mereka boleh didaftarkan sebagai pemilik tanah. Dengan pendaftaran itu dia menjadi pemilik tanah dan kita ada sekatan tentang pendaftaran tersebut. Dalam pendaftaran tersebut kita katakan apabila mereka memindahkan hak milik ini, ataupun dalam perkataan lain menjual tapak tanah tersebut kepada orang lain dan untuk digantikan nama masa itulah premium perlu dibayar. Ia bererti premium perlu dibayar hanya apabila terdapat urus niaga penjualan tanah tersebut. Dengan itu kalau masa tersebut dia jual tanah katalah dapat RM1 juta harga tanah dia kena bayar $\frac{1}{4}$, bererti sebanyak 250,000 dia kena bayar RM250,000.00 kepada Kerajaan negeri supaya ditukarkan pendaftaran tersebut tetapi kita juga memberi menyatakan pertukaran ini hanya dalam urus niaga kepada mereka yang lain. Tetapi untuk urus niaga untuk urus niaga ataupun pertukaran tanah bukan urus niaga kepada keluarga maknanya bapak hendak menyerahkan tanah kepada anak yang berhak mendapat tanah tersebut, pertukaran nama tersebut biasanya mendapat kelulusan Mahkamah ataupun kelulusan pihak yang menetapkannya dan itu tidak perlu premium, premium masih lagi tidak dikenakan. Maknanya pembayaran premium sepenuhnya tidak dikenakan. Maknanya dia masih tetap dalam proses tersebut. Tetapi jika anaknya menjual kepada orang lain dan masa itulah pembayaran premium dikenakan dan inilah tujuan kita suatu konsep Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor yang kita perkenalkan dan tidak tergambar kepada saudara-saudara sekalian bagaimana perlunya kita menggunakan ini sebab kita dapati proses pemilikan tanah mereka yang perlukan tanah itu tidak dibuat dengan secara terus sehinggakan kita dapati banyak daripada mereka tidak boleh memiliki tanah tersebut. Jadi jawapan yang Sg. Pelek adakah pemutihan kepada simpanan kerajaan? Ini bukan, Sg. Pelek. Kita bukan hendak buat *business*. Ini bukan *business*. Ini tujuan kerajaan negeri untuk memberikan mereka tapak kediaman. Kalau untuk *business* kerajaan negeri pun boleh buat *business*.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Speaker. Boleh..

YAB DATO' MENTERI BESAR : Dia kena gunakan dalam bentuk apa yang dipanggil mengikut syarat-syarat tanah. Nantilah dulu.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ok. Hendak mohon, mohon penjelasan.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Nanti saya benarkanlah.

YB TUAN SPEAKER : Tengah jawab ni. Ini bukan perbahasan, tengah jawab. Tunggu, tunggu.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya mohon, mohon penjelasan.

YB TUAN SPEAKER : Bukan penjelasan sekarang. Awak tak tahu peraturan lagi?

YAB DATO' MENTERI BESAR : Ya, soalan tambahan boleh. Jadi proses, saya terangkan, saya mengambil masa untuk menerangkan ini untuk menunjukkan perkara ini baru dan kita akan turun, kita mahu bincangkan di Pejabat-pejabat Daerah sebab DO – DO telah diberi penerangan dan ada juga apa yang disebut F.A.Q, *Frequently Ask Question*. Nanti Yang Berhormat, kalau tak dapat penjelasan di sini dalam web kita ada juga soalan-soalan yang selalu ditanya. Ada juga kita sediakan. Dan kita tidak bercadang untuk mengenakan, memberikan peluang ini kepada cara-cara yang lain. Cara-cara yang lain itu ataupun urus niaga yang lain masih lagi berpandukan syarat-syarat yang kita buat iaitu syarat-syarat yang termaktub dalam Kanun Tanah Negara dan juga termaktub dalam Selangor Land Rules. Ini kita lakukan dan kita harap perkara ini dapat kita sebarkan untuk pengetahuan ramai.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tuan Speaker

YB TUAN SPEAKER : Ia, Sungai Pelek.

YB TUAN YAP EE WAH : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan. Kebanyakan tarikh luput pajakan tanah di Kampung Baru masih lama. Khususnya di kawasan saya. Jadi ada tak satu had dia berapa lama yang pemilikan rumah kediaman di kampung-kampung baru itu boleh memohon untuk dalam skim pemberian tanah RM1,000.00 ini?

Soalan No. 2. Jika pemilik tanah ini selepas membayar premium RM1,000.00 dan digadai pajakan di dalam bank dan jika beliau tidak dapat bayar siapa yang akan menanggung kerugian ini? Dan yang ke 3, apabila dijualnya harta tanah itu 25% bagi saya Sungai Pelek, lebih kurang samalah. Sebagai contoh, sebidang tanah di Kampung baru Sepang yang sebelum 2008 apabila *approvenya*, lulusnya lanjutkan tempoh pajakan sehingga 99 tahun di dalam Majlis Daerah adalah RM0.50 kiraannya kali dengan kaki persegi dan Majlis Perbandaran adalah RM2.50. Lebih kurang itu adalah RM25,000.00 untuk 99 tahun dan lebih kurang RM3,000.00 untuk 60 tahun. Jadi kebanyakan orang yang tidak mampu melanjutkan tempoh pajakan sehingga 99 tahun mereka pilih 60 tahun. Walau bagaimanapun dalam urusan saya apabila saya menjalankan sebelum 2008 lagi Kerajaan Negeri..

YB TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, ini soalan tambahan bukan masa ucapan. Jadi ringkaskan.

YB TUAN YAP EE WAH: Ia, ia. Jadi memang apabila menunjukan kepada Ahli EXCO, dapat diskaun sebanyak 50%. Jadi RM25,000.00 itu ditolak 50% RM12,500.00 sahaja. So, setakat ini 3 tahun ada tak permohonan yang Kerajaan terima dan ada tak kelulusan dia bagikan. Terima kasih.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Saya berterima kasih kepada Sungai Pelek beberapa soalan yang dikemukakan tetapi saya hendak jawab soalan yang akhir sekali itu supaya Sungai Pelek tahu tentang cara yang kita buat sekarang yang boleh terdedah kepada salah penggunaan. Ertinya kalau Sungai Pelek jadi Wakil Rakyat dan buat *recommendation* dapat, apa yang dikatakan boleh dapat 50% diskaun. Orang lain boleh dapat 10% diskaun. Orang lain boleh dapat. Jadi oleh sebab itu terdapat perbezaan. Jadi saudara boleh ...

YB TUAN YAP EE WAH: Rasa saya

YB TUAN SPEAKER: Yang Berhormat kita tengah beri penjelasan ni. Dengar penjelasan. Belum dengar penjelasan dah tanya. Duduk dulu.

YB TUAN YAP EE WAH: Dia silap.

YB TUAN SPEAKER: Biar habis dulu. Habis dulu. Habiskan dulu. Biar habiskan dulu kalau tidak macam mana hendak habiskan ni? Biar penjelasan kalau tak betul tanya lagi.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Yalah saya hendak terangkan ini boleh membuka kepada peluang-peluang perbezaan, peluang-peluang perbezaan. Saya sudah tengok rekod dalam EXCO terdapat perbezaan peluang-peluang tersebut. Boleh jadi Sungai Pelek belum baca kertas-kertas EXCO sejak 10 tahun yang lepas. Terdapat perkara ini berlaku. Oleh sebab itu untuk cara yang terbaik yang ditetapkan dalam Kanun Tanah Negara dan juga cara pentadbiran Negeri Selangor, dia mesti berasaskan harga pasaran semasa, harga pasaran semasa. Untuk Negeri Selangor, harga pasaran semasa berubah, berubah sebab dari masa ke semasa. Kalau Subang Jaya saudara yang sebutkan pada tahun 2005 dengan harga RM2010.00 perubahannya sangat besar. Kalau dalam setahun pun terdapat perubahan harga yang sangat besar. Oleh sebab itu dalam Selangor Land Rules, dia menetapkan supaya nilai tersebut dibuat pada masa 6 bulan sahaja. *So that*, selepas 6 bulan boleh jadi harga itu berubah lagi. Dengan perubahan itu kita sekarang kena buat penilaian semula. Oleh sebab itu kita tengok mengapa kita menggunakan nilai pasaran. Sebab itulah cara yang terbaik dan dibuat penilaian itu oleh Kumpulan Profesional *Valuers* yang bertauliah dan juga daripada yang dipilih dan melalui Kementerian Kewangan di Jabatan *Valuation* ataupun mengukur nilai. Itu yang dibuat. Jadi tidak ada peluang untuk apa yang dikatakan *adjustment* ataupun mengubah-ubah. Jadi dengan cara itu, rekod dalam proses pentadbiran tanah Kerajaan Negeri adalah tetap. Sebab itulah apabila saudara tanya dia tidak bayar, dia sudah diberi tanah, peluang untuk membeli tanah. 5A sudah diberi. Dia duduk termenung. 3 bulan dia tidak mahu bayar, 7 bulan dia tidak mahu, 2 tahun dia tidak mahu bayar. Apabila dia rasa hendak bayar, dia bayar. Itu tidak boleh. Yang sebenarnya tidak boleh. Tapi oleh kerana saudara-saudara juga membolehkan. Diubah suai untuk itu. Jadi tidak boleh. Jadi dalam pentadbiran itu tidak boleh.

Oleh sebab itu kita mesti mencari jalan bagaimana dia boleh melakukan. Jadi jawapan kita dia boleh bayar mengikut harga penilaian sekarang dengan premium yang kita beri. Memang *standard*. Ada boleh beri diskaun 70%, ada 20%. Ada juga yang diskaunnya. Saya rasa pernah dibuat oleh EXCO dengan harga yang sangat murah, RM1.00. Tapi tidak ramai orang dapat. Kalau kita kaji mengapa mereka dapat pun memalukan kita. Oleh sebab itu, kita kata tidak boleh kita buat begini. Ini bukan cara mentadbir negeri dengan telus dan bertanggungjawab. Jadi oleh sebab itu kita buat caranya ialah kalau tidak boleh membayar tapi saudara mempunyai hak, kita berikan nilai ataupun pembayaran yang munasabah, RM1,000.00. Ada juga Sungai Pelek, mungkin ada F.A.Q. Sungai Pelek. Kalau orang yang tak boleh bayar RM1,000.00 bagaimana saya hendak buat? Garu rambut, tak boleh, tak payah. Kita juga adakan peruntukan kebajikan. Betul-betul dia tidak boleh bayar dan kita bayarkan dan dia tapi pemilik tersebut memberikan sumbangan perkhidmatan dengan kerja. Maknanya dia akan bekerja, kita beri dia kerja supaya dapat membayar duit yang RM1,000.00 itu. Jadi jawapan saya yang pertama, kita tidak boleh lagi memberikan pelepasan 2 tahun tak bayar, 3 tahun tak bayar. Yang sebenarnya dalam masa 6 bulan jika mereka tidak bayar peluang itu luput, habis dan tanah itu milikan Kerajaan Negeri.

Kedua, kita mshu tentukan supaya cara-cara pembayaran itu dibuat dengan cara yang lebih tertib. Ini lebih tertib. Jadi tidsk perlu sama ada dari kawasan Sungai Pelek ataupun daripada kawasan Ijok ataupun daripada kawasan Bukit Antarabangsa ataupun daripada kawasan-kawasan lain-lain, pembayarannya boleh dibuat dengan opsyen yang RM1,000.00. Jadi kita dapat buktikan cara pemikiran kita, cara pemikiran Pakatan Rakyat ialah keadilan untuk semua dan dia, mereka berhak. Jadi kalau ia hak mereka kita berikan dan cara pemilihan juga penting dan kita paparkan nama-nama mereka di kampung-kampung, di kawasan-kawasan menentukan mereka ini benar-benar yang tinggal dekat kawasan tersebut. Jadi kita memberitahu ADO kalau rumah orang tidak duduk, orang itu tidak dapat tapak kediaman. Jadi rumah itu tidak ada orang, tanah itu tidak ada orang duduk. Kita ambil gambar, memang tak ada, walaupun dia kata nama dia sudah tidak ada, mereka tidak berhak sebab kita memberikan tapak kediaman. Jadi kita buat secara teratur, boleh diaudit, boleh ditengok dan dengan cara itu pentadbiran tanah Negeri Selangor dapat sampai tahap yang disebut ketelusan dan bertanggungjawab.

YB TUAN SPEAKER: Ia, Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan saya. Dalam usaha Kerajaan mempraktikkan Konsep Merakyatkan Ekonomi, memberi premium RM1,000.00 ini bagaimanakah implikasi kewangan oleh kerana Kerajaan bertanggung kepada cukai tanah, bagaimanakah implikasi kewangan, kedudukan kewangan dalam jangka masa pendek dan panjang untuk memberi premium RM1,000.00 ini?

YAB DATO' MENTERI BESAR: Saya juga membuat kajian 10 tahun daripada segi bentuk pendapatan yang diperoleh oleh Kerajaan Negeri. Antaranya adalah pendapatan dalam bentuk premium, cukai tanah dan pendapatan-pendapatan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan yang berasaskan janji yang dibuat dalam perlembagaan, sebelum itu ada dan saya perhatikan. Jawapan yang saya dapati trendnya, walaupun kita setuju tentang premium, pendapatan premium itu tidak dapat terus dijangka sebab terdapat banyak pembayaran tidak dibuat. Oleh sebab itu daripada segi kajian saya dia tidak memberi impak yang terus kepada jumlah pendapatan Kerajaan Negeri semasa. Tapi yang penting ialah sekarang apabila skim ini berlaku semua tanah yang kita terjemahkan itu sudah masuk dalam rekod kita. Oleh itu kalau benar-benar Negeri Selangor ini akan menjadi negeri maju seperti tanah di Petaling Jaya, 10 tahun dahulu boleh jadi harganya RM20.00 sekaki. Sekarang kalau nasib tuan baik kalau tuan tawarkan RM150.00 sekaki diterima oleh pemilik tersebut saudara bernasib baik, belillah. Tetapi kalau tidak yang sebenarnya sudah lebih daripada harga tersebut. Oleh itu dengan membuat rekod ini, katalah dijual pada tahun 2012 dan harganya bukan lagi RM200.00 sekaki tetapi boleh jadi RM500.00 sekaki seperti berlaku di *Golden Triangle*. Saudara tahu *Golden Triangle* itu adalah tanah-tanah di sekeliling *Twin Tower* itu.

Golden Triangle itu harganya sekarang sudah lebih 500. Orang yang duduk di Kampung Baru pun, di Kampung Baru tidak hendak menjual tanahnya dengan harga kurang daripada....Dengan itu bila dijual tanah pada masa tersebut Kerajaan Neger sudah dapat premium. Jadi setiap tahun Kerajaan Negeri memantau tentang pendapatan premium. Dengan cara itu cara pengurusan kewangan Kerajaan Negeri adalah lebih mantap lagi daripada sekarang tidak tahu berapa pendapatannya. Dan kita tahu sekurang-kurangnya urus niaga dalam urbanization....dalam apa yang disebut perbandaran melebihi 20% setahun. Jadi kita sudah mula menyimpan rekod-rekod perniagaan dan pendapatan. Dan saya jangkakan Kerajaan Negeri boleh mendapat pulangan daripada skim ini dengan cara yang lebih mantap dan kita juga bekerjasama, rakyat yang mendapat tanah tersebut mesti bekerja kuat. Dia membina rumah lebih cantik dek kerana dia sudah memiliki harta tersebut dan nilai kawasan tersebut semakin meningkat. Jadi apa kita terjemahkan? Kita memulangkan peluang

meningkatkan harta rakyat kepada rakyat. Dan rakyat berkongsi dengan Kerajaan Negeri apabila pembangunan berlaku. Jadi semua rakyat mahukan pembangunan negeri Selangor sebab apabila pembangunan negeri Selangor berlaku nilai tanahnya meningkat dan apabila nilai tanah meningkat apabila berlakunya urus niaga mereka juga dapat hasil dan Kerajaan Negeri sudah tentu mendapat hasil daripada tanah-tanah tersebut yang diurus dengan baik. Jalan boleh kita buat, parit boleh kita betulkan dan cara-cara pentadbiran yang telus bertanggungjawab akan berterusan.

TUAN SPEAKER: Bukit Antarabangsa....

YB TUAN MOHAMAD AZMIN ALI: Tuan Speaker, orang yang kotor tidak bersih, hadir perhimpunan menaki bas, himpunan bersih tanda kasih, soalan saya no.15.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : PELABURAN

15. Berdasarkan pindaan Akta Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) berhubung pemberian taraf perintis yang dibentangkan dalam Parlimen baru-baru ini.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk memastikan Negeri Selangor menjadi destinasi utama pelaburan memandangkan kita mempunyai potensi yang terbaik termasuk pelabuhan?

TUAN SPEAKER: Lain kali terus pada soalan ya.....

YB PUAN TERESA KOK SUH SUM: Terima kasih YB Bukit Antarabangsa atas soalan YB yang agak bersih. YB Bukit Antarabangsa tahniah tentang pindaan akta Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia iaitu MIDA. Berhubung dengan pemberian perintis yang dibentangkan dalam parlimen baru-baru ini. Jadi untuk maklumat YB dan juga ahli-ahli Dewan dalam pindaan akta Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia yang diluluskan oleh Parlimen yang fokusnya adalah seperti berikut iaitu MIDA bertukar nama daripada Malaysia *Industrial Development Authority* kepada Malaysia *Investment Development Authority* supaya MIDA boleh memainkan satu peranan yang lebih proaktif dalam menambahbaikkan pelaburan yang masuk ke Malaysia. Selain itu fasa dalam rang undang-undang itu *manufacturing activities and other related services* telah pun dipinda dan ditukar kepada *Manufacturing and Service Sector* supaya yang sektor perkhidmatan itu diberikan penekanan yang lebih melalui pindaan akta tersebut. Selain itu satu peruntukan yang baru dalam Seksyen 7C dalam pindaan MIDA itu di mana dengan persetujuan Menteri berkenaan yang MIDA boleh menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 untuk melaksanakan mana-mana projek yang mereka rasa sesuai. Dan selain itu MIDA juga boleh memberi pinjaman dan juga bantuan kewangan kepada sektor swasta daripada dana mereka dengan persetujuan daripada Menteri Kewangan. Jadi ini adalah pindaan yang utama dalam pindaan Akta Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia dan diluluskan oleh Parlimen dalam sidang yang baru-baru ini. Jadi ia tak ada kena-mengena dengan pemberian taraf perintis dalam seperti apa yang ditanya oleh YB Tapi walau bagaimanapun bagi memastikan Negeri Selangor menjadi destinasi utama pelaburan pihak

Kerajaan Negeri telah pun mengambil beberapa pendekatan seperti berikut: 1) memastikan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang pragmatik dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing 2) konsep mesra pelabur yang diterapkan dengan mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan pihak industri secara berkala bagi mendapatkan maklum balas mengenai permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri ataupun pelabur di Selangor. 3) menaik taraf infrastruktur di kawasan-kawasan industri serta menyediakan kawasan perindustrian yang selesa seperti apa yang ada di Selangor Science Park 4) mempercepatkan proses penyelesaian masalah yang dihadapi oleh pihak industri 5) mempercepatkan proses kelulusan permohonan seperti permohonan Sijil Layak Menduduki, permohonan kelulusan Pelan Bangunan dan lain-lain kelulusan yang diperlukan oleh Industri ataupun pelabur melalui *One Stop Centre* (OSC) yang ditubuhkan di setiap PBT. 6) penubuhan Jawatankuasa Pelaburan peringkat Negeri dan Daerah bagi memantau pelaksanaan projek-projek pelaburan di setiap daerah serta mempromosikan peluang-peluang pelaburan di setiap daerah. 7) penubuhan *Industrial Park Management Community* (IPMC) di setiap kawasan perindustrian yang di bawah PBT. 8) mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan di semua peringkat termasuk di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan. 9) Penambahbaikan fungsi SSIC bagi memantapkan keupayaan dalam memberi perkhidmatan. 10) pemantauan yang lebih kerap terhadap projek-projek yang sedang dilaksanakan 11) penganjuran dan penyertaan dalam misi-misi pelaburan ke luar Negara 12) bekerjasama dengan pihak swasta dan badan-badan perniagaan bagi menarik pelaburan dari luar Negara. 13) meningkatkan Program Dialog Bersama Industri bagi mengenal pasti isu dan permasalahan dihadapi bagi mencari jalan penyelesaian agar pihak industri terus beroperasi 14) penubuhan jawatankuasa PEMUDAH Selangor bagi penambahbaikan sistem penyampaian Negeri Selangor 15) Penubuhan unit Pelaburan di peringkat pihak-pihak Berkuasa Tempatan . Sekian, Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Bukit Antarabangsa....

YB TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI: Terima kasih YB EXCO. Saya menyambut baik usaha kerajaan Negeri untuk mengambil langkah-langkah yang proaktif dalam usaha menarik pelaburan ke dalam Negeri Selangor. Dan kita juga telah menyaksikan bahawa MIDA telah menawarkan banyak insentif termasuk elaun cukai pelaburan, elaun industri, taraf perintis. Maka persoalannya apakah YB berpuas hati terhadap tahap pelaburan yang telah berjaya dibawa masuk ke dalam Negeri Selangor dalam tempoh tiga tahun yang lalu? Keduanya, apakah ada usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk duduk dan berbincang dengan pihak MIDA memandangkan Negeri Selangor ini penting untuk membantu meningkatkan prestasi MIDA dalam menarik pelaburan maka sudah tentulah Kerajaan Negeri juga harus berusaha untuk bekerjasama dengan MIDA bagi mencapai matlamat yang telah disasarkan dan akhirnya adakah YB bersetuju untuk melihat keperluan Kerajaan Negeri memberikan insentif-insentif khusus untuk pelaburan-pelaburan yang berjaya membawa masuk teknologi yang tinggi, teknologi baru dengan jumlah pelaburan yang agak munasabah dan mampu untuk meningkatkan dan menyediakan pekerjaan bagi rakyat di Negeri Selangor. Terima kasih.

YB PUAN TERESA KOK SUH SUM: Terima kasih YB Bukit Antarabangsa. Sebenarnya kerjasama di antara Kerajaan Negeri Khususnya di antara SSIC dengan MIDA memanglah mesra dan juga rapat dan selalunya bila kita adakan misi pelaburan ke luar negara kita selalu minta kerjasama dan juga bantuan daripada MIDA dan selalunya kita juga setiap Negara yang kita pergi kita juga tentu akan menjemput pegawai MIDA yang bertapak di Negara berkenaan untuk bersama dengan rombongan kami bila kita melawat syarikat-syarikat yang berpotensi untuk datang melabur di Malaysia ataupun di Selangor. Memang tak ada masalah dari segi hubungan di antara MIDA dan juga pihak SSIC. Dan dari segi pelaburan dalam tiga tahun

yang lepas sebenarnya dalam sidang DUN yang lepas itu saya telah pun memberi satu kenyataan di mana bila saya menjumlahkan statistik yang diberikan oleh MIDA dalam tiga tahun yang lepas sejak Pakatan Rakyat menjadi Kerajaan di Selangor jadi memang Selangor ini mendapat kedudukan yang nombor satu dari segi jumlah pelaburan di seluruh Malaysia. Jadi ini adalah pencapaian kita selama ini. Walaupun kita tak dapat tempat nombor satu di setiap tahun tapi dari segi jumlah pelaburan kita masih tertinggi. Dan di sini saya ingin memberitahu ahli-ahli Dewan ni pada tahun ni mengikut sumber MIDA daripada bulan Januari hingga April dari segi pelaburan perindustrian yang tempat yang pertama adalah Johor iaitu 3.5 bilion, kedua 3.2 bilion dan Selangor nombor tiga, 3.19 bilion. Jadi ini adalah kota pertama yang daripada tahun ini dan ini hanya dalam sektor perindustrian sahaja. Walau bagaimanapun kalau kita lihat angka ini yang perbezaannya memang agak rapat, jadi kami memang berharap dengan usaha yang dilakukan oleh SSIC dan juga Kerajaan Negeri kita berharap kita boleh capai nombor satu pada akhir tahun ini. Jadi saya berharap saya dah jawab semua soalan YB Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku....

YB TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker, Soalan saya yang ke 16.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK

16. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah PKNS akan membangunkan rumah-rumah mampu milik di daerah Petaling dalam masa lima tahun yang akan datang memandangkan keperluan rakyat terhadap rumah mampu milik semakin meningkat di daerah Petaling?

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD: *Assalamualaikum warahmatullahi wabaraqatuh.* Salam Sejahtera, *Bismillahi rahmani rahim*, terima kasih kepada YB saya akan menjawab soalan no. 16 Kampung Tunku bersama dengan soalan No. 87 Telok Datuk, Soalan No. 111 Bukit Antarabangsa, Soalan no. 115, Batu Caves, Soalan No. 165, Sekinchan, Soalan bernombor 186 Rawang dan Soalan bernombor 237 Bangi. Rumah Mampu milik yang di laksanakan atau diilhamkan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah bertujuan untuk memberi peluang memiliki rumah pada mereka-mereka yang tertinggal sebelum ini. Kita ada rumah kos rendah di mana pendapatan di bawah RM2500.00 sebulan mereka layak membeli rumah kos rendah berharga RM42,000.00 ke bawah. Tetapi kita mendapati bahawa yang mempunyai pendapatan di dalam kelompok RM2,500.00 hingga RM5,000.00 ini tidak mampu untuk membeli rumah. Selain itu kita mendapati bahawa kelompok mereka yang muda iaitu di bawah 35 tahun tidak mampu membeli rumah.

Oleh itu skim rumah mampu milik Kerajaan Negeri Selangor telah dilaksanakan dan untuk menjawab tentang kawasan-kawasan yang akan dibina seperti mana menurut perancangan PKNS. Kawasan-kawasan yang akan dilaksanakan adalah pertama adalah di Daerah Hulu Langat, di Bandar Baru Bangi di mana sekarang ini telah bermula pembinaan untuk seratus empat unit untuk 2011. Kemudian di Daerah Gombak kita ada Kampung Sri Temenggung akan dibina lima ratus unit yang tahun yang akan dimulakan ialah tahun 2011, tahun ini kemudian juga di Daerah Gombak iaitu di Kota Puteri pun dua ribu seratus enam puluh dua

unit, tahun 2011 di Kota Puteri juga ada seratus lapan puluh unit, seratus enam puluh unit dan tiga ratus lima puluh empat unit yang akan dilaksanakan pada tahun ini juga. Kita juga ada di Daerah Petaling iaitu di Bukit Bandaraya sebanyak dua ratus empat puluh enam akan dilaksanakan pada 2011, di Petaling juga di U12 sebanyak seribu unit akan dilaksanakan di antara 2012 hingga 2017. Daerah Petaling Bukit Cerakah enam ratus unit akan dilaksanakan antara 2016 hingga 2021, Kemudian di Hulu Selangor iaitu di Antara Gapi di Seksyen 1D dua ratus unit akan dilaksanakan juga, di Seksyen 1D Antara Gapi juga sebanyak tiga ratus lapan unit akan dilaksanakan tahun hadapan 2012 dan Hulu Selangor Jaya di Laman 5 tujuh ratus sepuluh unit akan dilaksanakan di antara 2017 hingga 2021 dan juga di Bernam Jaya iaitu di Laman 9 empat puluh unit antara 2017 hingga 2021. Di Sepang di Selangor Sains Park 2, di Seksyen 4 sebanyak tiga ratus tiga puluh unit pada tahun 2012 dan juga di Seksyen 4 empat ratus sembilan puluh unit 2013 hingga 2015. Saya akan memberikan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian senarai yang terperinci ini dan jumlah yang akan dilaksanakan dalam masa sepuluh tahun sebanyak sebelas ribu dua puluh satu.

Untuk menjawab yang seterusnya iaitu apa perbezaan di antara rumah-rumah mampu milik Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan sebelum yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat sebelum saya menggariskan apakah perbezaannya menegaskan di sini bahawa rumah mampu milik Kerajaan Negeri Selangor telah diilhamkan atau kita mula-mula membuat perancangan pada tahun 2009 walhal rumah mampu milik yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan hanya dilaksanakan pada tahun 2011. Ini bermakna bahawa seperti biasa Kerajaan Negeri Selangor mendahului Kerajaan Persekutuan. Perbezaan di antara rumah mampu milik Kerajaan Negeri Selangor dengan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Selangor pendapatan yang kita sasarkan adalah di antara dua ribu setengah hingga lima ribu tetapi Kerajaan Persekutuan pendapatan mereka di antara tiga dengan enam ribu. Kemudian harga jualan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah di antara enam puluh sembilan ribu hingga seratus ribu walhal bagi Kerajaan Persekutuan harga maksimum tiga ratus ribu. Ini bermakna rumah mampu milik Kerajaan Negeri Selangor lebih murah daripada Kerajaan Persekutuan. Dari segi reka bentuk Kerajaan Persekutuan menetapkan minimum tiga bilik tetapi Kerajaan Negeri Selangor kita akan membina beberapa jenis rumah mampu milik, menurut kehendak keluarga jadi mungkin ada satu bilik, ada dua bilik, ada tiga bilik dan ada empat bilik. Dan ada juga rumah mampu milik yang kita sedang rancang dan akan laksanakan di mana apabila keluarga itu kecil rumahnya boleh menjadi dua bilik dan apabila keluarganya besar atau bertambah akan anaknya rumah itu akan menjadi tiga atau empat bilik, kita akan panggil rumah itu rumah modeler rumah mampu milik. Dan apabila anak dia telah keluar atau pun telah meninggalkan rumah dia boleh jadi dua bilik balik dan satu bilik lagi boleh disewa kepada orang luar. Jadi inilah di antara inovasi-inovasi yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri dan dari segi keluasan kita punya adalah di antara lapan ratus lima puluh hingga seribu kaki persegi dan Kerajaan Persekutuan tetapi kita juga menyasarkan rumah-rumah untuk golongan kurang upaya dan juga untuk warga emas. Untuk rumah mampu milik Kerajaan Negeri Selangor boleh kita akan *control* – kawal di nama ianya disasarkan kepada golongan yang betul-betul memerlukan tetapi kita telah meletakkan kota sebanyak empat puluh peratus di bawah tiga puluh lima tahun. Sebab kita merasakan di bawah mereka tiga puluh lima tahun ini memerlukan rumah mampu milik.

Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat tentang keperluan kajian sedang kita dilakukan untuk menetapkan sebenarnya dalam masa sepuluh tahun itu berapakah sebenarnya rumah mampu milik diperlukan. Ini dilakukan bersama dengan Unit Perundingan Universiti Malaya ianya telah dimulakan daripada bulan Jun 2011 dan akan tamat bulan Disember 2011. Dan asalnya kita bercadang EXCO mahukan bahawa Kerajaan Negeri bekerjasama dengan REDHA untuk melakukan kajian tersebut kosnya ialah seratus ribu, lima puluh ribu RM Kerajaan Negeri

dan lima puluh ribu adalah REDHA tetapi masalahnya REDHA tidak mahu bersama di dalam kajian ini. Jadi Kerajaan Negeri terpaksa menanggung keseluruhan kos tersebut sebanyak seratus ribu. Walau bagaimana pun ingin saya ditekankan di sini bahawa kalau kita nak mengharapkan PKNS mungkin kita tidak akan dapat capai jumlah yang kita hasratkan. Oleh kerana itu Kerajaan Negeri juga telah mengadakan rundingan dengan syarikat-syarikat pemaju dan swasta yang hendak membina rumah mampu milik dan kita telah mendapat persetujuan daripada beberapa pemaju dan ingin saya mengumumkan di sini mendapat satu pemaju akan membina lima ratus tiga puluh enam rumah mampu milik di Shah Alam dan projek ini menunggu kelulusan daripada EXCO sahaja dan satu ratus sepuluh rumah mampu milik sedang dibina di Sungai Long oleh Pemaju Swasta. Jadi bermakna usaha membina rumah mampu milik ini bukan hanya kepada Kerajaan, hanya kepada PKNS kita juga mahu dan pemaju-pemaju swasta untuk sama-sama membantu Kerajaan Negeri untuk mencapai realiti untuk semua, terima kasih.

YB TUAN LAU WENG SAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Ya Kg. Tunku.

YB TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih. Saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri adakah Kerajaan Negeri juga akan menetapkan bahawa rumah mampu milik ini apabila telah dibina dan dijual dan pemilik rumah itu tidak boleh menjual kembali rumah itu untuk mengaut keuntungan. Ini adalah suatu perkara yang sangat penting kerana kalau kita lihat rumah kos rendah sekarang ramai yang dapat rumah itu tetapi mereka menjual mendapat keuntungan sampai daripada seratus peratus. Yang kedua ingin saya bertanya juga tadi Yang Berhormat telah menyatakan beberapa tempat yang dibina rumah kos rendah walaupun ada yang terdapat di Daerah Petaling saya rasa saya tidak dapat dengar apa-apa rancangan untuk membina rumah mampu milik di Majlis Pentadbiran Petaling Jaya. Sebab beberapa tempat di Bukit Cherakah U12 itu semua itu terletak di kawasan Shah Alam. Jadi oleh itu saya ingin bertanya Yang Berhormat juga adakah Kerajaan Negeri juga ingin memasukkan binaan rumah mampu milik di mana-mana projek pembangunan di kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya seperti PJ Elivitis, terima kasih.

YB TUAN ISKANDAR B. A. SAMAD: Terima kasih kepada Yang Berhormat Yang pertama dari segi kita nak kawal pemilikan supaya rumah mampu milik seperti contohnya di Bangi mungkin harganya lapan puluh sembilan ribu tetapi dalam masa setahun mungkin akan meningkat seratus lima puluh ribu, seratus lapan puluh ribu. Jadi ada dua kaedah ini kita sedang kaji yang pertama adalah untuk kita menghalang atau melarang mana-mana rumah mampu milik dijual dalam masa lima tahun yang pertama tidak boleh dijual, kita akan halang akan *transfer* pemindahmilik nama, yang kedua adalah agar mereka nak jual boleh kita akan mengehadkan dia punya *profit* margin dengan izin bermakna keuntungan itu kita akan hadkan ini sebenarnya di antara kaedah-kaedah yang dilakukan di Negara lain seperti di Kanada dan sebagainya di mana mereka akan hadkan keuntungan rumah mampu milik itu hendak dijual. Dan juga di Singapura rumah HDB kalau nak jual tidak boleh secara terbuka tetapi perlu dijual balik kepada Kerajaan yang ini dua cara yang kita sedang kita lihatlah. Kita memang bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat bahawa di kawasan utama PJ ataupun Majlis Bandaraya perlu ada rumah mampu milik, belum ada dan sekadar melihat kepada perancangan. Jadi saya akan mengambil maklum atau mengambil kira dan akan mengusulkannya kepada PKNS contohnya di *Eliveter City* dan di pelbagai lokasi seperti yang strategik di kawasan Bandaraya, terima kasih.

YB TUAN DR. SHAFIE B. ABU BAKAR: Tuan Speaker, Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Bangi.

YB TUAN DR. SHAFIE B. ABU BAKAR: Terima kasih. Pertama sekali Bangi mengucapkan terima kasih kerana memilih Bangi sebagai tempat awal didirikan rumah mampu milik tetapi ini sebagai tayangan sahaja sebab paling sedikit di Bangi seratus dua puluh empat dihanding disebut tadi sampai lapan ratus mengapa Bangi terlampau sedikit. Sebelum diumumkan lagi dah seribu orang memohon dan sekarang sudah tiga ribu yang orang memohon, jadi tidak adakah rancangan perbanyakkan rumah mampu milik yang rumah sekarang terlampau mahal. Yang kedua tiada ke program kedai mampu milik, kerana kedai pun terlampau mahal satu juta lebih sekarang dua tingkat terutama di Bangilah jadi tak mampulah orang nak beli. Kalau ada rancangan Kedai mampu milik, boleh Bantu ertinya peniaga-peniaga miliki kedai mampu milik. Baru-baru ini berlaku kebakaran 2 Julai 2011 di Bangi sembilan buah kedai, mereka meminta saya sebagai perunding kalau pihak PKNS boleh bina balik kedai itu dengan perkiraan sebagai kedai mampu miliklah yang boleh mereka bayar balik jadi diperbanyakkan tingkatan kedai itu boleh PKNS ambil untung jual bahagian atas dan mereka dapat untuk modal bahagian bawah jadi PKNS boleh untung, pemilik tidak perlu cari duit pinjaman yang membebankan mereka, mereka ini miskin-miskin. Jadi boleh ke semua itu, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Soalannya. Itu bukan soalan. Tapi ada penjelasan.

YB TUAN ISKANDAR B. A. SAMAD: Terima kasih kepada Yang Berhormat Bangi yang pertama adalah dari segi di Bangi memang ada seratus dua puluh empat unit sahaja tetapi fasa pertama ini memang kita ada dekat seribu unit akan dibina dalam pada tahun ini yang akan dimulakan pembinaan. Masalahnya di Bangi ini tidak ada tanah yang sesuai, tidak ada dah mungkin orang Bangi dah kaya-kaya, mungkin saya pun tidak pasti tapi inilah keadaannya tapi kita sudah cari dah, kita akan melihat menurut tanah kosong yang ada sekarang ini memang Bangi itu sahaja yang ada buat masa ini yang saya lihat. Untuk soalan yang kedua dari segi kedai kos rendah sekarang ini ada kedai kos rendah harganya adalah seratus ribu itu ada kuota kita nak buat pembangunan kita bina kedai kos rendah dan kosnya tidak melebihi seratus ribu memang ada dari segi peraturan untuk bina kedai kos rendah. Kedua rumah yang terbakar, rumah kedai yang terbakar di Bangi betul ya perkara ini telah dibangkitkan di dalam EXCO, di bincang dan Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar sedia maklum dan saya rasa mintalah Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar untuk menjawabnya, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Meru.

Y. B. TUAN DR. ABD RANI B. OSMAN: Terima kasih, Tuan Speaker soalan nombor 17.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : ISU: PROGRAM PEMUTIHAN KILANG DI MERU

17. Terdapat banyak tanah-tanah milik persendirian yang belum ditukar syarat dari pertanian kepada perindustrian.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Sejauh mana sambutan program pemutihan kilang dalam program yang dilaksanakan oleh kerajaan. Berapa banyak Kilang di Meru yang telah diluluskan dalam program ini.

YB TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih kepada Meru, Tuan Speaker, kedudukan terkini pelaksanaan program pemutihan kilang tanpa kebenaran di Selangor sehingga bulan Januari 2011 sebanyak seribu dua ratus sembilan puluh enam lot tanah, lima puluh tujuh perpuluhan enam peratus daripada jumlah dua ribu dua ratus empat puluh lapan lot pertanian telah mengemukakan permohonan tukar syarat tanah kepada Kerajaan Negeri. Pecahan permohonan tukar syarat tanah mengikut daerah adalah seperti berikut Petaling Daerah Petaling enam puluh enam perpuluhan empat peratus, Daerah Klang tiga puluh sembilan perpuluhan lapan peratus. Gombak enam puluh tiga perpuluhan enam peratus, Hulu Langat lima puluh dua perpuluhan dua peratus. Kuala Langat enam puluh sembilan perpuluhan lapan peratus, Sepang tiga puluh lapan perpuluhan enam peratus, Hulu Selangor lapan puluh tujuh perpuluhan lima peratus, Kuala Selangor sembilan perpuluhan empat peratus, Sabak Bernam enam puluh enam perpuluhan enam peratus. Di antara angka ini seribu enam puluh satu permohonan telah diluluskan dan jumlah premium tambahan yang telah berjaya dikutip oleh Kerajaan Negeri adalah sebanyak lapan puluh enam juta enam ratus lima puluh enam ribu lapan ratus tiga puluh lima ringgit lapan puluh empat sen. Jika kita berbanding dengan kutipan pada bulan September 2009 iaitu enam puluh empat juta ringgit lima ratus tujuh belas ribu enam ratus tujuh ringgit empat puluh sen. Kerajaan Negeri telah meningkat peningkatan sebanyak dua puluh dua juta seratus tiga puluh sembilan empat ratus dua puluh lapan ringgit empat puluh empat sen iaitu peningkatan sebanyak tiga puluh empat perpuluhan tiga persen. Untuk maklumat Yang Berhormat Meru jumlah kilang tanpa kebenaran yang berada di Meru adalah sebanyak 35 buah dan satu buah kilang di Meru telah diluluskan tukar syarat tanah, terima kasih. Sekian.

YBTUAN LEE KIM SIN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kajang

YB TUAN LEE KIM SIN : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan daripada saya adalah berkenaan dengan proses pemutihan kilang-kilang haram di mana terletaknya di kawasan, kawasan yang berhampiran dengan perumahan khususnya seperti kilang-kilang papan, kilang simen yang mencemarkan alam sekitar yang menyebabkan kacau ganggu dan ia tidak menepati perancangan setempat. Jadi adakah kilang-kilang ini diluluskan juga sekiranya ia menimbulkan masalah dan kita mendapati memang ada kes-kes yang berlaku dan menyebabkan kacau ganggu kepada jiran-jiran kerana proses pemutihan ini tidak mensyaratkan zon-zon menampan zon dan juga apa yang disyaratkan itu tidak dilaksanakan pada masa yang terdekat tapi masa bila mereka buat pembinaan baru. Maka proses terganggu dan pencemaran ini diteruskan dan menjadi satu masalah. Terima kasih.

YB TUAN EAN YONG HIAN WAH : Terima kasih kepada Kajang. Memang ada kes-kes kilang-kilang tersebut yang mencemarkan kawasan di perumahan. Seperti di beberapa kes kawasan Hulu Langat seperti di Bandar Sunway Semenyih, ada satu kes kilang perabot yang berhampiran dengan perumahan dan kita telah mensyaratkan mereka untuk mengubah suai dan tidak boleh beroperasi masa malam. Ada beberapa kes di Sungai Long kilang simen kita telah mengarahkan kilang tersebut untuk memindahkan daripada kawasan tersebut. Jikalau kilang-kilang di kawasan perumahan Kerajaan Negeri tidak membenarkan mereka beroperasi dan mensyaratkan mereka memindahkan kawasan tersebut dalam masa yang singkat. Sekian.

TUAN SPEAKER : Lembah Jaya

YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ : Soalan No.18

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: MAJLIS AGAMA ISLAM

18. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- a) Sila senaraikan secara terperinci satu per satu harta –bangunan, tanah dan lain lain milik MAIS (Majlis Agama Islam Selangor).
 - b) Sila senaraikan secara terperinci juga jumlah kos perbelanjaan, program yang dihadiri dan hasil lawatan luar negeri secara satu per satu yang melibatkan Pegawai- Pegawai MAIS sejak 2009 hingga kini.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih Lembah Jaya. Soalannya meminta statik mengenai hal tanah milik Majlis Ehwat Agama Islam (MAIS) dan soalan ke dua adalah kursus-kursus yang diadakan di luar negara tentang perbelanjaan yang telah digunakan bagi pegawai-pegawai yang menghadirinya. Pertama sekali tentang harta-harta hal tanah MAIS kita ada jumlah semuanya 460 unit di Daerah Klang kita ada 27 tempat daripada 27 itu 22 adalah merupakan premis bangunan, 5 adalah tanah, Petaling Jaya kita ada 79 premis, premis adalah 77 dan tanah ada 2, Wisma MAIS kita ada 247 unit semuanya adalah premis bangunan. Di Gombak kita ada 69 unit, premisnya 66 dan tanahnya ada 3. Hulu Langat 14 dan premisnya 13 dan tanahnya ada 1. Sepang 12 dan semuanya berbentuk premis bangunan 12. Sabak Bernam kita ada 12, premis ada 9 dan tanah ada 3. Kuala Langat ada 2 kesemuanya adalah premis. Kuala Selangor semuanya adalah tanah satu sahaja. Hulu Selangor ada 2 semuanya adalah tanah 2. Dan Wilayah Persekutuan kita ada 1 iaitu tanah. Jadi Majlis Agama Islam Selangor sebagaimana yang diketahui memang terbuka mana-mana masa pun untuk mencari opsyen-opsyen yang paling baik untuk dibangunkan hal tanah-tanah tersebut dengan menentukan supaya pulangan mencapai peringkat optima pada hal tanah milik MAIS tersebut. Sebagaimana yang diketahui MAIS juga mempunyai sebuah syarikat pemaju yang juga boleh sebenarnya melakarkan opsyen-opsyen kepada pelaksanaan mungkin bersama dengan bersendirian bersama-sama dengan syarikat-syarikat dan sebagainya untuk menentukan supaya pulangannya tertinggi diperolehi daripada tanah hal milik MAIS tersebut. Mengenai lawatan ke luar negeri yang dihadiri oleh Majlis Agama Islam Selangor hanya 2 sahaja iaitu *conference on Muslim* yang dihadiri oleh Penasihat Undang-undang MAIS dengan kos sebanyak RM3,331.23. Lawatan yang kedua adalah lawatan Agama Islam Singapura dihadiri oleh Jawatankuasa Wakaf dan pegawai kanan MAIS dengan kos RM 3,080. Tuan Speaker kita melihat oleh sebab MAIS sedang berada dalam arena pembangunan abad ke 21 begitu pesat bukan sahaja dirantau di sini, di Timur Jauh di Eropah di Amerika dan sebagainya sudah tentulah MAIS perlu mengembangkan sayapnya untuk melihat dan mengadakan lawatan-lawatannya kerja bagi melihat apakah pelaksanaan-pelaksanaannya yang dilakukan terutama projek-projek sama ada projek dalam bidang ekonomi, pengurusan remaja misalnya kita hendak melihat macam mana orang menguruskan remaja, macam mana orang menguruskan warga tua, macam mana orang menguruskan harta benda, macam mana orang menguruskan IT, pengurusan pendidikan Agama Islam mencari identiti negeri sebagaimana yang diketahui Duli Yang Maha Mulia Tuanku sangat ingin melihat *Islamic Premiun Culture* misalnya yang ada di kompleks di Masjid Negeri dan sebagainya. Kemungkinan lawatan-lawatan daripada MAIS

yang merupakan salah satu badan Islam yang terunggul yang menentukan tentang polisi-polisi pembangunan. Barang kali lawatan-lawatan kerja perlu diatur untuk menentukan input-input terbaru bagi kita meningkatkan kemampuan dan keunggulan MAIS tersebut. Terima kasih Tuan Speaker.

YB TUAN LEE KIM SING : Tuan Speaker soalan tambahan

TUAN SPEAKER : Kajang

YB TUAN LEE KIM SING : Terima kasih Tuan Speaker. Kajang ingin mengetahui MAIS sebagai satu Majlis dan konsultasi kenapa perlu begitu banyak hal tanah dan harta-harta bangunan tanah-tanah menjadi macam satu kepunyaan untuk adakah untuk kegunaan tanah-tanah seperti ini, harta-harta seperti ini kerana Majlis MAIS ini merupakan satu konsultasi majlis yang menentukan satu dasar dan juga memberi nasihat pada Tuanku. Kajang belum tahu jadi minta menjelaskan.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih Kajang. Pertama sekali kepada Majlis telah dibebankan dengan amanah yang sangat besar iaitu hal-hal mengenai rumah-rumah ibadat orang Islam. Masjid, surau, madrasah-madrasah yang penggunaannya hampir kepada masjid dan surau sebenarnya masih lagi berada dalam keadaan yang tidak mencukupi. Terutamanya surau-surau kalau kita lihat pembangunan yang berlaku begitu pesat ambil di Kajang sahajalah, Di Klang sahaja, di Petaling Jaya sahaja kita dapati permintaan-permintaan untuk mendirikan surau dan sebagainya begitu banyak. Tetapi masalah sebagaimana yang disebutkan oleh kawan saya tadi daripada Cempaka tadi macam di Bangi hanya 124 sahaja rumah-rumah *affordable homes* yang dapat didirikan oleh sebab tak ada tanah. Begitu jugalah untuk mendirikan masjid, untuk mendirikan surau oleh sebab tekanan pembangunan kita dapati ketiadaan tanah. Sebab itu MAIS perlu memiliki satu *Land Bank* bagi menentukan pembangunan seperti masjid dan surau itu dapat dijalankan mengikut tempat-tempat yang difikirkan tempat-tempat itu mengenai *economics strategic area* yang pada masa akan datang perlu pada pembangunan yang sedemikian. Nombor dua ialah tentang sekolah-sekolah. Sebagaimana yang kita tahu permintaan pada sekolah agama. Saya ambil contoh sahaja ya. Permintaan untuk memasukkan anak-anak orang Islam belajar di MITIK, Maahad Tahfiz Sains dan Teknologi yang meminta dalam 20, 30,000 yang kita dapat masukkan sekitar dalam 500 ke 1000 orang sahaja. Bayangkan sedemikian maknanya masyarakat semakin hari semakin rapat kepada agama semakin hari semakin hendak melihat anak-anak mereka melalui agamalah dapat dibentuk peribadi, laku, tingkah laku mereka. Sebab itu ibu bapa perlu mendapatkan satu automotif kepada pendidikan anak-anak mereka. Dan kita sebagai negeri mempunyai tanggungjawab sangat besar untuk menentukan bahawa apa yang dicita-citakan oleh bapa ini kalau tidak tercapai seratus peratus pun peningkatan daripada *fantastic* kecapaian itu dapat dipertingkatkan. Jadi sebagaimana yang diketahui YB mengetahui bahawa sekolah-sekolah Agama Menengah telah diberikan kepada Kerajaan Persekutuan sebanyak 23 sekolah dan kita tidak ada sekolah sekarang ini mananya sekolah kita ada *guardian*, Sekolah Rendah kita ada Universiti sendiri, kita ada Kolej Universiti tetapi kita tidak Sekolah Menengah. Jadi sebab itu saya memikirkan bukan sahaja untuk pembangunan-pembangunan tetapi pembangunan yang di MAIS ini saya hendak jelaskan kepada Yang Berhormat pembangunan di MAIS ini mesti mengambil kira *the sensitivity of region* ini yang pentingnya bukan kita boleh bangun-bangunkan 100 tingkat 200 tingkat begitu sahaja tetapi ada *role* dari segi agamanya dari segi keimanannya, ketakwaannya yang menjadi satu ciri-ciri unggul kepada pembangunan mana-mana hal tanah, mana-mana harta bagi MAIS. Sebab itu bagi saya perlu bagi ditambah yang ada ini nampak sahaja merupakan butir-butir yang banyak 400 dan sebagainya tetapi dari segi realitinya itu merupakan plak-plak, merupakan bangunan-bangunan, merupakan unit-unit yang

tidak menggambarkan keseluruhan sebenarnya tentang *likes* dan fokus tentang pembangunan milik hal tanah bagi MAIS itu. Terima kasih.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Soalan Tambahan

TUAN SPEAKER : Ya Dusun Tua soalan tambahan.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Terima kasih Tuan Speaker. Dusun Tua difahamkan bahawa MAIS memiliki sekeping tanah di tengah-tengah Bandar Kajang jadi tanah ini dulu pernah dijadikan tempat berniaga, niaga-niaga sate kawasan Kajang ini. Pada awal tahun ini kalau tidak silap saya ada ura-ura kononnya MAIS akan membangunkan tanah ini dan peniaga-peniaga ini nampaknya telah dipindahkan atau pun sudah dikeluarkan daripada tapak berkenaan. Tapi pada hari ini saya lihat tapak ini digunakan untuk pameran kereta. Jadi saya mohon penjelasan dan persoalan tambahan saya bila hendak dibangunkan tanah ini dan di mana letaknya peniaga-peniaga sate sekarang ini yang dahulunya berniaga di tapak itu tetapi pada hari ini tidak boleh berniaga dan digantikan pula tempat pameran kereta. Jadi saya mohon penjelasan dari EXCO.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Setakat yang saya faham daripada Tuan Speaker ialah bidang tanah itu berhadapan dengan Masjid Jamek Kajang dengan kawasan yang sangat strategik jumlahnya lebih kurang dalam 1 ekar lebih di situ. Jadi sebenarnya MAIS telah menerima berbagai-bagai-bagai cadangan untuk membangunkan tempat itu. Cadangannya di antara adalah membangunkan kompleks serba guna bercampur-campur begitu di kawasan itu. Tetapi oleh sebab kawasannya tidak begitu luas dan berada di persimpangan di situ maka sudah tentulah mengambil kira persoalan pengangkutan, persoalan kesesakan dan berbagai-bagai lagi. Tetapi apa pun MAIS saya merasakan pihak MAIS telah pun meneliti berbagai-bagai-bagai cadangan *user* yang dikemukakan dalam masa yang terdekat kemungkinan besar akan dapat melihat saluran kepada keputusan yang akan dibuat mengenai tanah yang sedemikian. Apa pun apa yang dilakukan sekarang ini yang dijadikan tempat untuk pameran kereta-kereta terpakai di kawasan itu ini adalah satu *areament* yang *temporary* sahaja sehingga pembangunan yang lebih *suitable* lebih lama lebih jauh lagi ke hadapan lagi dapat ditentukan oleh pihak MAIS dan pihak-pihak yang berkenaan, berkaitan yang ingin membangunkan kawasan tersebut. Terima kasih.

YB TUAN LEE KIM SIN : Minta penjelasan

TUAN SPEAKER : Ok Bangi. Kajang

YB TUAN LEE KIM SIN : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih kepada EXCO yang menjawab soalan peranan MAIS tadi dan kita nampak adakah perbezaan atau pertindihan antara peranan MAIS dengan JAIS dalam pelaksanaan dasar dari segi keagamaan dan kita nampak dari segi sekolah-sekolah yang penjelasan tadi adakah nampaknya peranan JAIS juga merupakan peranan MAIS Kajang ada kekeliruan dari segi pembahagian kerja tadi. Terima kasih.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih, saya nak menjawab secara ringkas sahaja Tuan Speaker sebab dalam membentangkan pindaan enakmen hari ini atau besok barangkali saya akan menjelaskan kerana itu terdapat dalam pindaan enakmen itu tapi cukuplah saya mengatakan di peringkat ini MAIS bertindak sebagai badan yang menjaga hal-hal dasar yang berkaitan dengan agama Islam di Negeri Selangor. Dasar mengenai masjid, dasar mengenai ekonomi Islam, dasar mengenai zakat, dasar mengenai fitrah, dasar mengenai hal-hal perkahwinan rumah tangga, perceraian, dasar mengenai kehakiman dan sistem

perundangan, itu itu MAIS. Tetapi yang mengendalikannya *at the operational level* dengan izin ialah satu badan yang dinamakan Jabatan Agama Islam Selangor. Jadi Jabatan Agama Islam keseluruhannya adalah pegawai-pegawai dan kakitangannya adalah kakitangan Kerajaan Negeri sementara MAIS dilantik oleh MAIS kakitangan dan Pegawai kakitangan MAIS, sementara JAIS pegawai-pegawai yang dilantik oleh Kerajaan Negeri dan dibiayai oleh Kerajaan Negeri sementara MAIS dibiayai oleh MAIS. Sebab itu dalam hal yang sedemikian, saya merasa memang satu perbezaan yang sangat jelas dan dengan pindaan yang akan saya kemukakan nanti menjelaskan lagi ke YB Kajang dapat melihat jelas lagi kenapa perlunya dua badan ini nampak terpisah di antara MAIS dan JAIS itu. Jadi ini akan kita jelaskan dalam enakmen pindaan kepada enakmen nanti. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Morib Ya Dengkil.

YB DATO' MARSUM BIN PAING : Tuan Speaker soalan nombor 19.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' MARSUM BIN PAING
(DENGKIL)**

TAJUK : HOTEL BAJET BARU

19. Akhir-akhir ini didapati banyak hotel bajet baru yang wujud di bandar-bandar utama Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan jumlah hotel bajet yang beroperasi dan diberikan lesen di semua 12 PBT dari tahun 2008 hingga 2011?
- b) Apakah garis panduan untuk hotel-hotel bajet ini beroperasi?
- c) Apakah mekanisme untuk memantau jika ada kegiatan maksiat?

YB TUAN LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, soalan Dengkil adalah berkaitan dengan hotel bajet baru. Jawapannya begini. Jumlah hotel bajet yang beroperasi dan berlesen di semua PBT dari tahun 2008 hingga 2011 adalah seperti berikut; MBSA 7 buah, MBPJ 18, MPK 17, MPAJ 13, MPSJ 13, MPS 20, MPKj 17, MP Sepang 3, MDKS 19, MDHS tiada lagi, MDKL 10, MD Sabak Bernam 1 sahaja. Jadi jumlahnya 138 buah hotel bajet yang berlesen. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, setiap PBT di Negeri Selangor mengguna pakai Undang-undang Kecil Hotel sebagai garis panduan yang merangkumi perkara-perkara asas bagi aktiviti pengeluaran lesen hotel bajet seperti syarat-syarat lesen serta tindakan penguatkuasaan terhadap hotel-hotel bajet di dalam kawasan PBT. Bagaimanapun baru-baru ini MPK dipertanggungjawabkan untuk mengubah satu garis panduan khas untuk hotel bajet. Jika didapati baik dan praktikal, garis panduan hotel bajet ini akan dipanjangkan ke semua PBT untuk pelaksanaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, PBT tidak mempunyai kuasa untuk mengenakan tindakan penguatkuasaan terhadap mereka yang melakukan maksiat atau aktiviti tidak bermoral di hotel-hotel bajet. Oleh yang demikian, aktiviti pemantauan di hotel-hotel bajet dijalankan secara bersepadu bersama dengan PDRM iaitu Polis dan juga JAIS. Di samping itu juga pemilik-pemilik hotel bajet perlu menyediakan buku daftar pelanggan untuk semakan pihak berkuasa. Pemilik hotel-hotel bajet perlu memastikan pelanggan yang

menginap di hotel mereka mengisi butiran atau maklumat diri yang lengkap sebelum dibenarkan menginap. Terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Masa pertanyaan sudah tamat. Dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan mesyuarat seterusnya Usul nombor 9 Tahun 2011 Usul Di Bawah Peraturan Tetap 17 (1) oleh Yang Berhormat Seri Setia.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Seri Setia ingin membawa usul berikut. Bahawasanya Dewan yang mulia ini mengatakan pendirian terhadap Kerajaan Persekutuan dan Polis Diraja Malaysia bahawa pertama menghentikan segala tangkapan dan halangan kepada Kempen Menuntut Pilihan Bersih dan Adil, Bersih 2.0 di Selangor malah di seluruh negara dan Kerajaan Negeri seterusnya mempertahankan hak rakyat untuk menggunakan kemudahan-kemudahan negeri, badan-badan berkanun negeri, syarikat-syarikat berkaitan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan tanpa halangan Polis atau mana-mana pihak selari dengan perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Pada 9 Julai 2011 Bersih telah mengadakan perhimpunan aman bagi mempertahankan prinsip demokrasi yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Bersih telah pun menjunjung kasih di atas titah Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong yang telah menasihatkan Bersih dan Kerajaan Persekutuan untuk mencari jalan penyelesaian untuk semua. Justeru Bersih bersetuju mengadakan perhimpunan di Stadium Merdeka. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri turut menawarkan stadium sekiranya Bersih sanggup bertolak ansur. Namun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mungkir janji. Permit turut ditolak pihak Polis. Polis turut mengadakan sekatan jalan raya semata-mata untuk menyusahkan rakyat dan menggagalkan perhimpunan Bersih. Bukan sahaja aktivis Bersih termasuk anggota ahli politik berdaftar ditangkap seolah-olah penjenayah, baju-baju kuning turut dirampas. Namun akhirnya terbukti suara rakyat suara keramat. Rakyat Malaysia pelbagai kaum dan latar belakang, tua dan muda turun berduyun-duyun bukan sahaja di Malaysia malah seluruh dunia malah seluruh dunia menyatakan *solidarity* terhadap perjuangan menuntut demokrasi. Di sebelah malam pula dalam program saya di Kelana Jaya Polis telah mengadakan sekatan jalan dan mengepung Kompleks PKNS walaupun saya cuba berunding permintaan saya ditolak dan program terpaksa dibuat di Pusat Khidmat saya. Memandangkan ini melibatkan hak asasi manusia dan konsep demokrasi berperlembagaan perkara ini hendaklah disegerakan selepas tindakan Kerajaan Persekutuan dan Polis Diraja Malaysia yang telah menghina kedudukan Kerajaan Negeri dan lebih penting lagi merupakan pelanggaran kepada Perlembagaan Persekutuan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya telah menerima dan mempertimbangkan usul menangguhkan Dewan di bawah Peraturan 17(2), Peraturan-Peraturan Tetap Dewan dari Yang Berhormat Seri Setia. Saya berpuas hati bahawa usul tersebut menepati 3 syarat yang diperuntukkan di bawah Peraturan 17(1), Peraturan-Peraturan Tetap Dewan iaitu ia adalah satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan. Oleh yang demikian menurut Peraturan 17(3) (A) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan saya dengan ini menempohkan urusan ini sehingga 2.30 petang hari ini.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya, sambungan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan Nombor 2 2011.

TUAN SPEAKER : Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang kedua.

SETIAUSAHA DEWAN : Rang Undang-Undang ini bernama suatu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Wang Disatukan Negeri untuk perbelanjaan tambahan

bagi Negeri bagi tahun 2011 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu.

YAB DATO' MENTERI BESAR :: Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbangkan Rang Undang-Undang ini Fasal demi Fasal.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 1 dan Fasal 2.

TUAN SPEAKER : Fasal 1 dan Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Pindaan Jadual.

YAB DATO' MENTERI BESAR :: Tuan Pengerusi, saya mohon membuat cadangan supaya Rang Undang-Undang ini dipinda sebagaimana yang dinyatakan dalam Notis Pindaan yang diedarkan terlebih dahulu. Jadual Rang Undang-Undang dipinda (a) dalam ruang maksud dengan menggantikan perkataan P 01 dengan perkataan P 06, (b) dalam ruang tajuk dengan menggantikan perkataan Menteri Besar dan SUK dengan perkataan Caruman Kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri dalam teks Bahasa Kebangsaan enakmen ini. *Schedule* Rang Undang-Undang ini dipinda (a) dalam ruang *purpose* dengan menggantikan perkataan B 01 dengan perkataan B 06 dan B dalam ruang *title* dengan menggantikan perkataan Menteri Besar dengan SUK dengan perkataan *Contribution To State Development Fund* dalam teks Bahasa Inggeris enakmen ini.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya adalah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini dibuka untuk dibahaskan. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya adalah pindaan yang dicadangkan adalah dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual seperti yang dipinda.

TUAN SPEAKER : Jadual seperti yang dipinda menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini seperti yang telah diperbincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Dewan bersidang semula.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Datuk Speaker, saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-Undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah

dipersetujui. Oleh itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat, cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Rang Undang-Undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan Nombor 2 2011. Seterusnya Rang Undang-Undang Tabung Amanah Bencana Alam 2011 semua peringkat.

TUAN SPEAKER : Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang pertama.

SETIAUSAHA DEWAN : Rang Undang-Undang ini bernama satu enakmen bagi membuat peruntukan mengenai pentadbiran bagi suatu kumpulan wang amanah yang dikenali sebagai Tabung Amanah Bencana Alam dan mengenai perkara lain yang bersampingan dengannya.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Datuk Speaker, dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya bangun mencadangkan satu Rang Undang-Undang tabung amanah bencana alam 2011 yang bertujuan menubuhkan kumpulan wang amanah yang dikenali sebagai Tabung Amanah Bencana Alam dan membuat peruntukan yang berkaitan dengannya untuk bacaan kali kedua. Menurut Seksyen 10 Sub Seksyen 4 B Akta Tatacara Kewangan 1957, penubuhan kumpulan wang amanah ini perlu dibawa ke Dewan Negeri untuk mendapat kelulusan.

Datuk Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Matlamat utama penubuhan tabung ini adalah untuk mengasingkan sebahagian wang perolehan keuntungan yang ada untuk digunakan untuk dinikmati oleh generasi akan datang khas khususnya perkara-perkara yang melibatkan bencana alam. Kejadian bencana alam seperti banjir, ribut dan tanah runtuh boleh menyebabkan kehilangan nyawa dan harta benda. Sebagai contoh, baru-baru ini bencana alam yang berlaku pada 21 Mei 2011 kita dikejutkan dengan kajian kejadian tanah runtuh di Madrasah Al-Takwa, Hulu Langat yang mengorbankan 16 mangsa dan 9 mangsa yang cedera. Sehubungan itu melalui penubuhan tabung ini ia turut berperanan membantu Kerajaan Negeri menampung perbelanjaan bagi bencana alam dengan penggunaan keuntungan dan lebihan yang dijana daripada dana permulaan yang disuntik ke dalam tabung ini. Selain itu bagi menggalakkan sumbangan daripada orang perseorangan atau syarikat-syarikat, tabung ini turut menjadi *medium* ataupun alat untuk menerima sumbangan daripada mana-mana orang perseorangan, syarikat-syarikat yang berhasrat untuk membuat CSR ataupun *Corporate Social Responsibility* dan pada masa yang sama boleh mendapat pengecualian cukai di bawah Seksyen 446 Akta Cukai Pendapatan 1967.

Untuk tujuan penubuhan awalan, Kerajaan Negeri bersetuju memperuntukkan dana sebanyak RM50 juta dalam tempoh 5 tahun. Suntikan awal tabung warisan bencana alam yang mahu diberikan sebanyak 10 juta bagi tahun 2011 melalui peruntukan Kerajaan Negeri dalam bentuk *launching grant*, manakala baki tersebut dijangka diberikan dalam tempoh 2012 sehingga 2015 sebanyak RM10 juta setahun. Justeru itu, bagi membolehkan dana ini dilaburkan bagi mendapat pulangan yang sewajarnya dana ini hanya boleh dikeluarkan bagi tujuan tersebut selepas 5 tahun iaitu pada tahun 2016.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya mencadangkan.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat cadangan ini telah pun disokong, saya kemukakan Rang Undang-Undang ini untuk dibahaskan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan dewan ialah bahawa Rang Undang-Undang ini hendaklah dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata “ya”, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata “tidak”. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Rang Undang-Undang ini bernama suatu Enakmen bagi membuat peruntukan mengenai pentadbiran suatu Kumpulan Wang Amanah yang dikenali sebagai Tabung Amanah Bencana Alam dan mengenai perkara lain yang bersampingan dengannya.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker, saya mencadangkan supaya dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbangankan Rang Undang-Undang ini Fasal demi Fasal.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

SETIAUSAHA DEWAN : Bahagian Satu Fasal 1 hingga 2.

TUAN SPEAKER : Bahagian satu Fasal 1 hingga 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata “ya”, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata “tidak”. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Bahagian Dua Fasal 3 hingga 11.

TUAN SPEAKER : Bahagian Dua Fasal 3 hingga 11 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata “ya”. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata “tidak”. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Bahagian Tiga Fasal 12 hingga 15.

TUAN SPEAKER : Fasal 3, Fasal 12 hingga 15 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata “ya”. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata “tidak”. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Bahagian Empat Fasal 16.

TUAN SPEAKER : Bahagian Empat Fasal 16 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata “ya”. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata “tidak”. Dipersetujui.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Dato' Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini seperti yang telah diperbincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM : Tuan Pengerusi, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Dewan bersidang semula.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-Undang ini telah dipertimbangkan dalam jawatankuasa dan telah

dipersetujui. Oleh itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata “ya”. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata “tidak”. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Rang Undang-Undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Tabung Amanah Bencana Alam 2011. Rang Undang-Undang Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor pindaan 2011 semua peringkat.

TUAN SPEAKER : Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang pertama.

SETIAUSAHA DEWAN : Rang Undang-Undang ini bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003.

YB DATO' DR HASAN BIN MOHAMED ALI: Tuan Speaker, oleh sebab Rang Undang-Undang ini perlu dan mustahak diluluskan pada hari ini juga, saya mencadangkan di bawah Peraturan Tetap 38 supaya ditangguhkan Peraturan Tetap 48 dan 53 bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini dibacakan pada semua peringkat dan seterusnya diluluskan.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, Yang Berhormat, disebabkan telah pun dibentangkan di dalam kertas aturan semalam, jadi tidak perlu usul ini. Sila teruskan.

YB DATO' DR HASAN BIN MOHAMED ALI : Tuan Speaker, Saya bangun mencadangkan satu Rang Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor pindaan 2011, yang bertujuan untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 untuk bacaan kali kedua. Perlembagaan Persekutuan telah pun memperakui kedudukan Duli Yang Maha Mulia Tuanku sebagai Ketua Agama Islam. Perkara 3 Fasal 2 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan di dalam tiap-tiap negeri selain negeri-negeri yang tidak mempunyai raja, kedudukan raja sebagai Ketua Agama Islam di negerinya mengikut cara dan setakat yang akui dan ditetapkan oleh Perlembagaan Negeri itu tertakluk kepada Perlembagaan itu segala hak keistimewaan, *purgative* dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai Ketua Agama Islam tidak tersentuh dan tercacat. Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 juga mempunyai peruntukan yang sama sepertimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 96 iaitu segala hak keistimewaan, *purgative* dan kuasa yang dinikmati Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai Ketua Agama Islam hendaklah tidak tersentuh dan tercacat dan dikurangi atau dikurangi oleh Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor itu sendiri.

Perkara 47 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959 memperuntukkan Duli Yang Maha Mulia Tuanku hendaklah menjadi Ketua Agama Islam dan boleh menyebabkan diperbuat undang-undang bagi maksud mengawal selia hal ehwal Agama Islam dan menubuhkan Majlis Agama Islam Selangor untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam. Selaras dengan Peruntukan Seksyen 4 dan 6 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003, Majlis Agama Islam Selangor berfungsi untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam selain hukum syarak dan yang berhubungan dengan pentadbiran keadilan. Selanjutnya Majlis Agama Islam Selangor adalah menjadi hak berkuasa utama agama Islam selepas Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Sejak Tahun 1952, undang-undang bertulis berkaitan pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Selangor atau iaitu undang-undang Pentadbiran Agama Islam 1952 telah diwujudkan. Undang-undang tersebut telah dipinda dari masa ke semasa untuk tujuan menambah baikkan sesuai dengan perubahan zaman dan masa. Pindaan kali pertama dibuat pada tahun 1989, pindaan kali kedua pada tahun 2003 dan pindaan yang terkini adalah pada tahun 2008 di mana pindaan tersebut telah berkuat kuasa dengan pewartaan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 dan pindaan 2008 pada 21 Disember 2008.

Cadangan pindaan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003, pindaan 2011 ini juga telah dibincangkan dan diputuskan di dalam Mesyuarat MAIS Bilangan 1/2010 pada 2 Februari 2010 supaya dibuat pindaan terhadap beberapa peruntukan mengikut kepada keperluannya. Seterusnya sebelum Rang Undang-Undang ini dibentangkan cadangan pindaan ini telah dipersembahkan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah memperkenankan semua pindaan terhadap Rang Undang-Undang tersebut pada 28 Mei 2011 kecuali pindaan terhadap Seksyen 16. Selanjutnya pindaan terhadap Seksyen 16 telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 4 hari bulan Jun 2011. Ini bertetapan dengan Perkara 47, Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 memperuntukkan Duli Yang Maha Mulia Tuanku hendaklah menjadi Ketua Agama Islam dan boleh menyebabkan diperbuat undang-undang bagi maksud mengawal selia Hal Ehwal Agama Islam dan menubuhkan agama Islam Negeri Selangor, Majlis Agama Islam Negeri Selangor untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam.

Huraian ringkas mengenai cadangan pindaan kepada Enakmen adalah seperti berikut:

Fasal 1 - Rang Undang-Undang Ini mengandungi tajuk ringkas enakmen ini.

Fasal II - Rang Undang-Undang bertujuan untuk meminda Seksyen 2 dengan memasukkan Majlis Agama Islam di dalam tafsiran orang Islam. Fasal II juga bertujuan untuk memasukkan penaksiran baru Surau. Fasal II juga bertujuan untuk meminda tafsiran hukum syarak dalam teks Bahasa Inggeris.

Pindaan tafsiran bagi orang Islam adalah bertujuan untuk menunjukkan bahawa Majlis adalah sebuah badan yang boleh mendakwa dan didakwa. Sehubungan itu Tuan Speaker, dicadangkan supaya diwujudkan satu tafsiran khusus untuk surau supaya wujud bidang kuasa Majlis terhadap surau dan supaya peraturan-peraturan masjid yang bakal diwartakan akan turut mengikat surau-surau. Tambahan pula di seluruh negeri Selangor terdapat lebih kurang 388 masjid, lebih kurang 167 surau yang diberi kebenaran menunaikan solat Jumaat dan lebih kurang 1886 surau yang berdaftar di bawah Majlis. Adapun pindaan yang dibuat bagi mewujudkan tafsiran surau hanya berbentuk teknikal kerana di dalam destinasi masjid pada Seksyen 2 Enakmen Pentadbiran yang sedang berkuat kuasa destinasi masjid adalah termasuk surau.

Selain itu Tuan Speaker, Majlis adalah pihak yang berkuasa terhadap pentadbiran masjid dan surau kerana hal ini telah dijamin di dalam Enakmen Pentadbiran yang sedang berkuat kuasa. Pindaan hanya untuk memperjelaskan dan memperkemas perbezaan di antara masjid dan surau. Seterusnya melalui Seksyen 64, Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989, Majlis telah mewujudkan kaedah-kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Karyah Negeri Selangor 1995 dan seterusnya kaedah tersebut telah dipinda pada tahun 2001. Di dalam kaedah tersebut iaitu pada kaedah 37, telah dengan jelas memperuntukkan bahawa kaedah tersebut hendaklah dipakai bagi tiap-tiap surau dalam negeri Selangor. Oleh yang demikian, pindaan yang dibuat bagi mewujudkan tafsiran surau hanya untuk memperjelaskan peranan

majlis terhadap pentadbiran masjid dan surau serta bukanlah benda baru yang menambah kuasa Majlis.

Fasal III - Rang Undang-Undang bertujuan meminda Seksyen 11 dengan menggantikan Perenggan 1(d) dengan perenggan baru mengenai cadangan bagi menambah bilangan anggota Majlis sedia ada. Justifikasi cadangan ini dibuat adalah dengan mengambil kira keluasan fungsi dan bidang kuasa Majlis seperti yang dinyatakan di dalam enakmen khususnya untuk menambah anggota bilangan Majlis yang arif dalam bidang-bidang agama Islam.

Fasal IV - Rang Undang-Undang bertujuan meminda Seksyen 16 berkenaan dengan pelantikan Setiausaha yang hendaklah dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan atas nasihat majlis. Pindaan peruntukan untuk mengasingkan dan menunjukkan perbezaan bidang kuasa di antara Majlis dan Jabatan Agama Islam Selangor. Peraturan dan kuasa Majlis dan Jabatan Agama Islam Selangor adalah berbeza. Majlis adalah badan yang membuat dasar bagi Hal Ehwal Agama Islam di Negeri Selangor manakala Jabatan Agama Islam Selangor adalah badan yang melaksanakan dasar tersebut. Peruntukan ini juga dipinda bagi mengatasi situasi apabila berlaku kekosongan jawatan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor maka jawatan Setiausaha Majlis boleh diisi. Selain itu pindaan ini dibuat kerana beban tugas Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor lebih berat kerana menerajui dua organisasi yang berbeza fungsinya serta memantau perjalanan pentadbiran yang mana setiap bilangan kakitangan itu berbeza. Majlis mempunyai kakitangan seramai 302 orang, manakala Jabatan Agama Islam Selangor atau JAIS mempunyai kakitangan seramai 9,000 orang.

Fasal V - Rang Undang-Undang bertujuan meminda Seksyen 22 dengan menggantikan perkataan kata demi kata kepada ketetapan dan dasar dalam mencalit minit mesyuarat Majlis. Minit Mesyuarat Majlis hanya mengandungi rekod keputusan dan ketetapan Majlis untuk sesuatu isu yang dikemukakan tetapi tidak mempunyai rekod kata demi kata seperti *hansard* repot yang dibuat di dalam Mesyuarat Kabinet atau DUN. Justeru dicadangkan supaya seksyen ini dipinda seperti dicadangkan untuk mengelakkan pihak Majlis terikat untuk menyediakan minit yang mengandungi rekod kata demi kata.

Fasal VI Undang-undang bertujuan meminda Seksyen 23 dengan menyambung ayat bagi melengkapkan perenggan Seksyen tersebut dengan merujuk naskhah versi Bahasa Inggeris.

Fasal VII Rang Undang-undang bertujuan meminda Seksyen 61, berhubung dengan perkataan Rukun-rukun kepada ajaran-ajaran yang mempunyai erti yang lebih luas dan merangkumi segala hal perkara berkaitan Agama Islam dan selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan di bawah Jadual ke 9 senarai 2 senarai Negeri dan penambahan perkataan surau-sarau selepas perkataan masjid-masjid untuk menunjukkan bahawa Majlis adalah Pemegang Amanah tunggal bagi masjid dan surau Negeri Selangor dan pelantikan, penamatan dan pengurusan pentadbiran masjid dan surau adalah di bawah Majlis. Pindaan hanyalah untuk memperjelaskan dan memperkemas perbezaan antara masjid dan surau. Seterusnya melalui seksyen 64, Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989, Majlis telah menunjukkan kaedah-kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah Masjid Selangor 1995, dan seterusnya kaedah tersebut dipinda pada tahun 2001 di dalam kaedah tersebut iaitu pada kaedah 737 telah dengan jelas telah memperuntukkan bahawa kaedah tersebut hendaklah terpakai pada tiap-tiap surau di dalam Negeri Selangor. Oleh Yang demikian Pindaan yang dibuat bagi menambah perkataan surau hanya untuk memperjelaskan peranan Majlis terhadap Masjid dan surau serta bukanlah benda baru bagi menambah kuasa majlis selain daripada itu adalah penting bagi Majlis mengawal masjid dan surau bagi memastikan institusi tersebut bebas daripada pengaruh Politik dan hanya semata-mata digunakan untuk beribadat.

Selanjutnya Majlis sebagai Pihak Berkuasa Utama Islam selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, hendaklah menjalankan pemantauan masjid dan surau di Negeri Selangor.

Fasa VIII meminda Rang Undang-undang bertujuan meminda Seksyen 80 dengan menetapkan syarat bagi Peguam Syarie yang dilantik oleh Majlis hendaklah seorang yang beragama Islam dan yang mengamalkan ajaran Islam selaras dengan Sabda Rasulullah S.A.W bermaksud apabila sesuatu urusan diserahkan kepada orang yang bukan ahlinya maka tunggulah kehancurannya dan juga selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor bil. 1 2010 yang bersidang 22 Jun 2010, Fatwa tersebut telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor pada 21 Februari 2011 dan telah diwartakan 31 Mac 2011. Pewartaan Fatwa ini telah dimaklumkan kepada Mesyuarat Kerajaan Negeri berdasarkan peruntukan Sek. 48 6, Enakmen Undang-undang pada keputusan Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 15 2011 yang diadakan pada 12 April 2011 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 16 2011 pada 4 Mei 2011.

Seterusnya Kaedah 81 Kaedah-kaedah Peguam Syarie Negeri Selangor 2008 syarat pemohon-pemohon hendaklah disyaratkan sebagai seorang yang beragama Islam. Setakat hari ini Negeri Selangor tidak mempunyai Peguam Syarie bukan Islam yang masih beramal. Selain daripada itu Pindaan terhadap seksyen 80 adalah supaya Majlis boleh melantik mana-mana Pegawai Syariah dalam Perkhidmatan Awam dan Persekutuan dan mana-mana Pegawai Majlis ditentukan pegawai Majlis. Ini adalah untuk memudahkan perlaksanaan isu-isu Perundangan yang melibatkan tindakan Mahkamah di Majlis dengan memberi kuasa kepada Pegawai Majlis yang mempunyai kelayakan yang untuk membawa kes-kes Majlis di Mahkamah.

Fasal IX, Rang Undang-undang bertujuan meminda Seksyen 82 dengan pindaan kepada tempoh yang tertentu berhubung dengan laporan dan perbelanjaan Majlis kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk di perkenan.

Fasal X, Rang Undang-undang Sek. 84 dengan memperbetulkan terjemahan Seksyen 84 4 di dalam Versi Bahasa Inggeris kerana terdapat perbezaan terjemahan di antara versi Kebangsaan dan versi Bahasa Inggeris.

Fasal XI, Rang Undang-undang bertujuan meminda Seksyen 85 dengan Seksyen ini dimansuhkan kerana Majlis tidak termasuk dalam pengertian Badan Berkanun menurut Akta Badan Berkanun Akaun dan Laporan Tahunan 1980 Akta 240 yang memperuntukkan bahawa Badan Berkanun hendak satu badan yang ditubuhkan di bawah Undang-undang Persekutuan. MAIS tidak ditubuhkan di bawah Undang-undang Persekutuan. Maka MAIS tidak termasuk di dalam pengertian Badan Berkanun di Bawah Akta Badan Berkanun Akaun dan Laporan Tahunan 1980 akta 204.

Fasal XII, Rang Undang-undang Kerajaan bertujuan meminda Seksyen 86, yang menunjukkan bahawa kuasa Majlis bukan sahaja memungut Zakat dan Fitrah di Negeri Selangor tetapi mengagihkan Zakat dan Fitrah Negeri Selangor juga merupakan kuasa Majlis.

Fasal XIII, Rang Undang-undang bertujuan meminda seksyen 96 dengan menambah perkataan surau-surau di dalam Seksyen tersebut bertujuan untuk memberikan bidang kuasa yang jelas kepada Majlis terhadap surau-surau yang berdaftar di bawah Majlis.

Fasal XIV, Rang Undang-undang bertujuan meminda Seksyen 98, adalah sama seperti Pindaan di fasal 13 di atas.

Fasal XV Rang Undang-undang bertujuan meminda seksyen 100, berhubung pelantikan Pegawai Masjid oleh Majlis di kalangan Pegawai Awam Negeri atau Pegawai bersama atau mana-mana orang yang di fikir layak dan sesuai oleh Majlis.

Fasal XVI, Rang Undang-undang bertujuan meminda Seksyen 102, berhubung Perlanjutan Pegawai Masjid daripada 60 tahun kepada 65 tahun.

Fasal XVII Undang-undang bertujuan meminda 103 berhubung kawalan dan arahan Majlis tidak hanya terpakai Pegawai Masjid yang dilantik tetapi kepada Ahli Jawatankuasa Kariah, ataupun Jawatankuasa Pengurusan Masjid yang dilantik dan diberi tauliah oleh Majlis.

Seterusnya melalui Seksyen 64, Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam, 1989, Majlis telah menunjukkan kaedah-kaedah, Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah Negeri Selangor 1985 dan seterusnya kaedah tersebut telah dipinda 2001 di dalam kaedah tersebut, dengan jelas memperuntukkan bahawa kaedah tersebut hendaklah terpakai bukan sahaja kepada Pegawai Masjid tetapi kepada Jawatankuasa Kariah. Oleh yang demikian, pindaan yang dibuat bagi menambah Jawatankuasa Kariah hanya untuk memperjelaskan peranan Majlis terhadap Pentadbiran Masjid dan surau, serta bukanlah perkara baru bagi menambah kuasa Majlis.

Fasal XVIII Rang Undang-undang bertujuan, meminda Seksyen 104, dengan tujuan untuk mengawasi tiap-tiap surau dalam Kariah Masjid dalam Kariah Masjid di seluruh Negeri Selangor.

Fasa XIX, Rang Undang-undang bertujuan meminda Seksyen 110, berhubung kuasa Majlis melantik Ketua Pentadbir, Ketua Pendaftar Mualaf dan Pendaftar-pendaftar Mualaf yang menyenggara daftar Mualaf cadangan ini dibuat bagi pendaftaran Mualaf di Negeri di Daerah dan mengelak kelewatan Pendaftaran seseorang Mualaf di Daerah kerana merujuk kepada Negeri Selangor. Hanya terdapat seorang Pendaftar Mualaf sahaja yang boleh dilantik oleh Majlis yang berkhidmat di pusat.

Fasal XX, Rang Undang-undang bertujuan meminda Seksyen 116, dengan mengganti kan kaedah-kaedah kepada peraturan-peraturan.

Fasal XXI, Rang Undang-undang bertujuan untuk meminda Seksyen 118, dengan menggantikan Pengerusi Jawatankuasa tauliah daripada Setiausaha Majlis kepada Mufti. Pindaan ini kerana Majlis mendapati bahawa di dalam Enakmen dahulu 1989, telah memperuntukkan bahawa Mufti hendaklah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Tauliah Majlis. Pindaan dibuat bagi memeralatkan peranan Mufti dan meningkatkan meninggikan institusi di Negeri Selangor. Selain daripada itu pindaan dibuat berdasarkan kesesuaian Pengasingan kuasa Mahkamah dan juga Mufti.

Fasal XXII, Rang Undang-undang bertujuan meminda Seksyen 124 terdapat berbezaan terjemahan perbezaan antara versi Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris pindaan hanya dibuat untuk tujuan memperbetulkan perbezaan dan ketinggalan perkataan *notifications* serta diselaraskan teks Bahasa Inggeris.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, saya mohon mencadangkan.

YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan ini telah disokong kemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang...

YB DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya, Ahli Yang Berhormat Sg. Burung, silakan.

YB DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS : Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, *Assalamualaikum Wrt. Wbt.* Salam Sejahtera, DUN Sg. Burung mengambil kesempatan ini, setinggi penghargaan dan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan usul pindaan Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Selangor, Pindaan 2011. DUN Sg. Burung mengalu-alukan sebarang Pindaan Penambahbaikan terhadap Enakmen Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 yang diusahakan dan telah diluluskan oleh sewaktu pemerintahan Barisan Nasional dahulu.

Pindaan Undang-undang ini akan memberi peluang bukan sahaja ia akan menambahbaikkan peruntukan-peruntukan Enakmen yang ada tapi akan memperkasakan lagi institusi agama Majlis Agama Islam di Negeri Selangor sebagai satu institusi yang dipertanggungjawabkan untuk dan diamanahkan untuk melaksanakan undang-undang dan peraturan pentadbiran berkaitan dengan agama Islam. Ada beberapa perkara yang mana ADUN Sg. Burung menyokong dasar undang-undang ini ialah yang pertama, dengan adanya pindaan bagi membolehkan Majlis meningkatkan urusan pengurusan pentadbiran secara lebih efektif dan berkesan dengan menambah bilangan Ahli-ahli Majlis dan juga membolehkan pelantikan Setiausaha Majlis ini akan Insya-Allah diharapkan dapat memberikan pentadbiran yang lebih baik. Kedua, terdapat pindaan-pindaan yang membolehkan ia merangkumi aspek-aspek yang pada masa yang lalu tertinggal seperti institusi surau yang amat penting. Selain daripada masjid surau-sarau juga begitu banyak terdapat di negeri Selangor di mana dalam urusan pentadbiran ini telah tidak nampaknya telah tertinggal dari segi kawalan dan juga pengawasan dari segi pentadbiran agama Islam. Oleh kerana itu dengan ini urusan-urusan pelantikan, pelaksanaan-peraksanaan, aktiviti-aktiviti di surau dari segi pentadbiran dan juga kewangan ini dapat diselaraskan di bawah pentadbiran masjid. Dan di samping itu selaras dengan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku ialah untuk memastikan bahawa surau dan institusi surau dan masjid ini akan bebas daripada dipolitikkan. Hari ini kita dapat melihat ya, banyak bukan sahaja di surau malah di masjid ya telah digunakan untuk ceramah-ceramah politik dan juga mengedarkan bahan-bahan yang berunsur politik yang boleh menyebabkan perpecahan di kalangan rakyat umat Islam. Sebagai contohnya di kawasan saya ada masjid yang pada hari Jumaat diedarkan majalah-majalah yang menyebabkan tumpuan jemaah bukan kepada soal untuk beribadah di masjid tetapi untuk membaca apa ni majalah-majalah yang diedarkan dan kemudian menimbulkan perbalahan sesama kumpulan-kumpulan yang suka dan tak suka dengan apa kandungan-kandungan yang terdapat di dalam majalah-majalah tersebut. Jadi, dengan adanya pengurusan dan pentadbiran yang dikemas kini lagi di bawah Majlis Agama Islam ini, ini akan membolehkan kita harapkan pentadbiran di masjid juga di surau-sarau dapat diperkemas lagi. Selain daripada itu juga ialah bagi membolehkan pelaksanaan penguatkuasaan yang lebih ketat sekali berkaitan dengan agama Islam demi kemajuan pertamanya urusan berkaitan dengan agama. Hari ini kita melihat terdapat juga mereka-mereka yang tidak bertauliah menggunakan surau-sarau untuk ceramah-ceramah. Jadi, apabila surau-sarau ini di bawah pentadbiran Majlis maka dengan ini akan membolehkan penguatkuasaan di bawah MAIS itu akan dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya. Di samping itu juga dengan adanya peningkatan, dari seri perjawatan, dengan adanya pindaan bagi membolehkan pelantikan jawatan-jawatan di dalam MAIS ini meliputi juga daripada pentadbiran-pentadbiran am, pegawai-pegawai kerajaan ini akan membolehkan supaya jumlah pegawai dan kakitangan di dalam MAIS ini dapat dipertingkatkan dan dengan cara ini seterusnya akan memantapkan lagi pengurusan, penguatkuasaan hal ehwal berkaitan dengan

agama Islam. DUN Sg, Burung sangat berharap terutamanya Pakatan Rakyat dan pimpinan PAS dapat ya menunjukkan keseriusan dalam memperjuangkan terutamanya pengurusan pentadbiran agama Islam di negeri ini. Hari ini kita melihat bahawa persepsi rakyat malah di kalangan ahli-ahli PAS juga melihat bahawa tidak banyak perubahan-perubahan yang dilakukan terdapat enakmen-enakmen pentadbiran agama sebab itu dalam Barisan Nasional dahulu misalnya dalam hal penggunaan kalimah Allah, penahanan penceramah tanpa permit sah dan sebagainya. Wujud suara-suara malahan di kalangan PAS itu sendiri yang mahu supaya enakmen tersebut dipinda dan kononnya kerana ini telah ketinggalan zaman semasa pentadbiran Barisan Nasional. Oleh itu kita sangat mengharapkan dengan adanya pindaan-pindaan ini akan membolehkan MAIS khususnya, Majlis Agama Islam di Negeri Selangor ini akan bertambah bebas daripada sebarang unsur politik demi untuk kepentingan rakyat agama Islam di Negeri Selangor ini. Selain daripada itu juga kita juga sangat mengharapkan supaya dengan adanya pindaan ini terutamanya apabila ia telah dapat dipersetujui oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku selaras dengan perkara 47 Undang-undang Tubuh Negeri Selangor dan pada hari ini juga selaras dengan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang mahu melihat bahawa pentadbiran ini, pentadbiran di dalam MAIS ini bertambah baik untuk kepentingan rakyat saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengambil cabutan berapa titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang mengharapkan, kod setelah meneliti dan mendengar nasihat Majlis Agama Islam Selangor beta amat berpuas hati bahawa semua cadangan pindaan yang terkandung di dalam rang undang-undang tersebut sekiranya diluluskan dapat memberikan kebaikan kepada pentadbiran agama Islam dan juga semua rakyat beta yang beragama Islam.

YB TUAN SPEAKR : Yang Berhormat, ah! Mengikut peraturan nama Tuanku jangan digunakan, ya!. Mengikut peraturan nama Tuanku jangan digunakan dalam perbahasan. Setakat itu saja saya maklumkan. Ini peraturan.

YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Jadi, sehubungan dengan ini sebagai mana hasrat tersebut saya menyokong sepenuhnya tentang supaya semua cadangan yang dikemukakan ini dapat diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Sekian. Terima kasih.

YB TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya mempersilakan pihak Kerajaan jika ingin memberi apa-apa penjelasan tentang perkara ini.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih Sg. Burung dan saya nampak Sg. Burung pun menyokong mengenai pindaan-pindaan yang akan dilaksanakan. Dan pindaan-pindaan ini sudah tentulah setiap kali pindaan dibuat pindaan itu yang pertama sekali menguatkan lagi, mengukuhkan lagi, memperkasakan lagi dan memperbaiki lagi sama ada dari segi prestasi, sama ada dari segi pentadbiran, sama ada dari segi pengurusan dan sama ada dari segi operasi keseluruhan pelaksanaan, sistem pelaksanaan Islam di negeri Selangor ini. Jadi, inilah *intend* atau pun tujuan utama kepada pindaan ini sebagaimana yang kita ketahui enakmen ini pun telah mengalami pindaan demi pindaan dan pindaan kali ini agaknya lebih komprehensif selain daripada pindaan berbentuk *definitional* begitu sifatnya tetapi pindaan ini juga ada pindaan-pindaan yang berkaitan dengan operasi seperti misalnya kita hendak meminta supaya pegawai-pegawai masjid yang selama ini berumur 65 tahun lebih daripada 60 tahun tidak diizinkan untuk memegang, memegang mana-mana jawatan di surau atau pun masjid. Kita sudah pun melihat dari kajian-kajian yang dibuat 38 orang yang mentadbir nazir yang mentadbir masjid melebihi umur 60 tahun dan bagi pegawai masjid 620 orang berumur lebih daripada 60 tahun. Sebab itu kita mencadangkan supaya untuk kita *accommodate* untuk kita mengambil dan juga menggunakan khidmat orang-orang yang masih mahu berkhidmat dan mempunyai kekuatan untuk berkhidmat walau pun sudah menjangkau umur 65 tahun kita mencadangkan di bawah pindaan ini supaya mereka

juga dimasukkan di dalam senarai pengurus pentadbir kepada masjid. Jadi, maknanya apa yang saya hendak sebutkan ialah bahawa pindaan-pindaan ini sebagai yang dikehendaki oleh Sg. Burung sudah tentu mencerminkan sesuatu yang terbaik untuk dilaksanakan oleh MAIS dan di peringkat operasinya akan dibuat, akan dilakukan oleh peringkat JAIS. Ah! Sg. Burung juga ada menyebutkan soal tentang pengawasan, surau dan masjid dan sebagainya, inilah yang sedang dilakukan kalau lihat di surau, di masjid, di mana-mana pun kita telah meletakkan tentang tatacara bagaimana kita harusnya menggunakan surau dan masjid dan alhamdulillah setakat ini kalau ada pun penyimpangan-penyimpangan hanya penyimpangan-penyimpangan yang ada *isolated* begitu dengan izin ya. Bukan satu perkara yang *norm* yang memang dilakukan tetapi merupakan perkara-perkara yang berlaku kadang-kadang kita terlepas pandang benda itu berlaku sedemikian rupa. Apa pun, kita di JAIS terutamanya telah mengambil langkah-langkah yang pasti untuk menentukan supaya insiden-insiden yang sedemikian tidak berlaku lagi. Tapi, untuk berlaku atau yang tidak berlaku Yang Berhormat sendiri pun kena menasihatkan orang-orang Yang Berhormat dan orang-orang dari Barisan Nasional dan dari UMNO terutama dan juga yang terlibat dalam penggunaan masjid dan surau penggunaan mereka pun kalau kita lihat secara dekat menggunakan masjid sebagai salah satu gelanggang politik. Ini pun harus kita pastikan ada pengawasan di peringkat pimpinan-pimpinan terutama Yang Berhormat dari Sg. Burung dan dari teman-teman yang lain. Begitu juga tentang, saya ingin menyebutkan tentang soal kita menyebarkan tentang bukan majalah-majalah ya! Tentang akhbar-akhbar Selangor Kini misalnya yang kita sebarkan di masjid dan kita sudah ada tata cara nak menyebarkannya bukan waktu sembahyang, nak menyebarkannya bukan waktu khutbah, nak menyebarkannya bukan waktu orang sedang beribadah, berzikir dan sebagainya. Kita meletakkannya di tempat-tempat yang tertentu, di ruang-ruang yang tertentu supaya tidak mengganggu perjalanan ibadah. Tidak mengganggu sembahyang sunat qabliyah dan baqdiahnya, tidak mengganggu khutbahnya, kita mengganggu fardu Jumaatnya dan tidak mengganggu mana-mana individu yang menunaikan sembahyang Jumaat tersebut. Dan kalau ini diikuti saya dapat melawat hampir setiap minggu, saya melawat masjid-masjid yang berbeza-beza dan surau-surau yang dibenarkan mengendalikan sembahyang Jumaat yang berbeza-beza di antara mereka. Dan saya dapati alhamdulillah benda ini dapat dijalankan dengan baik. Mungkin kadang-kadang ada timbul beberapa orang mungkin yang tidak dapat membaca peraturan-peraturan yang dikenakan, akhirnya sebagaimana yang disebutkan oleh ahli Yang Berhormat tadi terdapatlah beberapa sedikit percanggahan dengan apa yang telah kita tetapkan sebagai tatacara meletakkan dan menyebarkan risalah-risalah yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri. Dan saya ingin memberitahu bahawa risalah-risalah ini perlu dibaca sama ada dengan orang yang datang sembahyang Jumaat atau yang tidak datang sembahyang Jumaat termasuk teman-teman di sebelah sana pun perlu membaca risalah-risalah. Bukan Selangor Terkini tu, jangan baca Selangor yang terkini tu. Kita kena baca yang Selangor Kini. Selangor Terkini pun saya nampak sekarang ini sebarannya lebih hebat. Saya ingat Sg. Burung pun mungkin terlibat dalam menyebarkan Selangor Terkini. Jadi, ini kita kena tengok betul-betul ya supaya apa yang disebarkan itu sebenarnya, yang disebarkan itu kita nak beritahu rakyat apa benda yang kita lakukan. Apa rakyat mesti sambut dengan apa yang kita lakukan. Kita hendak *total participation of* rakyat dalam program-program yang melebihi 27 program, yang sedang diatur oleh Kerajaan Negeri untuk dinikmati oleh rakyat. Jadi, sebab itulah saya rasa..

YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Boleh dapat penjelasan daripada.. Ah! Terima kasih, apa yang Sg. Burung bangkitkan itu, bukannya, apa ini, kandungan daripada majalah itu sebenarnya. Apa yang berlaku di masjid pada masa ini apabila diedarkan majalah-majalah ini pada waktu solat Jumaat. Ah! Ini telah, benda tu ada kat situ. Jadi, orang akan baca. Bila orang baca. Orang duduk kat belakang, dia tak pergi masuk dalam saf beribadat. Ini yang menjadi masalah. Benda tu pula, ada yang membaca, bercerita, jadi cerita tu ada pula kawan

yang tak setuju. Ini yang menimbulkan kekecohan dan ini telah berlaku sehingga dibuat laporan Polis di tempat saya sendiri. Jadi, yang itu yang saya bangkitkan, jadi saya harap dengan adanya pindaan-pindaan rang undang-undang ini MAIS nanti akan memantau lebih. Jadi, maknanya di masjid nanti macam mana. Kalau Yang Berhormat kata dah ada tatacara. Kita nak melihat bukan sahaja tatacara itu ada, tapi tatacara itu mestilah dengan izin, *is equitable*.

Maknanya, boleh dilaksanakan. Jangan di laksana nanti tidak menimbulkan kemarahan kampung. Ini yang harapan sayalah. Kandungan-kandungan itu tak payah ceritalah. Ya. Kandungan, kita pun ada apa tu Terkini itu pun ada kandungan juga menjelaskan kedudukan kita. Biarlah rakyat melihat, menilai, mana yang di antara satu. Selangor Kini ke, Selangor Terkini ke, begitu juga dalam blok. Blok yang pro PKR ke, atau blok yang pro BN. Itu semua biar rakyat menilai. Jadi, yang itu yang tujuan saya bangkitkan dalam perbahasan tadi. Terima kasih.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih Sg. Burung, ialah maknanya kita sudah ada tatacara kita dan yang sampai melaporkan Polis ini berlaku di Sg. Burung saja ni. Saya ingat kerana kemungkinan ADUN Sg. Burung tidak menjalankan peranan sebagai ahli kepada kariah yang baik menasihatkan orang, masyarakat ahli kariah kita, supaya apa yang dihidangkan itu pandai-pandai, bahkan tiap-tiap kali Jumaat diingatkan jangan bercakap kalau kamu bercakap maka laghro lah fadilat Jumaat kamu. Bahkan menegur kawasan sendiri pun jangan kamu bercakap maka laghro lah fadilat Jumaat kamu. Jadi, yang itu, yang itu yang kita pegang tu. Jadi mungkin di Sg. Burung, saya dahulu pun di Sg. Burung juga tapi waktu itu orang-orang baik-baik sekarang sahaja di bawah Sg. Burung ini sahaja agaknya yang kurang menghormati masjid. Tapi saya rasa orang-orang Sg. Burung ini, saya rasalah, saya rasa mungkin di kawasan Sawah Sempadan, di mana-mana tetapi saya rasa keseluruhannya orang ini mematuhi peraturan kita. Dan di JAIS kita tidak menerima apa ni, sungutan-sungutan apa lagi menerima laporan ada laporan Polis yang dibuat berkaitan dengan edaran risalah tersebut. Jadi, yang akhirnya Tuan Speaker, kita harap, kita bersama-sama di sebelah sana dan di sebelah sini pun bersama-sama untuk mengangkat martabat agama di Negeri Selangor ini dan pada masa yang sama untuk memastikan apa juga yang diimpikan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dapat direalisasikan dan tujuan kitalah melalui pindaan-pindaan yang kita lakukan ini untuk memantapkan, memperkasa dan memperhebatkan lagi gerakan untuk melahirkan satu masyarakat yang berteraskan kepada agama. Dengan kita di MAIS, kita di JAIS merupakan dua badan amanah yang akan menjalankan tanggung jawab itu. Tuan Speaker, sekian, terima kasih.

YB TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan ialah bahawa rang undang-undang ini hendaklah dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Rang Undang-undang ini bernama suatu enakmen untuk meminda enakmen pentadbiran agama Islam Negeri Selangor 2003.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Tuan Speaker, saya memohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbangkan rang undang-undang ini fasa demi fasa.

YB TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker, saya menyokong.

YB TUAN SPEAKER : Dewan bersidang sebagai jawatankuasa.

SETIAUSAHA DEWAN : Fasa 1 hingga 4.

YB TUAN SPEAKER : Fasa 1 hingga 4 menjadi sebahagian daripada rang undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Fasa 5 hingga fasa 8.

YB TUAN SPEAKER : Fasa 5 hingga fasa 8 menjadi sebahagian daripada rang undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Fasa 9 hingga fasa 12.

YB TUAN SPEAKER : Fasa 9 hingga fasa 12 menjadi sebahagian daripada rang undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Fasa 13 hingga fasa 16.

YB TUAN SPEAKER : Fasa 13 hingga fasa 16 menjadi sebahagian daripada rang undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Fasa 17 hingga fasa 24.

YB TUAN SPEAKER : Fasa 17 hingga fasa 24 menjadi sebahagian daripada rang undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang ini seperti yang telah dibincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

YB TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Pengerusi, saya menyokong,

YB TUAN SPEAKER : Dewan bersidang semula.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa rang undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam jawatankuasa dan telah dipersetujui. Oleh itu, saya mencadangkan supaya rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

YB TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker, saya menyokong,

YB TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan ialah undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Rang-rang undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor pindaan 2011. Seterusnya usul No. 9 Tahun 2011. Usul bajet tambahan peruntukan pembangunan 2011.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Dato' Speaker, dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya dengan sukacitanya mohon membawa satu usul di dalam Dewan yang mulia ini yang berbunyi seperti berikut.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya dengan sukacitanya memohon membawa satu usul di dalam Dewan yang mulia ini berbunyi seperti berikut:-

“Bahawa menurut seksyen 9, seksyen 4(2)(b) dan seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan tambahan sebanyak RM20,028,000.00 yang dinyatakan dalam Bajet Tambahan Peruntukan Pembangunan Tahun 2011, yang dibentangkan di hadapan Dewan mengikut seksyen 4(1) Akta yang sama, sebagaimana terdapat di Jadual, hendaklah diluluskan”.

JADUAL

BAJET TAMBAHAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN TAHUN 2011

VOT	JABATAN	PERUNTUKAN (RM)
P01	Menteri Besar dan SUK	20,028,000.00
	JUMLAH	20,028,000.00

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat;

Persidangan Dewan Negeri Selangor yang diadakan pada 8 November 2010, meluluskan satu usul Bajet Pembangunan yang berjumlah RM600,000,000.00 bagi perbelanjaan Pembangunan tahun 2011. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM225,000,000.00 diperuntukkan kepada Kepala P01-Menteri Besar & Setiausaha Kerajaan (SUK).

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat;

Berdasarkan perbelanjaan yang ditetapkan sehingga akhir Jun 2011, adalah dianggarkan terdapat kekurangan peruntukan sebanyak RM20,028,000.00. Oleh itu, maka satu peruntukan tambahan bertujuan menampung kekurangan peruntukan di bawah perbelanjaan pembangunan yang berjumlah RM20,028,000.00 adalah diperlukan bagi membiayai projek-projek baharu dan yang sedang dilaksanakan.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat;

Tambahan bagi projek-projek pembangunan yang sedang dilaksanakan adalah seperti berikut :-

1. Untuk Pecahan Kepala 5 (P.K. 5) – Perpustakaan, di bawah Butiran Pecahan Kepala 10050 – 01 (05001) Perpustakaan Selangor Negeri Maju (Perpustakaan RATU II)

sebanyak RM3,800,000.00 adalah diperlukan untuk menampung keperluan tambahan Koleksi Buku dan keperluan asas lain, dan tambahan di bawah Butiran Pecahan Kepala 10050 – 02 (05002) Perpustakaan Cawangan Kajang pula, sebanyak RM278,000.00 adalah diperlukan untuk menaik taraf perpustakaan tersebut;

2. Bagi Pecahan Kepala 16 (P.K. 16) – Pengambilan Balik Tanah, di bawah Butiran Pecahan Kepala 10160-01 (16001) Pengambilan Balik Tanah, sebanyak RM4,300,000.00 diperlukan untuk menampung keperluan pengambilan balik tanah oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN); dan
3. Bagi Pecahan Kepada 20 (P.K. 20) – Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES), di bawah butiran 10200 - 06 (2006) Skim Mesra Usia Emas, sebanyak RM10,000,000.00 diperlukan bagi menampung keperluan Tabung Amanah Skim Mesra Usia Emas (SMUE).

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Tambahan bagi projek-projek pembangunan baharu yang bakal dilaksanakan adalah seperti berikut :-

1. Pecahan Kepala 5 (P.K. 5) – Perpustakaan, di bawah Butiran Pecahan Kepala 10050 - 07 – perpustakaan Cawangan Rawang di mana sejumlah RM150,000.00 adalah diperlukan untuk menampung keperluan menaik taraf Perpustakaan Cawangan Rawang; dan
2. Pecahan Kepala 20 (P.K. 20) – Merakyatkan Ekonomi Selangor, Butiran 10300 -07- Anak Nurseri di mana sejumlah RM1,000,000.00 diperlukan untuk membiayai projek Anak Nurseri.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat;

Memandangkan perkara ini melibatkan perbahasan kita tentang keperluan bagi tambahan peruntukan ini, saya mohon supaya Usul ini diluluskan.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,

Memandangkan perkara ini kita telah membahaskan tentang keperluan bagi tambahan peruntukan ini, saya mohon supaya Usul ini diluluskan.

YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini adalah suatu usul yang telah dibawa oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar iaitu Usul Bajet Tambahan Peruntukan Pembangunan 2011. Oleh itu saya kemukakan usul ini untuk dibahaskan. Ya, Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih, Tuan Speaker. Sekinchan ingin juga membahaskan usul Pembangunan berkaitan dengan Skim Mesra Usia Emas yang dilaksanakan oleh Kerajaan

Negeri Selangor. Respons yang diterima setakat ini selepas 3 tahun Kerajaan Negeri Yang amat Berhormat melaksanakan agenda merakyatkan ekonomi Skim Mesra Usia emaslah merupakan satu skim yang menyeluruh dan disambut oleh warga emas seluruh negeri Selangor tidak kira Melayu, Cina, India dan lain-lain lagi. Di DUN Sekinchan ini, setakat ini pendaftaran daripada 2,800, di DUN Sekinchan pendaftaran yang diterima sudah mencecah 2,400. Maknanya sekitar 80 % warga emas di kawasan sekitar Sekinchan, Parit 5, Sungai Leman, Parit 7, semuanya sudah menyertai skim ini. Kerana apa, kerana janji ditabur oleh Kerajaan Negeri sehingga sekarang ini memang dilaksanakan. Mula-mulanya saya mengucapkan tahniah dan syabas kerana pada permulaannya skim ini dilaksanakan ada ramai pihak khususnya pihak pembangkang memandang remeh bahawa skim ini dan mereka menaburkan fitnah kononnya akhirnya tak akan dibayar. Tidak akan dibayar, itu janji kosong. Ngomong-ngomong kosong, orak dibayar ngko. dengan izin. Tidak dibayar. Tetapi hakikatnya kenyataan telah membuktikan kepada kita dalam Dewan yang mulia ini bahawa selepas 3 tahun ini kita telah menunjukkan bahawa skim mesra usia emas ini bukan sahaja dibayar dalam fasa pertamanya iaitu 1,000. Kalau pada permulaannya kita janji 24 jam, mungkin ada kelewatannya sedikit, memandangkan laporan yang diterima lewat dan sebagainya. Tetapi bayar RM1,000 dan seterusnya yang RM1,500 fasa kedua ini selepas di kumpul semua maklumat sijil kematian, laporan polis dan sebagainya. Semua di kumpul, RM1500 akan dibayar dalam tempoh masa 2 bulan. Dan setakat ini respons yang diterima daripada rakyat, tak ada seorang pun yang datang mengadu di pejabat saya mengatakan bahawa program skim mesra usia emas ini, tiada orang yang tidak mendapat bayaran. Itu satu.

Yang keduanya, saya bangga terhadap pentadbiran Kerajaan Pakatan Rakyat kerana ketelusan, kebertanggungjawaban amanah dia, semua pegawai-pegawai yang ditugaskan sehingga sekarang ini tiada sebarang laporan, kosong laporan mengatakan bayaran yang dibayar kepada penerima, waris penerima skim mesra usia emas ini, ada kekurangan wang. RM1,500, mungkin tinggal RM1,000 ataupun RM800. Setakat ini rekod yang dicatatkan di kawasan DUN Sekinchan dan di merata tempat seluruh negeri Selangor, kosong. Maknanya, kita tidak, kita telah berjaya mengikis, menghindari budaya komisen, budaya ketirisan, kebocoran, wang bawah meja dan sebagainya, *under table*, yang dahulunya memang berlaku secara berleluasa zaman Barisan Nasional. Di mana peruntukan-peruntukan bukan sahaja skim mesra usia emas, dulu tak ada, tapi di bawah peruntukan ke tokong, persatuan, RM5,000 yang dijanjikan, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, RM5,000 yang dijanjikan. apabila duit itu sudah diumumkan, tunggu 3 bulan, 6 bulan duit tak sampai. Tunggu lagi 7 bulan, 8 bulan, kiri 3 bulan, kanan 3 bulan, atas 3 bulan, bawah 3 bulan, campur ertinya dah 12 bulan, setahun, ada yang masih tertangguh, duit tak sampai. Apabila duit itu sudah sampai ke penerima, persatuan yang menerima manfaat, yang diumumkan kadang-kadang RM5,000, tinggal RM3,000 ataupun RM3,500. Dan ramai persatuan merungut kenapa begini jadinya. Jawapannya ialah "*larning-fish*," komisen dan sebagainya. Ini yang berlaku zaman dahulu. Ini saya cabar kalau ada pihak cuba nak nafikan. Banyak bukti-bukti yang saya ada di tangan tentang aduan-aduan daripada persatuan. Tetapi dalam skim yang kita lakukan, bukan sahaja skim mesra usia emas, bantuan sekolah, bantuan tokong yang kita sekarang Kerajaan Pakatan Rakyat bagi kepada seluruh sekolah-sekolah agama rakyat, sekolah Tamil, sekolah persendirian cina, menengah, sekolah rendah agama, sekolah SKJC cina. Duit yang disalurkan, sampai sekarang kita masih mengekalkan rekod bersih. Bersih, tak ada sebarang ketirisan berlaku. Kita nak tanya mana kawan-kawan daripada Barisan Nasional. Tak ada pun sebarang rungutan mengatakan duit yang di salurkan ada kebocoran, ketirisan, hilang. RM100,000.00 hilang, sampai dengan cek. RM100,000.00. Satu sen tak lebih, setengah sen tak kurang. Ini ketelusan Kerajaan Pakatan Rakyat.

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Yang Berhormat Sekinchan kalau dah bercakap, seolah-olah macam dia saja yang betul. Tapi Yang Berhormat Sekinchan, Tuan Speaker, dia tahu ke, sumbangan daripada Kerajaan Barisan Nasional pula kepada persatuan-persatuan berkenaan berapa. Sama ada berlaku ketirisan ataupun tidak. Yang Berhormat Sekinchan pernah tanya. Tak pernah tanya, kami pun ada bagi dan tak pernah pun ada berita-berita yang mengatakan yang kita bagi itu ada ketirisan atau tidak. Berapa jumlah Yang Berhormat Sekinchan bagi pada persatuan-persatuan, pernah tanya, dan berapa jumlah yang pula bagi kepada mereka, Yang Berhormat pernah tanya. Tak pernah tanya, jadi janganlah ada sangkaan buruk dalam perkara ini. Tuan Speaker.

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Yang Berhormat Seri Serdang selaku Ketua Pembangkang di Dewan Negeri Selangor ini. Kadang-kadang saya nampak Ketua Pembangkang ini pun tidak menjalankan tugas dengan baik. Kadang-kadang nampak muka, kadang-kadang tidak. Selalu tak ada. Saya gunakan kadang-kadang dah kira hormat dah. Patut Ketua Pembangkang ni kena ambil peranan mengarahkan anak buahnya sentiasa hadir, wajib hadir bukan pada petang hilang semua, bersih semua. Insya-Allah kita akan bersihkan semualah pada pilihan raya akan datang.

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Yang Berhormat minta laluan, boleh ke.

YB TUAN NG SUEE LIM : Nak laluan lagi, okey la, saya bagi.

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Soal datang ke Dewan ke tidak Dewan, kita faham. Tapi kita juga ada urusan kadang-kadang di luar yang memerlukan kehadiran kita. Jadi apa beza, kalau kita datang kita boleh mainkan peranan, tapi di luar juga ada tanggungjawab untuk kita, untuk kita menjalankan tugas kita sebagai wakil rakyat. Jadi jangan ada sangkaan-sangkaan yang tak tentu, kita ni, orang kata, '*work smart*'. Ha.. Ni kalau nak belajar '*work smart*' datang jumpa dengan saya, Tuan Speaker ya. Ni nak bagi tau pada Sekinchan, ya. Jangan jadi ada sangkaan-sangkaan buruk seolah-olah kita tak mainkan peranan. Belajar, dulu kata, wah,, dulu kata pilihan raya di Sarawak, kita akan menang. Buktinya, gagal. Itu orang kata '*work smart*', jadi belajar '*work smart*', mari saya tunjukkan. Terima kasih, Tuan Speaker.

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih, rakan daripada Ketua Pembangkang ini. Soal yang apa perkara yang saya bangkitkan ini tentang peruntukan-peruntukan ini, di Sekinchan sahajalah. Tanyalah persatuan-persatuan Teow Cheow, persatuan Hokkien, persatuan cina. Peruntukan turun, saya tak nafikan. Peruntukan datang, datang, saya tidak mempersoalkan tadi. Peruntukan tak datang ke, peruntukan datang, tapi ada ketirisan, tak penuh. Janji *limang ewo, teko telong ewo, wrong ewo maring ndi*.

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Itu kawasan Yang Berhormat, jangan samakan dengan kawasan yang lain...

YB TUAN NG SUEE LIM : Itu satu contoh. Cuba tanya kawan yang lain, yang bersuara banyak sangat. Maknanya perkara ini fenomena ini berlaku berleluasa di seluruh negeri Selangor. Ini yang saya tekankan di sini. yang keduanya, ha.. Sg. Pelek..

YB TUAN YAP EE WAH : Terima kasih Sekinchan. Kalau tak silap sayalah satu peruntukan Kerajaan Negeri kepada SJKC di sebelah kawasan Sekinchan saya tak ingat nama SJKC itu. Tapi Pengerusi PIBG nya nama dia Wang Her Ming. Wang Her Ming keluaran satu kenyataan di surat khabar mengatakan bahawa sejumlah katakana RM50,000 itu diberi kepada Sekolah itu, kemudian dikeluarkan duit itu untuk tujuan yang lain disurat khabar. Sehingga hari ini saya

tak nampak pun wakil rakyat di sana atau Kerajaan Negeri Selangor bagi penjelasan. Jadi itu cuma satu contohlah. Saya nak minta penjelasan daripada Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih rakan daripada Sungai Pelek. Soalan ini cukup bagus dan saya memahami perkara ini dan ini bukan saya tegaskan bukan dilakukan di kawasan saya. Silap fakta, ini silap fakta, kalau lain kali nak cari fakta jangan tekan tolong sedikit terperinci betul-betul kalau tidak saya perbetulkan malu pula di dalam Dewan Yang Mulia Ini. Jangan main-main gomong-gomong di pasar bukan cakap di pasar. Perkara yang berlaku Yang Berhormat Sungai Pelek nyatakan tadi saya nak sebut berlaku di Kuala Selangor. Hanya di Sekolah satu Sekolah Rendah di Jeram di mana Sekolah itu saya nak jelaskan bukan wang itu tak datang. Sebanyak wang RM15,000, RM15,000 telah diperuntukkan oleh Ahli Parlimen RM10,000 Yang Berhormat Bukit Melawati RM5,000 dan telah mereka ada bersefahaman dengan siapa, dengan Lembaga Pengarah Guru besar, Guru besarnya ada bersefahaman. Kita akan memperuntukkan RM5,000 untuk ini dan kemudian Ahli Parlimen kita Yang Berhormat Dr. Zul RM10,000, RM15,000 tapi janji duit ini kita akan kita minta daripada peruntukan khas Kerajaan Negeri yang akan diperuntukkan Fasal 1, Fasal 2 itu kita akan peruntukkan di situ akan ditolak di situ dan Guru besar pun setuju, Guru besar setuju sekatan yang tak setuju dan mempolitikkan isu ini siapa? Lembaga Pengurus lu siapa dia? Wong Ho Ming, Wong Ho Ming siapa dia? Kawan saya, saya kenal MCA, Ketua MCA di situ bila cuba politikkan sedangkan Guru besar tahu maklum Guru besar dah janji ya kita setuju tapi yang politikkan orang MCA, Ketua MCA di situ pegang jawatan sebagai Lembaga Pengarah Sekolah tersebut. Satu, yang keduanya duit RM80,000 kita luluskan RM80,000 untuk apa? Untuk Sekolah tersebut walaupun Sekolah itu tak ramai murid saya tahu. Sekolah itu tak ramai murid tapi kita tak ada pilih kasih. Yang Berhormat Bukit Melawati dalam Mesyuarat pengagihan, pengagihan peruntukan kita panggil EXCO, panggil semua ADUN-ADUN yang terlibat datang dan bagaimana Sekolah ini Yang Berhormat Bukit Melawati walaupun beliau daripada India tetapi beliau memperjuangkan untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Ini semangat Pakatan Rakyat dan beliau kata mahu RM100,000 kita tengok kiri kanan tak boleh satu Sekolah nak dapat RM100,000 dan ini kisah benar yang saya nak bagi tahu Yang Berhormat Sungai Pelek yang tak tahu saya nak bagi tahu. Yang pelek sedikit maka dengan itu RM80,000 kita luluskan dan mereka janji RM15,000 itu harus ditolak dan masuk dalam akaun ini. Maka RM80,000 disampaikan kepada Sekolah tersebut tak ada kekurangan pun dan Guru besar setuju. Cuma sekarang yang mengambil kesempatan untuk politikkan konon kita janji lain bagi duit lain tolak sini, tolak sana tidak. Tak ada persefahaman Yang Berhormat Bukit Melawati dan Yang Berhormat Kuala Selangor boleh bagi tahu. Boleh bagi penjelasan, jadi benda ini bukan ketirisan. Yang saya ketirisan duit yang kita janji RM3,000, RM5,000 untuk tokong A setahun lepas duit baru sampai. Itu pun setahun belum tambah *interest* lagi bunga-bunganya. Kemudian sampai RM3,500RM3,500...

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tuan Speaker, ...

YB TUAN NG SUEE LIM : Ah Ketua Pembangkang

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Saya pagi tadi pun sebelum datang ke mari didatangi oleh seorang berbangsa Cina mengatakan saya pun tak tahulah sama ada betul atau tak betul tapi mungkin Yang Berhormat yang saya maksudkan jangan nak menyalahkan soal Barisan Nasional kata begitu lama bagi peruntukan. Saya difahamkan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Shing Ming dekat Puchong sana. Kalau tak silap setahun yang lepas satu rombongan besar-besar datang ke Sekolah Shing Ming termasuklah Penasihat Ekonomi Negeri Selangor saya difahamkan mengumumkan satu peruntukan taksu pun sedikit. Tetapi

sehingga hari ini pun belum dapat lagi malah kalau tak silap cuba semak kalau ada keluar kak surat khabar Cina. Ini tolong semaklah cuba jangan mempertikaikan soal janji yang dibuat pada tahun dalam rombongan yang begitu besar sekali. Saya pun difahamkan katakana YAB Dato' Menteri Besar pun ada datang juga. Jadi tolong semak ya ini ada keluar disurat khabar Cina yang dah setahun juga kata nak bagi sampai sekarang tak juga dapat. Jadi jangan, jangan mempertikaikan soalan-soalan ini. Ada juga benda-benda yang berlaku di perbincangan Pakatan Rakyat.

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih atas ingatan tersebut. Saya yakin perkara ini dapat dijelaskan oleh Kerajaan tak ada masalah. Masalah saya yang pokok perbincangan tadi saya ialah duit itu hilang. Duit itu hilang dan ada satu janji kosong yang di oleh bekas Timbalan Menteri Pelajaran, bekas Fong Chan Onn datang ke Sekolah saya, Sekolah Rendah saya di mana di Kapar Hin Hwa janji berapa naik pentas cerita semua tepuk tangan, tepuk tangan sampai nak sakit, tangan pun dah sakit MCA ketawa sampai keluar gusi

Yang ini bukan tangan sakit lagi, yang putus jari pun ada.

YB TUAN NG SUEE LIM : RM50,000, RM50,000 janji. Waktu itu saya belum jadi wakil rakyat. Sekarang saya dah jadi wakil rakyat dua penggal, insyallah penggal akan terusnya. Dah sampai sekarang, sampai sekarang Menteri berkenaan dah pun jadi Menteri. Main loteri mungkin Menteri tak jadi main loteri mungkin itulah. Duit itu tanya mana duit itu tertulis surat oh... rekod pejabat kami, rekod Kementerian tak ada, tak ada rekod ini. Rupa, rupanya pemimpin MCA dan Barisan Nasional boleh naik pentas janji benda yang dia tak terima, yang dia tak aku janji boleh perkara macam ini. Persoalan yang saya nak bincangkan tadi duit itu tak sampai, duit tak sampai atau pun duit hilang dalam Sekim Mesra Usia Emas ini. Report yang kita dapat Syukur Alhamdulillahlah semuanya sampai dan duit tak hilang. RM50 pun tak hilang ah jangan kata RM100, RM50 pun tak hilang. Yang Berhormat Bukit Antarabangsa hilang tak duit? Tak ada he... tak ada. Tanya kiri kanan pun tak payah sah tak ada. Lebihan ada ini bagaimana kita menguruskan ekonomi menguruskan ekonomi dan seterusnya saya menyanjung baik di mana Kerajaan Negeri bukan sahaja bagi Sekim Mesra Usia Emas RM2,500 kepada warga emas yang berjasa untuk bangsa, untuk negeri semasa muda dan kemudian apabila meninggal dunia waris yang dapat RM2,500 untuk khairat kematian dan sebagainya. Dan di sini saya dapat juga maklumat Sekolah Shing Ming yang dikatakan oleh Seri Serdang ini. Ya, sudah Selangor sudah bayar, yang belum bayar, yang belum bayar tolong check Yang Berhormat Seri Serdang, tolong check saya minta Timbalan Menteri Pelajaran daripada MCA *made Chinese angry* (ketawa tepuk meja). Timbalan Menteri dia Dr. Wee Ka Siong, Ka Siong nama dia janji dia orang tekan, duit

TUAN SPEAKER : Bahasa Jawa

YB TUAN NG SUEE LIM : Bahasa Jawa, masa tanya bila nak sampai saya cabar. Tadi kata wah Syukur Alhamdulillahlah kita sampai tekan duit tak hilang tapi

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Saya nak tanya bila sampai sebab aduan pagi ini kata keluar kak surat khabar Cina. Dia yang laporkan.

YB TUAN NG SUEE LIM : MCA dulu

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Nak tanya itu, bila, bila dia bayar

YB TUAN NG SUEE LIM : Tak bayar

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Bila, bila

YB TUAN NG SUEE LIM : Sudah bayar.

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Maklumat itu dari mana

YB TUAN NG SUEE LIM : Tak bayar

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Nak tanya dulu, bila, bila dia bayar.

YB TUAN NG SUEE LIM : Dah bayar, dah bayar

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Bila, bila

YB TUAN NG SUEE LIM : Dah bayar, sudah bayar

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Maklumat itu terima daripada siapa.

YB TUAN NG SUEE LIM : Sudah bayar lain kali.....

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Bukan maklumat itu terima daripada siapa, daripada siapa? Dan bila bayar.

YB TUAN NG SUEE LIM : Dah, dah dibayar.

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Saya nak tanya itu sahaja.

TUAN SPEAKER : Cukup, cukup. Duduk, duduk.

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Sebab ini aduan ini pagi tadi saya

TUAN SPEAKER : Duduk, duduk, cukup saya rasa setakat ini untuk isu bayar, tak bayar sebab Yang Berhormat yang cakap ini Yang Berhormat, yang Seri Serdang sebut orang yang luar pun tak tahu siapa, Seri Serdang lebih percaya dengan orang luar tak tahu nama dari Yang Berhormat di sini. Saya rasa cukup

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Saya cuma nak tanya maklumat pada siapa.

TUAN SPEAKER : Nantilah Yang Berhormat tanyalah pada Kerajaan, dia bukan Kerajaan.

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Sebab itulah maklumat yang baru dia dapat maklumat.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, Yang Berhormat saya dah cakap isu dah cukup.

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Saya tanya maklumat apa salahnya maklumat daripada siapa, bila boleh dapat terperinci.

TUAN SPEAKER : Tanya Kerajaan nanti besok ada lagi. Dia penyokong Kerajaan bukan Kerajaan. Ada perbezaannya.

YB TUAN NG SUEE LIM : Saya pun ada cita-cita jadi Menteri Besar tapi tidak kesampaian jadi belum jadi Menteri Besar lagi jadi saya tak boleh jawab perkara ini. *I have a dream* tetapi belum sampailah ahaaa..... Yang Berhormat

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : tak apa sedikit Menteri Besar kita tengok Menteri Besar.

YB TUAN NG SUEE LIM : Setiap berhak bermimpi lah. Jadi saya nak bagi tahu pagi ini saya nak bagi tahu kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang ini. Kita nak bawa isu ini biar tepat, biar selidik, jangan main tilik-tilik macam ahli junjung tak boleh sebab dalam Islam kalau kita ...

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tuan Speaker, dah kata saya tanya kak mana, tadi kata dah habislah soalan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Benda-benda ini tilik-tilik sahaja, Benda ha ini kita dah bayar, dah bayar.

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Kalau misalan dah bayar

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan gaduh soal yang kedua-dua pihak tak dapat selesai. Dua-dua pihak tak ada jawapan, ya jadi duduklah kalau dua pihak, kalau buat apa kita telagah yang kedua-dua dah tahu. Jangan gaduh pasal perkara yang kita tak tahu.

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tengok Tuan Speaker pun beritahu Sekinchan tak tahu.

TUAN SPEAKER : Kalau tahu duduklah. Aha... itu caranya. Kita kalau kita nak bahas, bahaskan perkara yang kita tahu. Jangan kita bertelagah kerana perkara yang kita tak tahu. Itu orang tengok pun tak tahu apa yang kita buat. Ya silakan Yang Berhormat. Cakap yang tahu ini apa waktu ini?

YB TUAN NG SUEE LIM : Ketawa ha..ha..terima kasih Tuan Speaker, kerana menderakan keadaan cuma saya nak petik ayat dalam Hadis lah dimana

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Jangan diulang-ulang lagi , tak boleh ayat sebut Hadis pun

YB TUAN NG SUEE LIM :

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Yang Berhormat Sekinchan, Yang Berhormat Sekinchan...

TUAN SPEAKER : Tenang, tenang.

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tuan Speaker, saya fikir dia bukan lah ...

TUAN SPEAKER : Tenang, tenang duduk, duduk. Teruskan. Aha Sekinchan duduklah cukup, isu ini cukup ya. Aha sila Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Speaker, saya cuma nak sampaikan satu ayat petikan ayat Hadis untuk

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tuan Speaker, Tuan Speaker dia bukan orang yang layak untuk bercakap soal ini. Soal rujuk pun rujuk pun

YB TUAN NG SUEE LIM : Rujuk apa salah, saya hanya cakap dalam Dewan.

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Saya memang bantah kerana Tuan Speaker, saya batal.

YB TUAN NG SUEE LIM : Ini hak saya cakap

TUAN SPEAKER : Nanti, nanti Yang Berhormat Seri nak bawa Peraturan Tetap apa?

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Bukan soal nak bawa soal Peraturan Tetap.

TUAN SPEAKER : Kalau bukan soal nak bawa Peraturan Tetap sila duduk. Kita tengok ikut peraturan kerana nak bangun cakap bukan tanya penjelasan kena bawa Peraturan Tetap. Ya silakan Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Saya bukan Islam tapi saya minta dengan Islam, tak salah saya minat dengan Islam. Dalam Hadis mengatakan kita tidak boleh umat orang Islam tidak boleh menuduh..

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Hadis yang mana dipakai dengan jelas sekali kerana Yang Berhormat Sekinchan tidak bukan orang yang sepatutnya.

TUAN SPEAKER : Selesai dulu, Yang Berhormat kalau kita tak setuju dengan orang punlah dengar lah dulu apa dia cakap. Habis dia cakap kalau kita nak bantah, kita bantah, kita jangan bantah belum orang cakap kita bantah mana boleh? Nak bantah biar dengar apa dia cakap betul kita bantah. Jangan menghalang orang bercakap nanti saya menghalang Yang Berhormat bercakap macam mana perasaan. Yang Berhormat cuma nak tarik masa tengok masa itu. Tapi masa yang diumumkan oleh Speaker yang betul. Silakan Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Oleh kerana Yang Berhormat Seri Serdang dia peka sebab ayat yang saya belum sebut dia dah bantah, dia dah bantah. Walau bagaimana pun saya tetap dengan saya, saya pun akan sebut juga. Saya akan sebut bahawa dalam Islam saya memuda

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Saya bantah.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat jangan sebut saya suruh keluar nanti.

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Tak apa, saya bantah.

TUAN SPEAKER : Kalau begitu saya

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : saya bantah.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, Yang Berhormat, jangan, jangan cuba taktik ini, jangan cuba taktik ini. Tak dia bukan nak buat belum habis cakap saya pun nak dengar apa nak bantah. Macam mana saya beri bantahan kalau saya tak tahu apa dia nak cakap. Yang Berhormat, jangan saya suruh Yang Berhormat duduk kalau tidak saya terpaksa mengarahkan Yang Berhormat keluar dari Dewan. Yang Berhormat kita ada Peraturan jangan nak saya terpaksa guna kuasa. Yang Berhormat sila duduk, sila duduk. Biar dia habiskan baru kita buat bantahan. Kalau ada bantahan. Ya sila duduk. Yang Berhormat tengok jam. Tak tak pakai ini. Sila Yang Berhormat. Aha... sila, sila, habiskan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Oleh kerana Serdang ini pagi ini dia panas, panas badan saya bagi satu pantun untuk penutup

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Saya tidak panas badan.

TUAN SPEAKER : Pantun pun nak marah, macam mana

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN : Saya tidak panas badan.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, saya dah cukup sabar, saya dah cukup sabar walaupun masa dah sampai terpaksa mengarahkan Yang Berhormat keluar daripada Dewan kerana banyak mengganggu walaupun telah pun ditegur dinasihati (tepukan meja) dan tidak dibenarkan masuk sehingga hari esok. Baik teruskan Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih, Tuan Speaker, saya bagi satu pantun bagi penutup ucapkan terima kasih kerana Skim Mesra Usia Emas sekarang bukan sahaja bagi yang sudah meninggal. Sekarang Kerajaan sudah merancang untuk bagi RM100 untuk *shopping* bersama ADUN. Aha sekarang yang hidup pun dapat berkatnya hidup di Negeri Selangor di bawah Pakatan Rakyat. Akhirnya sekali untuk menutup saya bagi pantun untuk kawan-kawan Ketua Pembangkang dari Jawa, semua dah lari, lari.

Kembang keladi keroh kembang selasih.
UMNO memang penting kasih.
sukar main kotor
Ya ini sahaja Tuan Speaker, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian, waktu sudah 1.00 tengah hari. Dengan itu saya menangguhkan Dewan hingga 2.30 petang ini.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Puan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN SPEAKER : Dewan di sambung semula.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul di bawah Peraturan Tetap 17, Usul bagi menangguhkan Mesyuarat Perkara tertentu Berkenaan Kepentingan Orang Ramai Berkehendak di segerakan.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian melainkan keadaan memerlukan perubahan, saya akan menetapkan masa selama 50 minit untuk membahaskan usul ini dan 10 minit untuk pihak Kerajaan membalas. Dipersilakan Yang Berhormat Seri Setia.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Yang Berhormat Tuan Speaker, sebelum saya menyentuh isu BERSIH, walaupun tak berapa ramai pembangkang pada hari tapi saya ingin memuji Yang Berhormat Taman Templer, yang dua hari berturut-turut datang ke Sidang Dewan memakai tali leher kuning. Sekali mungkin tersilap atau tidak perasan. Kalau dua kali mungkin niatnya hendak duduk di kerusi kosong di sebelah saya. Dahulu diduduki oleh Pelabuhan Kelang, tetapi Taman Templer bukan setakat lagi hebat daripada Pelabuhan Kelang tapi lebih layak dari Seri Serdang menjadi Ketua Pembangkang.

Izinkan saya memulakan ucapan saya tentang isu BERSIH ini, dengan memetik kata-kata “kerajaan yang kuat ialah Kerajaan yang tidak takut mengamalkan demokrasi – Tun Ismail Abd Rahman, Menteri Dalam Negeri, Julai 1969”. Itu bezanya Menteri Dalam Negeri UMNO lama, berbanding Menteri Dalam Negeri UMNO hari ini. Meskipun Tun Dr. Ismail memegang jawatan tersebut ketika negara dilanda tragedi 13 Mei 1969, beliau dihormati semua kerana pendiriannya yang berprinsip yang dirakam dalam buku “*The Deluxe Turn Politician*”.

Saya membawa usul tergepar ini ke Dewan Negeri Selangor, memandangkan saya merasakan penting untuk Dewan mengambil pendirian dalam isu penangkapan dan halangan yang dikenakan terhadap BERSIH. Sejurus selepas 13 Mei, Kerajaan telah memperkenalkan RUKUN NEGARA bagi memulihkan perpaduan negara pada ketika itu. Saya pasti, kita semua ingat, prinsip-prinsip RUKUN NEGARA .

Kepercayaan Kepada Tuhan, Kesetiaan Kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang, Kesopanan dan Kesusilaan. Kesemua prinsip-prinsip rukun negara telah di cabuli oleh Kerajaan Persekutuan, UMNO, BN, yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Najib Tun Razak dan Polis Diraja Malaysia dalam ketakutan mereka menghadapi BERSIH.

Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, sebelum BERSIH berlangsung, UMNO, BN dan Polis telah menggunakan pelbagai cara bagi menggagalkannya dan menekan penganjur BERSIH. Lebih 200 aktivis BERSIH dan Pemimpin Pakatan Rakyat dan PSM telah ditangkap di atas pelbagai tuduhan termasuk melancarkan perang terhadap Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong. Ada yang ditahan di bawah Ordinan Darurat, tapi cara layanan macam tahanan ISA. Ada yang ditahan semata-mata kerana memakai kemeja T berwarna kuning, malah ada yang pakai kasut kuning pun kena tangkap. Sebagaimana kata-kata Yang Berhormat Bukit Antarabangsa semalam, adakah takhta Duli Yang Maha Mulia Sultan di hadapan ini juga hendak dirampas semata-mata kerana berwarna kuning.

Saya ada menganjurkan satu Karnival Mesra Rakyat bersama Menteri Besar yang dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Ijok yang di adakan di DUN Seri Setia, dan antara lain saya telah menjemput ikon dan personaliti TV, Wardina Safiyyah untuk menyampaikan ceramah motivasi pada sebelah malam, yang turut dihadiri Yang Berhormat Bukit Antarabangsa. Kebetulan Wardina menasihatkan ibu bapa untuk menekankan tentang kebersihan setempat dan ada gambar beliau bersama saya, Bukit Antarabangsa dan Ahli Majlis Kawasan yang pada waktu itu Ahli Majlis memakai baju BERSIH. Beliau terus diserang teruk oleh *bloggers-bloggers* UMNO, kononnya beliau menyokong perhimpunan BERSIH. Jadi kebersihan setempat pun ditakuti oleh orang UMNO ini. Saya turut dijemput ke ceramah BERSIH anjuran Pakatan Rakyat Kuala Langat bersama Yang Berhormat Sijangkang, namun Dewan asal telah dikepung oleh 150 orang polis dan kami terpaksa berpindah ke Surau Kampung Muzahidin dan pegawai polis minta di tukar program ke program Isra' Mikraj. Saya ni tak hebat macam sesetengah Yang Berhormat macam Meru, Kota Anggerik atau Hulu Kelang, nak tiba-tiba tak *prepair* apa-apa, nak bagi ceramah Isra' Mikraj ini, bukan mudah bagi saya. Bercakap soal kebersihan setempat tidak boleh, memakai baju kuning tak boleh, hatta memakai kasut kuning tidak boleh. Tepuk dada, tanya selera, siapakah komunis hari ini. BERSIH atau UMNO Barisan Nasional.

Yang Berhormat Tuan Speaker, pada 3 Julai lalu, Seri Paduka Yang Di Pertuan Agong telah pun menitahkan agar pihak Kerajaan Persekutuan dan BERSIH untuk berunding secara baik. Dalam titahnya baginda menasihatkan Kerajaan Persekutuan, "beta juga menyeru kepada pihak Kerajaan agar melaksanakan segala amanah yang diberikan kepada rakyat secara adil dan bijaksana dan yang pentingnya beta selaku Yang Di Pertuan Agong tidak mahu melihat dalam negara masyarakat majmuk ini berada di dalam keadaan bermusuhan sesama sendiri ataupun sebahagian rakyatnya bermusuhan dengan Kerajaan atas apa jua alasan pun."

Kemudian Dato' S. Ambiga, Datuk A. Samad Said dan Zaid Kamarudin mewakili BERSIH telah menghadap Yang Di Pertuan Agong dan mengumumkan bahawa BERSIH setuju untuk menarik diri daripada perhimpunan jalanan kepada stadium. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kemudian mengumumkan bahawa Kerajaan Persekutuan bersedia bertemu dengan BERSIH dan membenarkan perhimpunan 9 Julai di buat di stadium. Namun beliau enggan mengarahkan Menteri Dalam Negeri untuk membebaskan semua tahanan mahupun menarik balik pengharaman BERSIH sebagai sebuah pertubuhan. Namun Menteri Dalam Negeri kemudian menarik balik tawaran stadium dan meminta program diadakan di negeri Pakatan Rakyat. Saya tidak tahu siapa bos, Perdana Menteri ke Menteri Dalam Negeri. Masalahnya bagi negeri Pakatan Rakyat tidak perlu Perdana Menteri nak tawarkan, sudah lama pun kita adakan program di kawasan-kawasan stadium di negeri kita. Ibu negara Malaysia masih lagi Kuala Lumpur jadi sudah tentulah rakyat nak berarak ke Kuala Lumpur. BERSIH boleh mendengar titah Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong, Yang Amat Berhormat Perdana yang ingkar, tepuk dada tanya selera, siapakah yang derhaka hari ini. BERSIH atau UMNO Barisan Nasional hari ini.

Yang Berhormat - Yang Berhormat sekalian, saya seperti Yang Berhormat Kerajaan di Dewan ini, berada bersama kira-kira 50,000 rakyat yang berhimpun secara aman. Rakyat memang turun secara aman. Melayu, Cina, India, malah ada yang datang dari Sabah dan Sarawak. Ada doktor-doktor kerajaan, ada ketua-ketua jabatan persekutuan, ada pelajar-pelajar kolej, ada pemandu teksi dan ada ustaz-ustaz yang datang dari kampung. Ada nenek tua, berbangsa Tionghoa yang hari ini di gelar '*lady of liberty*'. Ada yang datang bersama anak-anak, kami berhimpun menjerit BERSIH, Daulat Tuanku, Hidup Rakyat dan menyanyikan lagu Negaraku. Dalam kegagalan Perdana Menteri merealisasikan Satu Malaysia dengan konsultasi jutaan ringgit APCO, rakyat merealisasikannya di dalam perhimpunan BERSIH. Namun kami dilayan

lebih hina daripada sampah. Pimpinan dan aktivis BERSIH dan Pakatan Rakyat di tembak dengan gas pemedih mata secara dekat, secara langsung. Ada yang ditendang ada yang ditangkap. ketua Parlimen Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Ibrahim dan Ahli Parlimen Shah Alam, YB Khalid Samad ditembak gas pemedih mata secara langsung sehingga pegawai peribadi Dato' Seri Anwar terkoyak pipinya dan kepala YB Khalid terpaksa dihajit 6 kali. Saya difahamkan 5 jam pembedahan untuk membetulkan pipi pegawai peribadi Dato' Seri Anwar Ibrahim. Motosikal yang di bonceng oleh Timbalan Presiden PAS, Hj Mohd Sabu pula dilanggar oleh kenderaan polis sehingga lutut kanannya cedera teruk seperti mana kita saksikan semalam. Lebih mendukacitakan lagi,

Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, saudara Baharudin Ahmad seorang anggota PAS dan suami kepada Ketua Wanita Keadilan Setia wangsang, Rosni Melan, meninggal dunia selepas terperangkap di dalam gas pemedih mata. Pihak polis tidak mengendahkan permintaan agar Allahyarham diberikan rawatan perubatan dan van untuk menyelamatkan beliau hanya sampai ke tempat kejadian 10 minit kemudian. Saya bukanlah ustaz, tapi kita tak boleh salahkan takdir dalam hal ini, sebab kita yang cari pasal.

Sewaktu saya menuntut di London selama 3 tahun, saya banyak turut serta dalam demonstrasi menentang peperangan di Iraq, malah lawan ISA pun kita pernah demonstrasi di London. YB Shaari tentu tahu. Pernah 2 juta orang termasuk rakyat Britain beragama Kristian dan Islam berarak di Bandar raya London. Namun permit diberikan hanya jalan di sepanjang laluan di tutup dan lebih penting lagi polis menjaga keselamatan orang yang berarak, saya ulangi, polis menjaga keselamatan rakyat bukan menjadi perkakas kepada Kerajaan yang zalim. Aneh sekali, saya seorang Muslim lebih selamat membantah Britain dan Amerika melawan sebuah negara Islam berbanding berarak di negeri sendiri untuk menuntut pilihan raya yang bersih dan adil di negeri atau negara di pimpin Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Ketua Polis Negara yang semuanya Muslim belaka. Mungkin ini petanda akhir zaman. Sebab itu perhimpunan BERSIH yang diadakan di Australia, Singapura, Thailand, Jepun, Taiwan, Korea, Britain, Dubai dan Amerika Syarikat berlangsung dengan aman damai. Hanya di negeri sendiri BERSIH menjadi perkataan yang KOTOR.

Pada sebelah malam pula, saya dah lama merancang, saya menerusi keadilan Kelana Jaya mengadakan ceramah di kompleks sukan PKNS, Kelana Jaya. Meskipun saya bersetuju dengan permintaan polis, kalau ikut perlembagaan jelas, kita ada hak. Tapi, saya baik dengan polis, berunding, jangan buat di buat di padang yang boleh tampung 30,000 orang, kita buat ke dewan, yang hanya boleh tampung 3,000 orang. Tapi saya setuju tidak ada masalah. Tapi pada malam tersebut kira-kira 250 orang polis telah mengepung dewan dan sekatan yang berada di peringkat BERSIH, dipindahkan sekatan jalan di sekeliling kawasan Kelana Jaya. Apabila saya meminta penjelasan polis, jawapan mereka ialah tiada permit, meskipun tapak tersebut bukan kawasan awam. Apabila saya yang belajar Undang-undang memaklumkan perkara tersebut, mereka membalas pula bahawa wujud ancaman keselamatan tanpa memberikan sebarang bukti. Ini satu penghinaan kepada Kerajaan Negeri Selangor, memandangkan saya sebagai Ahli Dewan Negeri Kawasan tidak boleh mengadakan program di dewan milik badan berkanun Kerajaan Negeri sendiri. Adakah polis sudah lupa bahawa Pakatan Rakyat sudah dipilih sebagai Kerajaan Negeri. Saya tahu ramai pegawai-pegawai polis yang cintakan negara, saya berharap mereka tidak lagi menggunakan alasan menurut arahan atau menurut perintah atau menjalankan tugas dalam menjadi perkakas kepada UMNO Barisan Nasional. Dalam Islam jelas kepatuhan kepada pemerintah hanya sekiranya tidak bertentangan dengan syariat. Mencederakan mahupun menzalimi rakyat jelas bertentangan dengan syariat. Sebagaimana kata Sayidina Ali, " kita sesama Islam merupakan saudara dalam Islam,.....(bahasa arab)....., dan kita dengan bukan Islam pula saudara dalam kemanusiaan, (bahasa

arab)....". Yang ni orang UMNO kena belajar. Di dalam kubur nanti jawapan menurut perintah membuta tuli tidak lagi boleh dijadikan alasan. Saya turut meminta agar Kerajaan Negeri mengambil tindakan tegas terhadap pencabulan Perlembagaan Persekutuan ini. Saya mencadangkan, minta maaf, justeru saya menggesa Kerajaan Persekutuan dan polis menghentikan segera sebarang tangkapan dan halangan terhadap BERSIH dan menumpukan masa, tenaga dan sumber mereka bagi membebaskan rakyat daripada jenayah yang membelenggu masyarakat pada hari ini. Saya turut meminta Kerajaan negeri agar mengambil tindakan tegas terhadap pencabulan Perlembagaan Persekutuan ini. Saya mencadangkan Kerajaan Negeri memulakan tindakan Undang-undang kepada Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri, Ketua Polis Negara, Ketua Polis Selangor dan Ketua Polis-Polis Daerah berdasarkan pencabulan Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Dan saya juga berharap Kerajaan Negeri dapat memastikan kejadian sama tidak berulang lagi di mana-mana premis milik Kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun Negeri, GLC Negeri dan PBT. Yang Berhormat Tuan Speaker, benar kata Ronggo Warsito, Penyair Jawa yang menyebut tentang Jaman Edan atau zaman gila, warna kuning ditakuti, perkataan BERSIH menjadi kotor, rakyat dizalimi dan perlembagaan seolah-olah di buang ke bakul sampah. Mengapakah Perdana Menteri dan UMNO BN begitu takutkan rakyat yang inginkan pilihan raya bebas dan adil. Tepuk dada tanya selera. Izinkan saya akhiri ucapan saya dengan sajak peludah warna oleh sasterawan negara Dato' A. Samad Said:

"Kuasa besar kini menggelegak murka

Warna kuning diisytiharkan sebagai racun terbisa

Diragutnya baju t segeram tenaga

Di umum, itulah busana bahaya

Tapi kita jahit semula perca kain

Menjadikan panji terindah dan tulen

Warna kuning yang amat tenang dan syahdu

Kita kembalikan damai dalam kalbu

Kini cahaya mentari mungkin diramas

Dan sinar kuningnya juga akan dicantas

Memanglah mereka kini meludah warna

Sedang menghimpun lendir dan kahaknya

Kerana nikmat amat lama berkuasa

Kuasa pun seolah menjadi hartanya"

Sekian terima kasih saya mohon mencadang.

TUAN SPEAKER: Kota Damansara.

YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM : Kota Damansara menyokong usul, di bawah Peraturan Tetap 12 (1). Tuan Speaker, PSM (Parti Sosial Malaysia) menjadi mangsa awal utama dalam isu ini. Ada plot dan komplot zon untuk mengharamkan bersih dan menghalang perhimpunan aman. Kami dijadikan kambing hitam, menjadi satu penganiayaan kepada komplot-komplot kami. Program kami 24 hingga 26 tajuknya “Udahlah! Bersaralah!” program ini adalah realiti program yang dianjurkan oleh PSM kerana kami telah lama berpuluh tahun berjuang nampaknya tiada masalah khususnya daripada masalah golongan miskin. Kita lihat, yang kaya menjadi lebih kaya, yang miskin papa kedana menarik subsidi “ “ cukai penswastaan, gaji minimum yang mereka mengheret kaki, gubal undang buruh untuk majikan, *free great agreement*, rumah yang selesa, pendidikan yang sempurna. 30 rakan kami ditahan. Selepas itu, 6 di bebas dan ditahan kembali di bawah EO. Yang 24 itu, dicas 122 Memerangi Agung, walhal yang 6 ini tidak. Casnya berkaitan dengan perhimpunan haram, walhal mereka semua dalam bas. Hasutan *printing and press act*, pelancaran peperangan ke atas Yang Dipertuan Agung dengan tiga (3) t-shirt, tiada senjata, tiada pakaian seragam. Maka itu juga dikaitkan dengan parti komunis. Memang Polis tidak senang dengan kegiatan PSM kerana timbalan AGP pun pernah menjadi mantan CPO Selangor. Dan kami pernah berentap dengan *bycle champion* di mana Dato’ Jayakumar terlibat dengan ahli-ahli bertengkar dengan hak kami. Kita juga dapat lihat betapa angkuhnya Timbalan GP, keratan akhbar, bersama bertemu dengan pemimpin BERSIH seperti gengster dalam uniform. Percakapan masih bersifat ugutan. Kawan-kawan kami mulanya disuruh buat *statement* 112 dan mereka menyatakan mereka tidak perlu membuatnya, mereka akan menyatakan dalam mahkamah. Polis tidak senang, geledah bas, jumpa t-shirt dan akhbar PSM, itu menjadi satu tuduhan komunis memerangi Agung ya, tetapi soalan-soalan yang ditimbulkan bukan fasal komunis? bukan fasal Agung? tapi fasal BERSIH. BERSIH, awak terlibat atau tidak? Dan seterusnya. Dan Kawan-kawan yang kena EO pun begitu juga, persoalannya melibatkan BERSIH ya, dan pelik juga saya sebagai ketua mereka kalau anak buah ditangkap ketua pun ditangkap juga, tapi sebagai ketua sepatutnya ditangkap. Saya tidak dipanggil dan tidak di apa. Satu mainkan sahaja, kalau betul-betuk kami bersalah ketua bersalah patut ketua dipegang dulu. Yang sedih juga yang dapat dilihat, bagaimana utusan dan media masa memainkan perkara ini timbulkan fitnah borak peranda, isu kaum dan agama ya, memburukkan bersih demi menjaga periuk nasi mereka mengorbankan keadilan. Tidakkah mereka tahu dalam surah Al-Baqarah ayat 191 dan 217 menyatakan fitnah lebih kejam daripada pembunuhan. Tapi mereka melakukan seolah-olah mereka tidak tahu. Mungkin mereka tidak tahu, dan saya pun tidak tahu sangat tapi kita berikhtiar untuk dan meningkatkan ilmu kita. Maka itu kami merasakan yang menimbulkan masalah adalah pihak polis dan pemerintah UMNO Barisan. Tahu ikut arahan sahaja, paranoid, takut dengan bayang-bayang, disengajakan untuk menyangkan kuasa yang ada dalam tangan mereka dengan rakyat yang berjalan tidak mempunyai senjata hanya dengan suara sahaja, Tidak pandai dengan budi bicara, ya. Menyelesaikan masalah dengan kekerasan dan fitnah. Menjadi alat politik UMNO Barisan. Kena ingat bahawa gaji mereka itu bukan daripada punca UMNO dan Barisan tetapi daripada rakyat, segala rakyat. Jadi mereka mempertahankan keselamatan rakyat pada keseluruhannya bukan pada pihak-pihak tertentu sahaja. Mereka mengatakan ada *foreign agent* cuba mempengaruhi dua orang daripada China dan seorang daripada Korea. Tiada tuduhan lepas itu cuba cari fasal mengatakan passport mereka palsu pun tidak tahan. Mereka balik ke negara mereka, walhal dalam Utusan bukan main lagi ini agen besar. Tidak ada tuduhan kepada mereka. Ini adalah mainan politik sahaja. Dapat lihat juga bahawa EO ini sebenarnya ISA kerana saya juga mengalami pengalaman ISA. Ia benar, ISA dan EO 60 hari ya. Orang ISA kena tahan dalam bilik, satu bilik walhal orang EO tidak perlu, boleh bergaul dengan yang lain. Di soal siasat, ISA disoal siasat oleh *special brand* yang lain itu *under grand* unit, kena “ “ (dengan izin) dan gari tapi orang EO tidak perlu. Orang ISA tiada

nama lagi hanya nombor sahaja, dan mereka dipaksa mengingati nombor mereka dan jika dipanggil nombor mereka, mereka patut menyahut. Pada saya tahanan EO ini sebenarnya ialah tahanan ISA. Kerana mungkin mereka takut kerana pada satu masa dahulu rakyat bertindak tidak mahu ISA kerana mereka menggunakan EO tapi sifatnya adalah sifat ISA. Saudara Kumar dapat berjumpa dengan saudaranya pada 7hb. Dan dapat juga menuliskan sesuatu dan inilah dalam Bahasa Inggerisnya:

“The six nemesis or broken any more is ground in that we a socialist wear thing put the issue the pure is 60 percent in Malaysian National Agenda example hospital, privatetion, listen, wedges”

Beliau dua (2) kali masuk hospital sakit jantung dan kini dalam IJN, kami berharap agar tiada sesuatu yang berlaku dan kami akan bertindak akan menuduh kerajaan. Juga yang menyedihkan juga adalah apabila kita cuba hendak bertemu dengan kawan-kawan tapi tidak berjaya, maklumlah mungkin kami bukan keluarga yang mengatakan bahawa diberikan satu (1) jam sebenarnya lima belas (15) minit sahaja. Ini adalah gara-gara untuk mendapatkan maklumat untuk membatalkan dan memburukkan BERSIH. Maka itu juga saya sebagai pengerusi Party Social Malaysian gesa pemerintah dan polis membebaskan enam (6) tahanan EO/ISA kerana kita anggapkan penahanan ini adalah kejam, berniat jahat, penahan yang tidak sah. Saya ada tulis satu sajak dalam perkara ini tajuknya “Aku Bersedih”:

“Bersendirian air mata sedih mengalir tanpa izin

Kerana ku lihat demokrasi dikebumikan dengan semboyan keangkuhan

Keagamaan disandiwakan untuk mencabul kebenaran

Perkauman dibelai manja demi segumpal keuntungan dan kemelesetan diri

Kemiskinan dilunak-lunakkan sistem pemerintahan

1000 janji di curah halus untuk menderhaka kepada prinsip

senda gurauan diatur rapi untuk membentes pemikiran

negara yang harum dilacurkan dengan teladan bangsat

Sungguh kaku negara ku yang tercinta ini

Menjadi noktah di pertengahan jalan

Ku... ku lihat! Ku lihat! Demokrasi.

Ku lihat demokrasi tersungkur

Ku lihat demokrasi tersungkur merah

Ku lihat demokrasi tersungkur merah di pinggir jalan

Cuba melutut, cuba menyiku, cuba mendagu

Enggan menutup matanya untuk kali terakhir

Ramai tidak membantu, ramai tidak mengerti

Enggan sedar, semangat ini pahatkan pada cinta, bernafas dengan keadilan, berkorban untuk kebebasan,

Selagi diri ini belum menemui Lahat, selagi itulah jiwa ini semakin bertindak

Mendedahkan sistem kapitalis, bersama konco-konco politik yang pincang ini”

Terima kasih. Kota Damansara menyokong usul Peraturan Tetap 2011.

TUAN SPEAKER: Teratai

YB PUAN LEE YING HA: Terima kasih Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, apakah salahnya perkataan BERSIH. Di PBT-PBT ada projek zon bersih. Ahli-ahli zon bersih selalu buat gotong-royong untuk membersihkan kawasan. Kalau zon bersih itu pun salah, saya rasa EXCO kita juga dia juga ditangkap sebab dia ketua zon bersih di negeri Selangor. Polis selalu hendak tangkaplah tapi ketua zon bersih tidak ditangkap. Itu bermakna BERSIH tiada masalah. Adakah perkataan BERSIH dan t-shirt kuning boleh membunuh orang. Adakah perkataan BERSIH dan t-shirt warna kuning boleh mengancam ketenteraman masyarakat. Adakah orang yang pakai t-shirt BERSIH dengan perkataan BERSIH lagi bahaya berbanding dengan peragut ataupun perompak, tidak ada. Kenapa ada pihak atasan takut sangat dengan kumpulan kuning. Biar saya jawab: t-shirt kuning dengan perkataan bersih dapat menakutkan pihak-pihak yang tidak BERSIH. Ini termasuk yang makan rasuah, pihak yang sapu kekayaan negara. Mereka-mereka yang sakit jantung ataupun sekurang-kurangnya darah tinggi setelah nampaknya lebih daripada 50 000 rakyat berhimpun di Kuala Lumpur pada 9 Julai 2011. Pada 9 Julai rakyat berhimpun dengan aman dan damai, tidak ada seorang pun dalam perhimpunan bersih, kecoh, tetapi gas pemedih mata, meriam air, FRU ataupun polis tarik dan tangkap peserta daripada kumpulan BERSIH tanpa memberi sebarang amaran, sebelum perhimpunan bermula, polis juga menghalang rakyat daripada perhimpunan dengan menahan dalam pusat tahanan polis dengan tanpa apa-apa alasan. Contohnya Ahli Parlimen Seremban John Fernandez telah pun ditahan oleh polis apabila beliau baru tiba di Kuala Lumpur sahaja. Tiada alasan, tiada akta yang disebut kenapa beliau ditahan. Di sebaliknya ada isu sebahagian polis dimarahi oleh pihak atasan kerana tidak dapat tangkap ataupun tahan wakil rakyat yang menyertai perhimpunan bersih. Kesiannya polis. Polis yang mengikuti undang-undang dan hak asasi manusia dan kebebasan rakyat dimarahi tetapi orang atasan yang memberi arahan mengarahkan polis tembak pemedih mata dalam perhimpunan dan hospital tidak di disiplin. Tuan Speaker yang saya hormati sekalian. Saya juga ingin menyeru supaya Perdana Menteri dan Menteri-menteri jangan bohong lagi, mereka menafikan bahawa polis menembak pemedih mata ke dalam hospital tetapi saya sebagai saksi di antaranya boleh mengesahkan bahawa polis pernah menembak pemedih mata ke dalam Hospital Tong Sin. Saya mendapat rawatan di Hospital Tong Sen semenjak tahun 1985 dan masih menziarahi hospital itu apabila sakit. Oleh itu saya faham di manakah perkarangan Hospital Tong Sin. Di sini saya juga ingin mengucapkan takziah kepada mendiang Baharuddin Ahmad yang meninggal dan menjadi mangsa dalam keganasan Polis. Saya berharap pemimpin-pemimpin daripada Barisan Nasional janganlah tuntutan-tuntutan BERSIH iaitu satu pilihan raya yang adil dan bersih. Suara rakyat tidak dapat ditutup. Kerajaan hendak menutup, lagi menjadikan pemerintahnya *tecticship* (dengan izin). Zaman dektik atau dekagon dalam bahasa Melayu telah lepas. Indonesia sudah ubah, Asean telah ubah, komunis yang terbesar di dunia di China juga telah ubah tinggallah Malaysia dan Barisan Nasional sahaja. Cukuplah Barisan Nasional janganlah menindas rakyat lagi, kita kawan dari Kuala Kubu Bahru.

TUAN SPEAKER : Kuala Kubu Bahru.

YB TUAN WONG KOON MUN : Terima kasih kepada Tuan Speaker tadi percakapan daripada Teratai seolah-olah Teratai ada di dalam Hospital dia nampak terus bahawa peluru sudah tembak dalam hospital, betul. Jawab dulu kalau tidak betul jangan cakap yang tidak betul. Kerana Lembaga Hospital sudah membuat kenyataan bersama Menteri kesihatan kata tidak, apa ni mana yang betul, mana yang bersih. Bila percaya Lembaga Tom Sing kata tiada tapi sekarang you cakap ada maka saya tanya jangan cakap inilah Kerajaan PR cakap tiada berasas selalu membuat keduanya kepada rakyat. Banyak perkara yang tidak betul. Kalau nak cakap nanti saya belum nak cakap ini.

YB PUAN LEE YING HA : Terima kasih kepada Kuala Kubu Bahru, mungkin Kuala Kubu Bahru nampak kuning, kecut mata tidak nampak, dia otak pun tidak boleh fikir sebab saya sudah ucap tadi kata saya salah sebagai seorang saksi hanya salah seorang ada beribu-ribu orang termasuk Yang Berhormat Kota Damansara ada berada di sana, Jadi inilah saksi, inilah bukti kalau Yang Berhormat Kuala Kubu Bahru nak tutup mata, tak nak baca Internet, tak nak tengok foto pun tidak boleh buat apa-apa sebab kalau Kuala Kubu Bahru nak tutup mata, rakyat pun tutup mata tidak akan undi. Barisan Nasional lagi. Jadi cukuplah Barisan Nasional sudah bohong, lagi nak menindas rakyat, rakyat kita adalah manusia bukan haiwan, manusia ada hak asasi manusia dan prinsip demokrasi haiwan pun ada hak haiwan tapi manusia tindas begitu sahaja. Jadi kita haruslah mempertahankan hak asasi manusia dan kebebasan rakyat dan bukan tutup dua-dua mata sahaja. Suatu idem dalam bahasa Inggeris saya rasa. Oh Permatang.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Teratai boleh minta mencelah sedikit, terima kasih Teratai. Saya teringat kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada sebut dan tawarkan Stadium untuk jadi lokasi perhimpunan BERSIH, polis pun kata boleh bagi permit kalau dekat Shah Alam kenapa nak pergi Kuala Lumpur juga. Di Negeri Selangor kita boleh datang tolong sama berhimpun saya pun boleh berhimpun sama kalau buat di Stadium Shah Alam. Saya minta komen.

YB PUAN LEE YING HA : Mungkin Permatang suka Shah Alam, kita biar mereka berhimpun di Shah Alam tapi kita rakyat sudah menghadap kepada Agong itu BERSIH setuju buat di Stadium. Tetapi apa masalahnya mereka boleh pilih di Stadium Merdeka berbanding dengan Shah Alam khas mereka.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Yang Berhormat Stadium Merdeka kecil boleh muat dua puluh ribu, tiga puluh ribu, Stadium Shah Alam lapan puluh ribu boleh muat, lagi ramai boleh duduk. Kami semua boleh datang tetapi tidak datang pun.

YB PUAN LEE YING HA : Kami sudah pergi tetapi Polis tutup semua jalan tidak bagi kita masuk, kita sudah pergi.

YB TUN NIK NAZMI B. NIK AHMAD : Tuan Speaker minta laluan.

TUAN SPEAKER : Seri Setia.

YB TUN NIK NAZMI B. NIK AHMAD : Yang Berhormat bukan awal-awal Perdana Menteri tetapi dia tidak sebut mana-mana stadium pun, dia kata saya menawarkan BERSIH stadium sekiranya sanggup tukar daripada demokrasi jalanan ke stadium bukan begitu Teratai.

YB PUAN LEE YING HA : Betul memang setuju dengan Sri Muda itu yang *sorry* maaf Seri Setia. Maaf Seri Setia Itulah janji Perdana Menteri tetapi mungkir janji tidak ditunaikan beliau sudah bohong kepada rakyat bukan sahaja kepada rakyat Malaysia tetapi di seluruh dunia *statement* beliau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah ditulis dicatat di dalam sejarah juga. Saya juga ada suatu idem di dalam Bahasa Mandarin, Kuala Kubu Bahru boleh faham idem ini berikut dengan izin (bercakap dalam bahasa Mandarin) ini bermaksud air boleh membawa bot, air juga boleh terbalikkan kalau kita tenggelamkan bot itu. Jadi untuk mengakhiri ucapan saya ingin mengingatkan pihak Barisan Nasional sebab ada suatu slogan yang diciptakan oleh Barisan Nasional Negara Bersih, Rakyat sihat so dengan ini Teratai menyokong usul ini. Terima kasih

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ok nak berbahas, silakan Kuang

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS : Terima kasih Tuan Speaker, Antarabangsa boleh tunggu selepas ini. Kita sangat sedih dan berduka cita dengan perhimpunan haram bersih yang diadakan di jalan-jalan di Kuala Lumpur 9 Julai 2011 atas dakwaan kononnya untuk menuntut proses pilihanraya yang bersih, bebas daripada penyelewengan. Kita ucapkan syabas dan tahniah kepada pasukan polis Di raja Malaysia yang komited dan profesional dalam melaksanakan tugas membanteras perhimpunan haram tersebut sehingga tidak lebih sepuluh ribu kata seratus lima puluh. Sebenarnya lebih sepuluh ribu yang hadir dari omongan tiga ratus ribu kononnya yang hadir. Hasilnya perhimpunan bersih gagal dan kerosakan sosial ekonomi yang teruk dan imej Negara serta ibu Negara Kuala Lumpur dapat dipertahankan.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Tuan Speaker minta laluan.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS : Saya tidak mengizinkan faham bahasa. Tuan Speaker. Dilaporkan polis menahan seramai seribu empat ratus orang sepuluh daripadanya pemimpin parti politik, seramai seribu dua ratus tujuh puluh tiga daripada mereka adalah lelaki, seratus lima belas wanita, dua belas kanak-kanak, kanak-kanak pun di bawah sama. Ada pula laporan menyatakan seribu enam ratus enam puluh tujuh individu ditahan dan telah pun dibebaskan mengikut peringkat. Tuan Speaker perhimpunan haram bersih berkenaan adalah tidak wajar, tidak bermoral dan menyusahkan Kerajaan serta rakyat keseluruhannya. Yang Dipertuan Agong

YB TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Yang Berhormat Kampung Tunku.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS : Saya tidak mengizinkan. Tuan Speaker ini hak saya Yang Dipertuan Agong yang prihatin dengan masalah perhimpunan bersih mengeluarkan satu titah khas yang jelas tidak merestui perhimpunan tersebut antara lain baginda menyebut beta menyeru di dalam keghairahan sebahagian rakyat berpolitik bagi menyuburkan demokrasi dalam Negara kita ini. Hendaklah dipastikan juga bahawa tuntutan demokrasi itu tidak akan membawa kemusnahan kepada Negara. Kita tidak boleh berlaku terlalu terikut-ikut dengan amalan-amalan Negara luar secara umumnya tadi disebut Negara luar keharmonian dan kestabilan Negara adalah asas penting bagi sebuah Negara yang perlu semua pihak pertahankan. Setiap permasalahan yang timbul kita sebagai masyarakat yang bertamadun

hendaklah menyelesaikan secara rundingan dan tidak mengikut perasan seperti pepatah Melayu yang dikejar tak dapat yang dikendong berciciran. Demokrasi jalanan banyak membawa keburukan dari kebaikan walaupun niat asalnya baik.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Meru bangun.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS : Tuan Speaker saya tidak mengizinkan kalau sudah habis saya izinkan. Keprihatinan Yang Dipertuan Agong dilihat sehingga berkenaan menerima menghadap wakil bersih tiada laporan bahawa memorandum diserahkan malah mereka terus degil mahu mengadakan demokrasi di Stadium Negara pula. Tidak ada sebenarnya malangnya keprihatinan dan kebijaksanaan Agong dipertikaikan melalui dua pengguna laman *social sister* yang menggunakan nama DP Sugu dan AMK Rembau yang telah menghina serta memperlekeh kebijaksanaan Tuanku Mizan dalam menangani isu perhimpunan haram gabungan pilihan raya bersih dan adil bersih ini. Sultan Selangor sendiri juga jelas tidak bersetuju dan melarang rakyat Selangor, Sultan Selangor melarang rakyat Selangor terlibat dalam demokrasi bersih Baginda bertitah selaku Ketua Negeri Selangor baginda tidak akan membiarkan adanya anasir yang akan merosakkan bangsa dan agama, Bunyi titah Baginda beta sejak hari-hari ini ada pihak yang mahu menganjurkan demokrasi jalanan yang akan menyusahkan rakyat memecah belah keharmonian.

YB TUAN LAU WENG SAN : Peraturan tetap, minta laluan.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, Yang Berhormat berhenti sekejap.

YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS : Saya tidak izinkan.

YB TUAN LAU WENG SAN : Peraturan tetap.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat duduk dulu. Kuang sila duduk.

YB TUAN LAU WENG SAN : Tuan Speaker, peraturan tetap tiga puluh enam kurungan tujuh di mana telah diadakan nama Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong atau nama Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu Yang Terutama Gabenor Pulau Pinang dan Melaka tidak digunakan untuk mempengaruhi Dewan.

TUAN SPEAKER : Baik Pagi tadi saya sudah ingatkan nama Tuanku jangan digunakan, saya belum habis, duduk dulu Tuan Speaker cakap ini, duduk dulu, duduk dulu. Belum habis cakap ini belum habis cakap duduk dulu, duduk dulu, duduk dulu Speaker belum habis cakap duduk dulu tidak tahu peraturan bila Speaker cakap semua duduk, duduk dulu saya belum habis cakap. Jangan cuba hendak menjadi wira di sini belum Speaker habis cakap duduk dulu cakap tunggu Speaker cakap dulu, kita tengah cakap tentang peraturan tetap. Pagi tadi saya dah ingatkan di dalam dewan ini ditetapkan tertera di sini peraturan 36 (7) tolong bacakan. 3.7 nama Yang Dipertuan Agong, nama raja Melayu semua tidak boleh ya saya belum habis cakap saya kata saya belum habis cakap, saya sudah bagi peringatan pagi tadi beritahu bukan apabila Kampung Tuanku beritahu pagi tadi bila Sungai Burong berucap tadi saya sudah cakap peraturan tetap 36(7) Yang Berhormat pun tidak bawa, nanti saya belum cakap, saya tengah cakap tidak tahu ke peraturan dah tiga tahun jadi ADUN tolong bacakan 36(7) nama semua Sultan bukan Raja Melayu, nama siapa tidak boleh, tidak boleh sebut, 36(7) tadi tidak bangkit sekarang orang bangkit, ya Speaker bangkit tadi ok nama Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang DiPertuan Agong atau nama Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja Melayu atau Yang Terutama Gabenor Pulau Pinang dan Melaka tidak boleh digunakan untuk mempengaruhi Dewan di sini kalau terutama di Sabah dan Sarawak kalau saya tidak boleh buat apa-apa tetapi di sini jelas tidak boleh pakai ini perintahnya. Saya sudah tiga empat kali minta Yang

Berhormat supaya duduk, Yang Berhormat duduk saya nak pakai lagi. Jadi jelaslah ya sekalian telah beberapa kali Kuang telah mengingkari perintah saya juga tindakan yang tidak senonoh ini maka saya menggunakan kuasa saya di bawah peraturan tetap empat puluh empat dua supaya keluar daripada Dewan dan saya perintah keluar daripada Dewan dan tidak akan masuk Dewan selama tiga hari.

Berbalah-balah antara Ahli Dewan.

YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker, *be fair* la Tuan Speaker.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Tuan Speaker, saya rasa tindakan ini amat tidak wajar. Kita mesti ambil tindakan dengan orang yang bertindak kurang ajar begini. Dia sebut perkataan bodoh kepada speaker. Dia sebut perkataan bodoh kepada Ahli Dewan. Tak boleh. Mengikut Peraturan Tetap tak boleh. Kita mesti ambil tindakan terhadap orang macam ini.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, saya telah pun membuat keputusan tadi. Saya telah pun melarang beliau masuk dewan ini tiga hari. Saya rasa hukuman itu sudah memadai. Kita maafkan orang yang tidak tahu peraturan. Kita jalankan tugas tapi dalam masa yang sama kita ada kebesaran untuk memaafkan mereka yang jahil terhadap tatacara dalam dewan ini.

YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker, nak penjelasan.

TUAN SPEAKER : Penjelasan?. Tak ada penjelasan. Kan saya dah cakap ni teruskan perbahasan tidak ada soal penjelasan. Ya silakan Bukit Antarabangsa.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, rakan-rakan pimpinan saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan pada petang ini berhubung perhimpunan aman bersih 9 Julai 2011 merupakan satu titik hitam dalam demokrasi di Malaysia. Ini kerana gara-gara negara ini sedang dipimpin oleh seorang ketua yang merupakan perasuah dan zalim dan terus menekan rakyat. Manusia yang sama juga yang bernama Najib Razak telah mengeluarkan kenyataan bahawa *at all cause* dia akan rampas negeri Selangor. Sebab itu dewan ini bertanggungjawab untuk membahaskan satu isu yang penting apabila Perdana Menteri yang tidak faham demokrasi yang tidak menghormati suara rakyat Negeri Selangor pada tahun 2008 mengeluarkan kenyataan rasmi bahawa dengan apa cara sekalipun beliau akan rampas negeri Selangor. Maka kita nak tanya Najib Tun Razak apa maknanya rampas?. Apa maknanya *at all cause*?. Apa maknanya senjata yang akan digunakan. Sebab itu saya bangun untuk mendukung usul yang dibawa oleh Seri Setia kerana saya kira negara hari ini memang dalam zaman gila. Perdana Menteri yang gila. Ketua Polis Negara yang sudah menggila dan tidak bertanggungjawab. Seheingakan pada petang ini Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, United Nation telah mengeluarkan satu kenyataan rasmi yang bertajuk *Bersih Clamp Down Undermind Democracy*. Kenyataan ini dikeluarkan oleh *United Nation*. Izinkan saya dengan izin untuk membaca sebahagian daripada kenyataan yang dikeluarkan oleh United Nations pada hari ini. *By declaring the demonstration illegal sealing of part of the capital in advanced and responding in search a heavy handed manner against peaceful demonstrators. The government of Malaysia risk under mining under democratic congress in the country. Said Frank La Rough United Nations special repertoire on the right to freedom of opinion and expresses. Belian terus menyambung dalam kenyataannya. Action taken by the authorities prior to and during the rally unduly restricted the right to freedom of expression, assembly and association. Declaring Bersih illegal base on clean that it is trying to topple the government or is a risk to a national security and public order in the absence of any credible evidence to substantiate search clean is also unnecessary restriction of civil and*

political right. Inilah kenyataan rasmi yang dikeluarkan oleh *United Nations* pada pagi ini. Yang sekali gus memberikan satu tamparan yang hebat terhadap Malaysia di kalangan masyarakat antarabangsa. Walau bagaimanapun saya ingin mengambil kesempatan pada petang ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih. Saya bagi pihak parti Keadilan Rakyat dan Pakatan Rakyat kepada seluruh rakyat Malaysia termasuk puluhan ribu rakyat negeri Selangor yang telah dengan berani berhimpun secara aman di Kuala Lumpur pada 9 Julai 2011 yang lalu. Walaupun pelbagai bentuk tekanan, ugutan termasuk penggunaan undang-undang yang zalim *draconian* termasuk ISA, *emergency order* dan juga *restricted order* yang juga dikenakan ke atas diri saya. Tuan Speaker saya mendapat dua perintah mahkamah. Bukan satu. Satu daripada Brickfield, satu daripada Dang Wangi. Brickfield menyenaraikan jalan-jalan yang tidak boleh saya lalui. Bayang pun tak boleh. Dang Wangi pun menyenaraikan jalan-jalan yang tidak boleh saya lalui. Tetapi atas semangat nak jatuhkan UMNO dan Barisan Nasional saya bersama-sama dengan rakyat berhimpun secara aman untuk lawan Najib, UMNO dan Barisan Nasional pada 9 Julai yang lalu.

TUAN SPEAKER : Bukit Antarabangsa, Seri Setia bangun.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Minta laluan. Terima kasih Bukit Antarabangsa. Saya nak mengingatkan Bukit Antarabangsa juga yang 91 orang itu termasuklah juga saya seorang. Saya pun diharamkan masuk Kuala Lumpur. Bagaimana seorang menteri boleh mengharamkan menggunakan mahkamah menyekat kemasukan warga negara Malaysia yang sah. Jadi saya nak minta komen daripada Bukit Antarabangsa. Menteri yang mengharamkan menggunakan mahkamah ini agaknya apa yang boleh kita lakukan kepada dia apabila kita memerintah Putrajaya esok.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Biar kita perintah dulu nanti kita bincang kemudian. Yang Berhormat Tuan Speaker, ini memang budaya UMNO hari ini yang halal diharamkan, yang haram dihalalkan. Apa masalah perhimpunan aman. Dato' Onn Jaafar pengasas UMNO adalah bapa perhimpunan aman. Dato' Onn Jaafar telah menghimpunkan seluruh tenaga rakyat Malaysia untuk menentang Malayan Union. Nasib baik ketika itu Hishamudin tidak ada dalam negara ini. Saya percaya kalau Dato' Onn Jaafar bangun pada hari ini dan menyertai perhimpunan bersih Hishamudin pastinya akan tangkap datuknya sendiri untuk disumbat dalam penjara. Ini kualiti menteri yang kita ada. Ini kualiti Perdana Menteri yang kita ada.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Minta laluan.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Sini dah tak ada orang sebelah kiri.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Itu tujuan saya nak mencelah pun sebab pembangkang dah tak ada. Yang Berhormat kalau saya boleh tanyakan bagaimana pula kenyataan Menteri Dalam Negeri yang mengatakan yang diharamkan bukan semua bahan-bahan tulisan komunis tapi hanya bahan-bahan tulisan komunis yang berkaitan dengan bersih. Jadi nampaknya bersih ini lagi bahaya daripada komunis ya.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Ya Seri Setia kalau ikut kenyataannya warna kuning haram, kasut kuning haram, belah-belah dalam tu kalau kuning juga saya fikir haram, video bersih haram, t-shirt bersih haram, tapi video fitnah lucah halal. Kotor halal. Bersih haram. Ini apa masalah sekarang ni. Sebab itu saya sebut di hari pertama persidangan ni pemikiran UMNO sekarang warna pun takut. Belum orangnya lagi. Sebab itu dia gunakan polis untuk menyekat kemasukan rakyat ke Kuala Lumpur. Pada 9 Julai itu Kuala Lumpur seolah-olah *under siege*. Bagi saya sebenarnya apa yang berlaku pada 9 Julai adalah satu

keadaan yang darurat. Mengapa saya berkata begitu?. Sebab kerajaan UMNO dia menghalang pergerakan rakyat. *Restricted the movement of the people*. Kereta api tak berjalan. Bas daripada Johor, daripada Kedah, daripada Kelantan, Terengganu tak boleh berjalan. Rakyat tak boleh berjalan. Banyak majlis perkahwinan 9 Julai tidak dihadiri oleh tetamu jadi jangan salahkan pakatan rakyat, salahkan Ketua Polis Negara dan Timbalan Ketua Polis Negara yang menjadi kuda tunggangan UMNO dan Barisan Nasional. Dalam keadaan Kuala Lumpur *under siege* Kuala Lumpur dikepung saya bangga lebih 120,000 rakyat Malaysia yang bangun untuk berhimpun secara aman termasuk Marina Tun Dr. Mahathir. Syabas kepada Marina seorang wanita yang berani, yang belum sedar dan insaf adalah bapa dia sahaja Tuan Speaker. Alhamdulillah Pakatan Rakyat telah berjaya mendidik dan mentarbiahkan Marina Mahathir supaya faham erti keadilan dan faham prinsip dalam menegakkan hak dan kebebasan rakyat Malaysia pada hari ini.

Tuan Speaker, kita ingin tanya kepada kerajaan persekutuan mengapa tuntutan bersih ini amat ditakuti. Yang kita tuntutan apa?. Ini bukan satu gerakan subversif, ini gerakan untuk menuntut satu pilihan raya yang bersih dan adil. Kita nak tuntutan dakwat kekal. Apa masalahnya. Kita nak tuntutan daftar pemilih yang bersih apa masalahnya. Yang dibawa oleh UMNO dia kata bincang. Nak bincang bagaimana kalau pengurusan SPR itu adalah budak-budak suruhan UMNO dan Barisan Nasional khususnya Wan Ahmad Wan Omar. Saya telah menjawab cabaran Wan Ahmad. Beliau mencabar saya. Saya jawab dengan fakta. Saya ambil daftar pemilih SPR yang diwartakan pada 13 Mei 2011. Daftar pemilih induk 2010 yang diwartakan pada 13 Mei 2011. Saya ambil satu contoh Tuan Speaker, satu *locality* Kampung Klang Gate Baru Ulu Klang Gombak. Telah berapa kali saya kemukakan bukti ini rumah ibu saya No. 1E, Kampung Klang Gate tinggal berseorangan dalam daftar pemilih yang terbaru ada sebelas pengundi hantu. 6 daripadanya cina. Mungkin Tuan Speaker kenal sebahagian daripada mereka atau tidak saya tidak tahu.

TUAN SPEAKER : Jangan libatkan saya ya.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Mungkin Sekinchan kenal. Tak kenal? Hantu mana sapa kenal. Kemudian saya tanya ibu saya ada ke kita adik-beradik cina. Tak ada. 11 duduk dalam rumah itu. Di Permatang Pauh ada satu rumah duduk 83 orang di DUN Penanti Permatang Pauh. Tapi 82 India 1 Melayu. Kemudian di *locality* kampung Klang Gate juga kampung Melayu, kampung tradisional Melayu di mana dulu dipindahkan dari empangan Klang Gate Lama sebab itu kampung ini dikenali sebagai Kampung Klang Gate Baru. Kami dulu duduk di empangan. Takut empangan pecah dipindahkan ke Kampung Klang Gate Baru. Rumah ayah saya No. 1E. Rumah yang pertama diteroka di kawasan itu. Dulu gajah dan harimau pun lalu depan rumah saya.

TUAN SPEAKER : Tapi muka Yang Berhormat pun macam cina juga. Mungkin dia silap tu.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Sebab kita kan satu keluarga. (cakap bahasa cina). Tuan Speaker kacau terus saya lupa. Kita dipindahkan ke Kampung Klang Gate Baru. Jadi kampung ni semua kampung Melayu. Sebuah rumah kampung tradisional. Tetapi dalam daftar pemilih yang terbaru ada 48 keluarga cina di Kampung Klang Gate. Kategori yang ketiga, di kampung Klang Gate baru juga, rumah sebuah-sebuah tapi tengok daftar pemilih yang baru alamat Blok 22, Tingkat 15, Unit 8. Hampir 100 pengundi yang menggunakan alamat palsu berwatak pangsapuri. Sedangkan tidak ada satu pun bangunan yang berada dalam Kampung Klang Gate. Kalau satu *locality* ada satu pengundi hantu. Di Gombak ada 43 *locality*, maknanya ada 5 ribu pengundi hantu di bawa masuk ke parlimen Gombak. Bila saya cabar dengan bukti akhirnya dua minggu yang lepas Setiausaha SPR Dato' Kamarudin membuat satu

kenyataan rasmi menyatakan apa yang didakwa oleh Bukit Antarabangsa adalah benar. Setelah lima tahun saya buat pengaduan dia mengaku benar tetapi kami tidak boleh berbuat apa-apa. Dia masukkan hantu boleh keluar hantu tak boleh. Kalau inilah amalan yang dibuat oleh SPR apakah kita akan mendapat satu sistem demokrasi yang bersih dan adil. Sebab itu kita menuntut supaya kerajaan UMNO dan Barisan Nasional mengambil satu sikap yang lebih bertanggungjawab untuk memastikan kita dapat merealisasikan demokrasi yang hakiki bukan demokrasi yang tempang bukan demokrasi yang rosak dan dirasuk oleh kegilaan UMNO.

Saya juga kesal dengan kenyataan pimpinan UMNO termasuk pimpinan polis mengatakan perhimpunan ini bukan budaya kita itulah ayat yang digunakan sepanjang masa. Saya nak tanya dengan Dato' Khalid Abu Bakar yang baru dilantik sebagai Timbalan Ketua Polis Negara yang bercita-cita untuk menjadi Ketua Polis Negara sanggup buat apa saja, saya nak tanya dengan Khalid apakah rasuah budaya kita? Apakah membunuh perempuan Altantuya budaya kita? Apakah ...

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Minta maaf mengganggu Yang Berhormat. Saya cuma ingin bertanya kalau Yang Berhormat jadi Menteri Dalam Negeri apa kita buat pada Dato' Khalid nanti?

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, sila singkatkan kerana satu jam dah kita habiskan untuk usul ini.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Saya nak jawab tapi Tuan Speaker nak ringkaskan jadi saya akan beritahu Seri Setia masa kita minum petang nanti. Ya, bila berhimpun bukan budaya kita, ini dijamin oleh Perlembagaan. Perlembagaan menjamin satu perhimpunan aman ini hak asasi manusia ini merupakan satu nilai-nilai universal kalau perhimpunan aman bukan budaya kita apakah amalan rasuah budaya kita. Apakah jenayah banyak sekarang di Kuala Lumpur di Negeri Selangor amalan kita. Apakah sebaran video lucah itu amalan kita yang pihak polis sampai sekarang tidak boleh ambil tindakan dalam kes fitnah terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim bulu pun polis boleh jumpa. Tetapi Ayah Pin tidak boleh jumpa sampai hari ini. Penjenayah tidak boleh jumpa sampai hari ini. Ini polis negara kita hari ini yang menjadi pencacai dan perkakas kepada UMNO dan Barisan Nasional tetapi saya tidak bimbang Tuan Speaker, ini tanda-tanda keruntuhan UMNO dan Barisan Nasional. Saya masih ingat Husni Mubarak 6 bulan sebelum beliau jatuh, dia menang besar dalam pilihanraya umum Egypt. Dia mendapat sokongan lebih 95 peratus, 6 bulan kemudian bila rakyat bangun beliau tersungkur. Kita lihat apabila ada perhimpunan aman oleh rakyat seperti ini BN semakin ditolak oleh rakyat, 1998 apabila rakyat bangun mengadakan demonstrasi menuntut Reformasi, UMNO kalah teruk dalam pilihanraya. Pada tahun 2007 apabila ada perhimpunan aman Bersih 1 UMNO dan Barisan Nasional hilang dua per tiga. Pada tahun ini kita adakan Bersih 2 saya yakin insya-Allah spesies UMNO akan dihapuskan dalam pilihanraya umum yang ke-13 ini insya-Allah.

Jadi dengan kata-kata itu saya bagi pihak rakyat di Bukit Antarabangsa dan mewakili rakyat Negeri Selangor mendukung perhimpunan aman Bersih mendukung tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh gabungan Bersih untuk menuntut satu pilihanraya yang adil dan bersih. Saya juga ingin mencadangkan supaya kerajaan negeri menerima cadangan sekretariat Bersih yang diumumkan pada petang ini supaya menjadikan hari Sabtu sebagai *Yellow Saturday*. Semua pimpinan di Negeri Selangor bermula daripada Dato' Menteri Besar, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri pakailah kuning jangan pakai kuning daripada kepala sampai kaki nampak pelik mungkin pakai *tie* atau pun lencana kuning sebagai tanda sokongan kita terhadap tuntutan pilihanraya yang bersih dan adil. Terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Sekarang saya mempersilakan pihak kerajaan untuk membalas.

YAB DATO' MENTERI BESAR : *Bismillahi rahmani rahim*. Dato' Speaker, rakan-rakan Ahli Dewan Negeri sebagai rekod saya ingin menyertai perbahasan ini kerana sebagai selaku Menteri Besar saya telah menulis warkah kepada Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agung dan saya ingin membacakan untuk rekod dewan ini surat yang telah saya tulis. *Assalamualaikum WKT*. Ampun Tuanku beribu-ribu ampun sembah patik mohon di ampun. Rakyat Selangor menyokong memorandum Bersih, patik mohon ampun Tuanku Duli Tuanku mempersembahkan warkah ini yang isi kandungannya menghuraikan secara ringkas akan sebab rakyat Selangor menyokong memorandum Bersih yang dipersembahkan ke bawah Duli Tuanku pada Sabtu 9 Julai 2011 bersamaan 11 Rejab 1432 Hijrah. Memorandum yang di dokong majoriti rakyat pelbagai kaum dan latar belakang mempunyai matlamat 8 perkara memohon sembah kepada Duli Tuanku selaku Yang Dipertuan Agung supaya campur tangan bagi memastikan pilihanraya umum di negara ini dilaksanakan secara adil, telus dan bersih. Warkah ini juga diutus dengan hasrat menjunjung kasih terhadap titah Duli Tuanku pada 3 Julai yang lalu menzahirkan bahawa Duli Tuanku mengikuti perkembangan mengenai Bersih maka dengan penuh takzimnya patik ingin merakamkan rasa terharu dan setinggi-tinggi penghargaan di atas keprihatinan Duli Tuanku dalam perkara ini, ampun Tuanku.

Sesungguhnya tatacara pincang dan manipulasi proses pilihanraya sudah menjadi pengetahuan umum kini semakin terdedah dan tersiar dalam media cetak, media elektronik, media maya mahu pun blog. Para pencinta kebebasan bersuara pejuang kebajikan rakyat para pemikir dan kalangan penulis yang prihatin tidak rela melihat perbuatan tidak bertanggungjawab ini terus dilakukan, ampun Tuanku. Dapatan daripada beberapa kajian oleh pakar-pakar sains sosial dalam negeri dan luar negara menunjukkan bahawa beberapa pilihanraya umum di Malaysia selepas tahun 1957 jika ia dikaitkan dengan pilihanraya yang bebas dan adil adalah sangat mengecewakan. Secara keseluruhannya, perilaku pilihanraya yang tidak jujur ini terjadi dalam beberapa bentuk dan berbagai seperti berikut :-

1. Manipulasi kawasan persempadanan pilihanraya atau pun usaha pengubahan persempadanan kawasan pilihanraya.
2. Jumlah perbezaan pengundi yang terlalu besar di antara kawasan-kawasan dewan negeri dan parlimen.
3. Pencemaran jumlah pengundi atau pun penipuan senarai pengundi dengan sejumlah pengundi hantu.
4. Penggunaan jentera dan sumber kerajaan secara berleluasa dalam usaha membantu para penyokong parti-parti pemerintah.
5. Penyamaran pengundian lebih sekali, penukaran kotak undi, dan penipuan semasa pengiraan dan pengangkutan kotak-kotak undi.
6. Sistem undi pos yang tertutup dan menimbulkan tanda soal.
7. Waktu berkempen yang singkat dan sekatan terpilih di kawasan kempen.
8. Pelaporan media rasmi kerajaan yang dicemar dan berat sebelah.
9. Dana dan biaya pilihanraya yang tidak mencukupi serta peraturan yang tidak kemaskini.

10. Ketidakberkesanan atau adanya batasan dalam usaha pemilihan sistem kehakiman.

Setelah membaca hasil kajian kalangan sarjana, mengenai perjalanan pilihanraya di Malaysia patik dan barisan kepimpinan kerajaan negeri Pakatan Rakyat berpendapat bahawa memorandum rakyat yang mengandungi suara rakyat terbanyak dan prihatin terhadap pilihanraya yang adil dan bebas wajar diberi perhatian serius dan kelangsungan amalan demokrasi di negara ini. Memorandum rakyat mengandungi lapan perkara :-

1. Bersihkan senarai undi, daftar pemilih.
2. Reformasikan undi pos.
3. Gunakan dakwat kekal.
4. Akses media yang bebas dan adil.
5. Tempoh berkempen minima 21 hari.
6. Kukuhkan institusi awam.
7. Hentikan rasuah.
8. Hentikan politik kotor.

Ampun Tuanku, justeru selaku ketua kerajaan yang dipilih oleh rakyat patik dengan rendah diri dan penuh takzim ingin mengucapkan mencadangkan sudi apa kiranya Duli Tuanku memerintahkan menitahkan agar satu tinjauan pendapat atau referendum yang bebas dilaksanakan bagi mengetahui dengan hakiki seberapa ramai rakyat di negeri ini mahu kembali perubahan-perubahan dalam sistem pilihanraya yang ada. Seterusnya kehendak-hendak rakyat ini hendaklah dilaksanakan tanpa berlengah lagi oleh semua pihak yang bertanggungjawab sama ada Suruhanjaya Pilihanraya atau pun kerajaan Malaysia yang dilantik dengan perkenan Seri Paduka Baginda Tuanku. Ampun Tuanku akhir kalah dengan penuh takzim patik menjunjung kasih berisi ucapan jutaan terima kasih kerana kesediaan Tuanku membaca isi kandungan warkah yang tidak sepertinya ini. Sekali lagi patik bagi pihak seluruh rakyat Negeri Selangor yang prihatin memohon perkenan Duli Tuanku agar memberi restu terhadap tujuan utama kandungan warkah ini. Sehubungan ini patik memohon ampun dan maaf sekiranya terdapat kata-kata dan jalan bahasa dalam warkah ini tidak disenangi oleh Duli Tuanku. Dan penuh ikhlas dan tawaduk patik pacal dan sekalian rakyat Selangor mohon ke hadrat Allah SWT supaya Duli Yang Maha Mulia Tuanku diberikan kesihatan yang sempurna, dipelihara keselamatan dan kesejahteraan yang berpanjangan. Patik akhiri dengan serangkap pantun :

Di pantai Terengganu mendirikan khemah
Seisi keluarga bercuti raya
Tunku Mizan Sultan berhemah
Menjadi pelindung rakyat Malaysia

Ampun Tuanku, saya telah menulis surat ini dan sudah dihantar ke istana sehari sebelum 9hb Julai sebagai Ketua Negeri Selangor, saya merasakan adalah perlu kita melakukan perkara ini kerana dengan cara tertib, teratur, berhemah dan kita percaya cara ini dapat memberikan kita peluang untuk membetulkan yang salah dan menentukan bahawa demokrasi akan terus berkembang rapi di Malaysia dan tentulah di Selangor, dan oleh itu saya akan bersama-sama

EXCO untuk mencari jalan bagaimana referendum di Selangor boleh dapat dilakukan supaya dapat kita melakukan rakyat Selangor bersama-sama berbincang supaya pilihanraya dan demokrasi dapat dijalankan dengan mantap dan akan menentukan kita dan generasi akan datang terus berada dalam satu pemerintahan yang mementingkan rakyat, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bahawa masalah di hadapan dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawasanya dewan yang mulia ini nyatakan pendirian terhadap Kerajaan Persekutuan, dan Polis Diraja Malaysia, untuk satu, menghentikan segala tangkapan, dan halangan kepada Kempen Gabungan Penuntut Pilihanraya Bersih dan Adil, Bersih Dua di Selangor malah di seluruh Negara dan Kerajaan Negeri seterusnya mempertahankan hak rakyat untuk mempergunakan kemudahan-kemudahan Kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun Negeri, Syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan Negeri, dan Pihak Berkuasa Tempatan, tanpa halangan polis atau mana-mana pihak selari dengan perkara 10 Perlembagaan Persekutuan.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakan ya

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT : Ya

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak

TUAN SPEAKER : Dipersetujui

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya sambungan usul No.9 Tahun 2011, usul bajet tambahan pembangunan 2011

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Sekinchan dan habis berbahas tadi

Dah habis.....nak sambung..... ya sila

YB TUAN NG SUEE LIM :oleh kerana tadi masa habis, terima kasih Tuan Speaker apa yang saya tekankan dengan usul pembangunan ini berkenaan dengan Skim Mesra Usia Emas tadi saya terpaksa di celah-celah oleh Ketua Pembangkang di mana Kerajaan , saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Pakatan Rakyat kerana memperkenalkan memikirkan bagaimana untuk membantu rakyat aduan, rungutan, suara rakyat. Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil kira di mana selepas tiga tahun kerajaan melaksanakan Skim Mesra Usia Emas yang saya fokuskan tadi terdapat aduan ataupun rungutan daripada ahli-ahlinya yang mengatakan mereka meninggal dunia baru waris mereka merasai, selepas mereka meninggal dunia "*wong jawa* cakap" meninggal baru tapi waris mereka dapat 2500. Mereka sanjung baik tetapi mereka sewaktu berada di dunia tidak dapat merasai mereka begitu dahagakan mengharapkan kalau boleh ada sesuatu kerajaan laksanakan dan saya diberitahu kerajaan akan laksanakan satu dasar, satu program yang baru iaitu ahli-ahli Dewan Negeri diminta untuk *shooping* bersama Warga Emas. *Shopping* bersama warga emas ini tidak pernah berlaku dalam sejarah Negeri Selangor di mana kerajaan akan memberi baucar tunai, baucar tunai seratus ringgit, untuk pergi ke GAIN, TESCO, dan sebagainya dan menemani warga emas seluruh Negeri Selangor ini membeli belah, untuk keperluan harian atau sebagainya. linilah cara yang saya sebutkan yang saya tekankan semalam, bagaimana sebuah kerajaan memikirkan untuk meringankan membantu rakyat meringankan bebanan rakyat, membantu rakyat dan saya difahamkan peruntukan sebanyak 10 juta akan disalurkan dalam program ini dan saya juga berharap program ini bukan saja dilaksanakan secara *one-off* saja ataupun sekali sahaja kalau boleh program ini kalau kewangan Kerajaan Negeri saya menyeru kewangan Kerajaan Negeri kedudukannya semakin mantap kukuh, dapat dilaksanakan setiap tahun, untuk kita menyanjung menghargai jasa warga emas kita setiap tahun pun ada program sedemikian

mungkin caranya boleh diubah-ubah tetapi bantuan tetap wajar diperuntukkan ini lah suara daripada warga-warga emas yang masing-masing selalu saya temui dan memberitahu saya sampaikan kepada kerajaan, sampaikan YAB Dato' Menteri Besar, dan juga selepas ada berita ini juga lah saya nak beritahu satu perkembangan yang sihat, perkembangan yang menggalakkan setiap kawasan termasuk kawasan pejabat saya, kawasan perkhidmatan saya didatangi, dipenuhi dengan warga emas ada yang berpapah yang dahulunya penyokong tegah Barisan Nasional mereka sangsi tidak yakin dan memencilkan diri mereka tidak mahu terima program sedemikian, kerana ini konon daripada Pakatan Rakyat tetapi selepas kerajaan mengumumkan dasar yang baru ini program yang akan dilaksanakan ini siapa yang berdaftar baru ada dapat berhak menerima kebajikan ini bantuan ini dapat menyertai program ini mereka yang dulunya ketua-ketua kampung Barisan Nasional yang dahulunya Ketua Wanita Bahagian MCA yang dulunya Setiausaha Bahagian, JKKK nya, semua datang dan mereka bermesra dengan wakil rakyatnya bermesra dengan pegawai kita, dan mereka mahu menyertai Program Mesra Usia Emas, ini satu perkembangan yang lebih daripada Kerajaan Negeri di mana kita secara berperingkat-peringkat dapat menyeru, memanggil dapat menarik sokongan minat rakyat, bukan saja di kalangan rakyat biasa rakyat yang tidak berparti, bukan saja di kalangan rakyat yang berparti dan yang parti lawan pun pembangkang Barisan Nasional mereka pun sanjung telah terima sokong program Kerajaan Negeri, inilah yang saya nampak satu perkembangan yang cukup memberangsangkan dan seterusnya saya ingin sentuh sedikit dengan peruntukan untuk perpustakaan dan sebagainya, saya nampak di perpustakaan awam di Sekinchan masih kekurangan dana untuk meningkatkan kemudahan infrastruktur termasuk bangunannya perlu di terdapat kerosakan dan sebagainya perlu di beri dana untuk diubah dibaiki dan seterusnya terdapat juga kekurangan bahan rujukan dan buku-buku yang sewajarnya sepatutnya ada di situ tetapi ada yang makin kurang dan ini saya pernah juga dibeli dipanjangkan perkara ini saya sebagai adun pun kita telah menyalurkan bantuan buku dan sebagainya tetapi itu masih dalam keadaan yang terhad masih belum cukup, oleh yang demikian bajet yang ada lagi saya berharap Kerajaan Negeri akan dapat memperhalus, pantau setiap daerah di mana perpustakaan awam yang ada wajar dikemaskinikan buku-buku rujukan nya supaya anak kita, rakyat-rakyat kita di kampung pendalaman di luar Bandar khususnya di Sekinchan di Sungai Besar ini dapat juga menimba ilmu membaca buku-buku yang mengikut perkembangan semasa dan juga terdapat juga peralatan-peralatan komputer, komputer yang sudah rosak dan nampak ada lima biji komputer sepuluh biji komputer tetapi pc nya ada yang hilang monitornya adalah mouse nya banyak yang rosak dan sering kali mereka katakan ketandusan, ketandusan dana peruntukan untuk di baik pulih, dengan itu saya juga menyeru kerajaan negeri akan dapat juga memastikan kemudahan-kemudahan teknologi IT ini dapat ditingkatkan kerana di kawasan pendalaman juga seperti Sekinchan ini, pembelajaran komputer ini juga amat diminati oleh setiap warga di situ dan wajar kita pertingkatkan dan kita jangan sekali-kali belajar dengan Kerajaan Barisan Nasional Persekutuan yang saya pernah bangkitkan di dewan yang mulia ini di mana terdapat satu, satu program yang mereka buat saya rasa program itu baik niat itu baik, iaitu memberi komputer riba, Komputer 1 Malaysia diagihkan kepada anak-anak rakyat Malaysia, anak-anak rakyat Malaysia termasuk anak saya anak siapa lah yang layak mematuhi kriteria di mana pendapatannya bawah 1500 keluarga tersebut. Keluarga tersebut dan kemudian itu akan diagihkan kepada anak-anak Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 tetapi malangnya saya pernah bongkarkan dalam dewan ini cara pemilihan mereka memilih bulu tidak telus memilih bulu komputer yang diagihkan wang rakyat yang diagihkan tidak kena ke sasaran tersasar tidak kena pada sasaran, sampai ada Datuk Ketua Bahagian Gerakan Sungai Besar itu pun tersenarai menerima laptop yang macam ini, Ketua Bahagian Gerakan yang tidak bergerak Sungai Besar boleh dapat komputer riba 1 Malaysia boleh dapat yang percuma bayangkan dan juga Ketua Bahagian UMNO termasuklah anaknya Mas Roro bekas Pegawai Khas Pegawai Kepada Sungai Panjang anaknya juga dapat semua melebihi tidak menepati kriteria ini dia, tetapi malangnya yang saya dengar sekarang komputer

yang disalurkan pun sekarang ini diwajibkan membayar yuran bulanan WIFI ataupun *broadband* daripada TMnet atau sebagainya bayaran 60 ringgit setiap bulan tetapi malangnya di Sekinchan ramai yang membuat aduan ke pejabat saya komputer riba yang memerlukan bayaran itu, apabila tempoh percuma telah lepas memerlukan bayaran tidak boleh *access* tidak boleh *access* kepada *broadband* tersebut kerana sistemnya tarikhnya tidak mencukupi liputannya tidak mencukupi tidak ada talian maka dengan itu saya nampak satu bantuan untuk rakyat akhirnya sasaran tidak menepati matlamat tak capai membebaskan rakyat dan ini yang mereka lakukan dan sekarang mereka akan lakukan peringkat fasa kedua saya mintak fasa kedua ini dalam peluang yang ada saya nak beritahu mereka kepada Barisan Nasional adil lah saya tak bangkang saya tak bangkang dan saya tak bangkang untuk kita bayar bagi kepada rakyat Malaysia bagi lah kepada mereka yang betul-betul memerlukan yang layak jangan ada pilih kasih dan jangan ada ketirisan.

Agihkan secara telus ada satu jawatankuasa bagi mereka yang betul-betul perlu ini fasa kedua mereka akan agih kan kita harap saya akan pantau dari masa ke semasa, kalau ada saya akan bongkarkan, bagaimana mereka akan lakukan penyelewengan dan kepincangan dan seterusnya yang terakhir dan di Sekinchan saya pernah bangkit juga selain daripada itu liputan kalau Sekinchan sekarang ini satu Bandar satu pekan yang makin pesat membangun bukan saja membangun dengan pembangunan rumah-rumahnya sekarang juga pelancongan semakin ramai, pelancong-pelancong domestik dan luar pun sudah masuk Sekinchan setiap Sabtu kelepasan awam hari Ahad, berpuluh bas 30 40 bas daripada Muar daripada Johor daripada Batu Pahat, Melaka daripada Ipoh datang ke Sekinchan datang ke Sekinchan untuk menjamu selera dengan *seafood* nya yang murah dan *fresh* dengan dusunnya dengan buah-buahnya dengan keluasan bendang dan sebagainya, ini lah tarikan di Sekinchan oleh yang demikian saya sekali lagi lah, saya sekali lagi meminta Yang Berhormat Batu Tiga Yang Berhormat Exco dapat mempertimbangkan permintaan Sekinchan untuk memasang *wifi free* percuma pada kadar yang boleh lah di Sekinchan buat permulaan supaya Sekinchan dapat menarik lebih ramai lagi pelancong ke Sekinchan, membangunkan Sekinchan dengan pesat dan yang terakhir sekali saya juga meminta YAB Dato' Menteri Besar dapat juga memberi peruntukan yang lebih kepada DUN Sekinchan untuk kita bangunkan prasarana infrastruktur supaya Sekinchan ini lebih bersih sebab Sekinchan ini nampak masih ada lagi kotor sikit, ya kerana kekurangan dana pembersihan Alam Flora tidak memuaskan maka dengan itu kita dalam usaha kita menarik pelancong patut kita bersihkan kawasan-kawasan dan Zon Bersih yang ada hari tu pasang dengan '*signboard*' Zon Bersih, dia hanya bersih pada ketika itu, dia hanya bersih pada kempen tersebut sahaja selepas kempen tersebut tak berapa nak bersih. Saya minta ketua bersih bagi PBT, tolong pantau perkara ini. Dan salurkan peruntukan yang lebih supaya dia bukan sahaja bersih pada ketika itu, bersih dulu, kini dan selamanya. Ini yang saya minta. Dan seterusnya dengan ada bajet yang kita, yang kerajaan..imbangan, imbalan kewangan, kedudukan kewangan yang mencukupi ini lebih 200 juta yang saya nampak, bajet semalam, saya minta YAB Dato' Menteri Besar dapat memperuntukkan sekurang-kurangnya 100 juta untuk pembangunan, projek kecil di kampung-kampung halaman di setiap DUN di negeri Selangor untuk kita memesatkan lagi pembangunan demi menjaga rakyat negeri Selangor menambahkan kebajikan mereka. Sekian sahaja, saya mohon menyokong.

TUAN SPEAKER : Sekarang saya mempersilakan pihak Kerajaan untuk membalas.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Dato' Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan Ahli Dewan yang menyertai perbahasan mengenai usul Bajet Tambahan Peruntukan Pembangunan 2011. Secara ringkas, saya berterima kasih tentang '*response*' yang sangat positif mengenai Skim Mesra Usia Emas tetapi yang saya ingin jelaskan, nampaknya tidak ada rakan-rakan kita daripada pembangkang Barisan Nasional bahawa

kejayaan kita adalah pentadbirannya. Iaitu, kita mempunyai 170 ribu rekod peserta usia emas yang boleh kita 'access online' maknanya kita sudah tahu mereka. Kita sudah tahu maklumat tentang mereka dan dengan secara itu, dengan cepat kita lakukan. Kedua, peruntukan yang diberi bukan menunggu permohonan tetapi wang tersebut sudah ada dimasukkan ke dalam sistem ATM yang boleh dikeluarkan. Oleh sebab itu dengan cara itu terdapat kecekapan dan juga cara-cara pentadbiran itu dapat dibuat dengan cepat dan teratur. Walau bagaimanapun, sudah tentulah untuk bayaran RM1,500 itu kita kena adakan beberapa tapisan supaya tidak berlaku berbagai cabaran ataupun beberapa perselisihan pendapat tentang siapakah yang patut yang dapat mengambil duit RM1,500 iaitu bayaran yang ke dua untuk Skim Mesra Usia Emas.

Saya ingin menyentuh sedikit tentang usaha kita untuk membelanjakan sehingga 10 juta untuk 'Jom Shopping'. 'Jom Shopping' ini adalah bertujuan bukan sahaja memberikan kupon RM10, RM100 itu tapi untuk menyediakan satu keadaan supaya orang seperti saya, ADUN Ijok, dapat bermesra dan berjumpa dengan warga emas dalam satu tempat sekurang-kurangnya 1 jam – 2 jam supaya kita dapat bertanya khabar dengan mereka di samping menggunakan kupon yang RM100 itu. Saya rasa ramai Ahli Dewan Undangan Negeri kita ketiadaan masa, ketiadaan kesempatan, oleh sebab itu inilah masa yang kita gunakan. Kalau nak diambil kira diberi kepada semua mereka, saya rasa bajet kita tidak cukup. 170 ribu kali 100 kita dah kena 170 juta jadi kita tak ada. Kita hanya menggunakan sampai 10 juta. Tahun hadapan kita boleh gunakan lagi dengan menentukan pengurusan Kumpulan Semesta lebih baik lagi. Lagi banyak dia dapat untung lebih banyak aliran tersebut. Saya tahu, ramai rakan kita daripada Kajang, mencadangkan supaya beri terus sahaja kupon tersebut tetapi bukan itu tujuannya. Tujuannya mesti mesra dahulu, kupon kedua. Jadi, itu yang kita nak cuba. Keadaan kemesraan itulah yang tidak ada dalam Barisan Nasional. Dan kita nak tentukan Pakatan Rakyat merasakan usaha tersebut sebagai satu 'family'. 'Family outing' bersama wakil rakyat.

Bayangkan Kajang bersama-sama dengan warga emas bercerita. Sri Setia dan saya daripada Ijok dan Meru jadi kita kenal dan boleh jadi dia ceritakan kepada cucunya bahawa wah! Dr. Meru ni betul-betul baik orangnya. Jadi itu yang paling penting untuk kita. Itu sebab tujuannya itu termasuk Tuan Speaker sendiri untuk kita tentukan adanya masa. Sebab itu tujuan kita dan kita berharap dengan ini beberapa usaha lain yang mencantumkan kita dan keluarga, boleh jadi projek yang lain termasuk apa yang disebut program keluarga. Bukan warga emas sahaja tetapi bersama keluarganya tetapi dalam keadaan yang berbeza. Jadi tujuan kita ialah dahulunya kita kata Merakyatkan Ekonomi dan kita bersama rakyat dalam satu masa yang tertentu. Oleh sebab itu, tujuan peruntukan yang 10 juta ini tidak masuk dalam peruntukan yang kita buat sebab duit ini datangnya daripada dividen yang Yang Berhormat Shuhaimi sendiri yang jaga. Saya ingat beliau sudah luluskan dan dengan itu, kita gunakan duit yang 10 juta. Peruntukan ini hanya untuk kita sediakan untuk program yang awal iaitu pemberian RM2,500 untuk Khairat Kematian. Itu semua kita sediakan. Kedua, saya berharap selepas ini EXCO dan rakan-rakan boleh berbincang bagaimana usaha pembangunan diperhebat. Boleh jadi kita dapat melihat 'reserve' yang ada bagaimana kita boleh dapat mempertingkatkan usaha pembangunan di daerah-daerah. Tetapi saya minta Ahli Dewan kita mesti tentukan penggunaan duit dana terus kepada projek. Jangan kita ada orang pertengahan dan ini beza pemimpin atau kepemimpinan ataupun pengurusan Pakatan Rakyat daripada Barisan Nasional. Saya berharap ini kita lakukan. Dan kalau itu kita dapat lakukan, sudah tentulah kita percaya rakyat tidak mempersoalkan kita tentang penggunaan dana 'reserve' yang ada di negeri.

YB TUAN NG SUEE LIM : Minta penjelasan, bolehkah YAB perincikan apa tu, peranan orang tengah ni.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Saya rasa peranan orang tengah dilihat pada kontraktor yang kita pilih. Kalau kontraktor yang kita pilih itu orang yang tidak menjalankan usaha kontrak itu kalau dia dikatakan disub-kontrak sudah tentu dia sudah dapat pendapatan yang tidak ada kena-mengena dengan pekerjaan tersebut. Kedua, cara kiraan kontrak tersebut maknanya '*value for money*' itu diambil kira dan saya sendiri nanti berusaha menerangkan kepada pegawai-pegawai kerajaan kita terutama JKR bagaimana penelitian itu boleh dilakukan dan bagaimana cara kita memantau supaya dapat menolong Ahli Dewan Negeri kita meluluskan dan mendapat projek-projek itu dengan nilai yang terbaik dan hasil yang memuaskan. Saya berharap ini berlaku. Dan akhir sekali, saya tidak hendak memanjangkan perbincangan tentang iklan, tentang Sekinchan yang dapat menerima pelancong-pelancong yang banyak. Saya juga percaya, terdapat apa yang disebut jurang, '*What you called, a gap*' daripada segi penstrukturan ataupun penggunaan teknologi maklumat. Tetapi saya nak cadangkan YB Sekinchan, kita mesti juga meminta rakan-rakan daripada pihak swasta turut '*contribute*' lah, dalam hal ini. Jadi, kalau taukeh yang membuat restoran tu bagus satu daripada iklan yang dia boleh buat adalah '*free*' WIFI. Macam '*Starbucks*', ha..jadi dia boleh tunjukkan. Maknanya canggih sungguh di Sekinchan, ada '*free*' WIFI dan masa makan udang goreng tu boleh gambarnya sampai ke Johor, ha jadi maknanya..dan saya juga berharap, salah satu daripada program ini adalah cuba meningkatkan rangkaian WIFI ini, kita tidak hanya mengharap daripada rakan-rakan swasta tetapi kita juga hendaklah merencananya.

Masalah yang saya hadapi sekarang adalah teknologinya terlalu laju. Apabila kita sudah sampai ke satu sistem, kita tahu lagi ada satu teknologi, saya baru diberitahu sekarang '*wired exercise*', ataupun '*wired*' itu maknanya ia menggunakan '*cabling*' dengan '*wireless*'. Maknanya ia menggunakan sistem apa yang disebut '*wave wired*' yang lebih cepat dalam usaha ini dan berapa banyak syarikat yang sanggup melakukan '*wired*' sekarang menggunakan '*fibre optic*' dan mereka punya teknologi sangat baik. Saya mendengar cerita mereka takut pula '*oversell*', dan kita silap juga, tetapi saya rasa makin lama kos menyediakan prasarana WIFI ini semakin berkurang. Jadi kita harus sentiasa meneliti dan supaya negeri dapat berbelanja dengan menggunakan teknologi yang terkini dan terbaik. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Adapun masalah di hadapan Dewan ini, ialah satu usul yang berbunyi bahawa Menurut Seksyen 9, Seksyen 4(2) (B) Seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan tambahan sebanyak RM 20,028,000 yang dinyatakan dalam Bajet Tambahan Peruntukan Pembangunan tahun 2011 yang dibentangkan di hadapan dewan mengikut seksyen 4(1) Akta yang sama sepertimana terdapat di jadual hendaklah diluluskan. Jadual Bajet Tambahan Peruntukan Pembangunan tahun 2011 Vot P01 Jabatan Menteri Besar dan SUK, peruntukan RM 20,028,000 jumlah RM 20,028,000. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. (Suara ramai Ya). Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya, usul No. 10 tahun 2011. Usul di bawah Peraturan Tetap 26(1) oleh YB Kota Alam Shah.

YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin membawa suatu usul di bawah Peraturan Tetap 26(1) yang berbunyi seperti berikut, bahawasanya, Dewan yang mulia ini dengan serta-merta mempertimbangkan ke semua sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil di seluruh negeri Selangor mempunyai sekurang-kurangnya tanah yang mencukupi untuk setiap sekolah bagi menghapuskan label bantuan modal ke atas sekolah-sekolah tersebut. Khususnya 53 buah sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan 67 buah sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Bahawa dengan ini Dewan yang mulia ini menggesa kerajaan negeri Selangor di bawah pimpinan YAB Dato' Menteri Besar

agar melaksanakan dengan mengguna pakai akta pengambilan tanah 1990 untuk mengambil alih milikan tanah yang berdekatan dengan sekolah-sekolah tersebut. Menggesa Kerajaan Persekutuan untuk menukar ke semua status sekolah-sekolah tersebut daripada status bantuan modal kepada bantuan penuh sejurus selepas memastikan tanah yang mencukupi tersebut diperolehi.

Tuan Speaker, sebelum saya berhujah atas usul ini , saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker kerana meluluskan usul ini dibentangkan di bawah dewan ini. Perkara seperti ini tidak boleh berlaku di bawah pimpinan Barisan Nasional. Tiada Ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional yang berani boleh mengemukakan usul sedemikian. Perkara seperti kebebasan untuk mengusul seperti ini hanya boleh berada di bawah kerajaan pimpinan Kerajaan Pakatan Rakyat. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kepada memberi kebebasan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada Ahli Pakatan Rakyat untuk mengemukakan usul-usul sedemikian dan saya teruskan. Tuan Speaker, keadaan sekolah-sekolah yang saya sebutkan tadi dan prestasi serta mutu pendidikan yang tidak memuaskan adalah penampilan kedudukan politik sosial dan ekonomi kaum India di negara ini. Ada hampir-hampir Tuan Speaker, ada hampir-hampir 30,000 pelajar di 97 buah sekolah Tamil di Negeri Selangor. Yang terus ke sekolah-sekolah ini sejumlah 67 adalah sekolah bantuan modal. Sebenarnya sekolah bantuan modal ini tiada perkataan, perkataan ini tidak boleh digunakan langsung. Sekolah bererti sekolah. Mereka tidak harus menggunakan perkataan bantuan modal dan bantuan penuh. Jadi *no such thing* dalam Bahasa Inggeris jadi *no such thing* bantuan modal bagi sekolah-sekolah Tamil dan Cina. Sekolah-sekolah Tamil ini jauh ketinggalan zaman, kekurangan tenaga kerja guru, ruang pendidikan, perkakas, alat-alatan, kerusi dan meja merupakan cabaran yang besar yang dihadapi oleh sekolah-sekolah ini. Sekolah-sekolah ini lebih mirip kepada sekolah-sekolah di negara yang mundur tapi hairannya ianya berada di sebuah negeri yang telah diisytiharkan negeri maju oleh kepimpinan Kerajaan Negeri Barisan Nasional yang telah lalu. Sekolah-sekolah ini kecuali segelintirnya telah didirikan pada zaman penjajah bекalkan pendidikan yang minimum dengan tujuan menyediakan tenaga buruh untuk ladang-ladang pokok getah. Sebahagian besarnya milikan syarikat-syarikat British. Seolah-olah masa tidak bergerak apabila kita memerhatikan sekolah-sekolah ini.

Saya katakan demikian kerana keadaan sekolah-sekolah ini tidak berubah dari zaman silam dulu. Keadaan di luar sekolah-sekolah Tamil ini telah jauh berubah. Zaman abad ke-21 memerlukan tenaga pekerja yang mahir dan berilmu dalam bidang IT, Sains dan Teknologi. Pekerjaan di ladang tidak dapat menyara warga Malaysia dengan pendapatan yang rendah. Anak pekerja ladang yang telah bertungkus-lumus menjayakan perusahaan ladang kini menghadapi masa depan yang semakin mundur. Mereka terpaksa mencari pekerjaan di luar sektor pertanian ladang. Bila berhadapan dengan senario ini kita perlu tanya sama ada sekolah Tamil bakal menyediakan pendidikan yang memuaskan serta dapat menghasilkan murid yang mampu menghadapi cabaran untuk melanjutkan pendidikan ke sekolah menengah. Cabaran yang paling besar dihadapi oleh sekolah-sekolah ini ialah kebanyakannya adalah sekolah bantuan modal sebab sekolah-sekolah ini terletak di tanah milikan swasta. Akta Pendidikan 1955 mengisytiharkan sekolah yang terletak di tanah milikan swasta tidak layak mendapat bantuan atau sokongan penuh kerajaan. Oleh itu sekolah-sekolah ini terpaksa mengusahakan dana tersendiri untuk segala infrastruktur termasuk pembinaan kelas murid. Adakah ini suatu yang adil? Tuan Speaker, saya percaya setiap sekolah harus memiliki ruang yang luas dan selesa untuk memuatkan padang permainan, dewan sekolah, makmal sains dan komputer, perpustakaan , kafeteria, bilik guru untuk melahirkan seorang pelajar yang berjaya. Amatlah menyedihkan bila kita melihat sekolah-sekolah kebangsaan memiliki semua kemudahan ini tetapi sekolah Tamil dan Cina yang berdekatan seolah-olah dianaktirikan sebab segalanya tidak

ada sehingga 85% daripada sekolah-sekolah Tamil yang terletak di pinggir kawasan terbangun dan terpinggir seperti masyarakat India amnya. Kita sedia tahu bahawa sekolah-sekolah ini tidak ada infrastruktur yang asas, tidak diuruskan dengan baik, pemantauannya yang kurang prihatin dan kadar ponteng sekolah yang amat tinggi. Ibu bapa ini tidak berupaya menghantar anak-anak mereka ke sekolah yang mempunyai pengurusan dan pengelolaan yang baik. Hampir 30% daripada pelajar-pelajar ini berhenti sekolah sebelum ke sekolah menengah. Saya hairan macam mana Negeri Selangor boleh diisytiharkan negeri yang maju apabila setakat 2000 orang kemasukan baru akibat penghasilan sekolah Tamil setiap tahun ke dalam dana tenaga kerja di Selangor tidak menamatkan pendidikan sekolah rendah. Di dalam Rancangan Malaysia ke- 5 sekolah Tamil diperuntukkan hanya 657 ringgit setiap murid selama 5 tahun berbanding dengan 1,998 ringgit bagi setiap murid di sekolah kebangsaan. Kadar peruntukan sekolah kebangsaan 3 kali ganda peruntukan sekolah Tamil. Ini oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Saya percaya yang sesesuai bangsa dan negara di nilai dari cara mereka melindungi dan melayani mereka yang tercicir dan tertinggal di dalam arus pembangunan. Jikalau kita hendak betul-betul menikmati dan mencapai kejayaan yang sebenarnya kita seharusnya tidak hanya pandai berkata tapi mesti prihatin serta melaksanakan program dan langkah-langkah yang dapat membangunkan mereka yang tertinggal dan terpinggir. Alasan yang sering diberikan oleh Kementerian Pendidikan adalah bahawa sekolah-sekolah ini terletak di atas tanah milikan swasta kita mampu berjaya kalau kita sanggup berusaha. Kita di Selangor boleh melakukan sesuatu pembaharuan untuk meningkatkan prestasi sekolah-sekolah Cina dan Tamil. Kita boleh menjadi peneraju pemulihan sekolah-sekolah Tamil. Kita boleh membuktikan bahawa suatu pendidikan yang kukuh boleh membebaskan masyarakat miskin dari belenggu kemiskinan. Tuan Speaker, saya ada terbaca di dalam akhbar *The Star* baru-baru ini bahawa terdapat satu sekolah Cina di Negeri Selangor yang tidak mampu untuk membayar bil elektrik. Ini disebabkan sekolah itu adalah sebuah sekolah bantuan modal. Sekiranya sekolah tersebut adalah bantuan penuh bil sudah semestinya akan dibayar dengan sendiri. Tuan Speaker kita tidak mahu label sekolah bantuan modal dan bantuan penuh wujud di Negeri Selangor. Sekolah itu mestilah sekolah, mengapa bagi sekolah Cina dan sekolah Tamil wujud label bantuan modal dan bantuan penuh. Tuan Speaker, hanya dengan menyelesaikan masalah tanah yang dihuru-harakan oleh Kerajaan Barisan Nasional kita boleh menghapuskan label bantuan modal ke atas sekolah-sekolah Cina dan sekolah-sekolah Tamil. Ada sebuah sekolah Tamil di Negeri Selangor di mana 56 guru terpaksa menggunakan satu tandas sehingga guru-guru tersebut tidak ada selesa untuk mengajar murid-murid mereka. Ini suatu amat menyedihkan dan di Negeri Selangor juga ada beberapa sekolah mempunyai padang sekolah tetapi padang sekolah itu milik kerajaan di mana Kerajaan Negeri Selangor boleh mengambil alih tanah tersebut dan memberikannya kepada sekolah tersebut. Kita boleh mula. Saya percaya kita masih belum bermula lagi. Tiga tahun telah berlepas kita masih belum bermula dan saya memohon agar mendapat sokongan daripada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya bernasib baik kerana Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional tidak ada. Saya berharap agar usul saya ini memberi sokongan yang sepenuhnya sebab ini adalah suatu perkara yang amat menyedihkan sekiranya kita masih mempunyai label bantuan penuh dan bantuan modal ke atas sekolah-sekolah Cina dan sekolah-sekolah Tamil. Sekian.

TUAN SPEAKER : Ada penyokong? Jika tidak penyokong maka usul ini tidak dapat dikemukakan untuk diputuskan. Baik Setiausaha usul seterusnya.

PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : Peraturan Mesyuarat seterusnya usul nombor 11 tahun 2011 usul di bawah Peraturan Tetap 26(1) oleh Yang Berhormat Kota Alam Shah.

YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM : Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin membawa usul nombor 11 yang berbunyi seperti berikut, usul berbunyi bahawa dewan yang mulia ini dengar serta-merta melaksanakan program khusus bagi semua kaum di Negeri Selangor di bawah Pakatan Rakyat dengan mengarahkan serta-merta Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor untuk memberikan diskaun sebanyak 7% bagi semua jenis kategori perumahan untuk semua kaum yang miskin dan lahir di Negeri Selangor. Tuan Speaker saya ingin berhujah mengatakan Selangor merupakan Negeri yang paling maju di Malaysia dan penduduk Selangor yang tinggal di bandar semakin meningkat. Kaum di Negeri ini menghadapi kesukaran untuk memiliki rumah tersendiri khususnya kaum miskin yang lahir di Negeri Selangor. Rumah yang selesa amat mustahak untuk melahirkan dan memelihara sebuah keluarga yang aman dan stabil. Sebuah masyarakat yang harmoni terbentuk daripada keluarga-keluarga yang stabil dan progresif. Keluarga yang ceria juga menjadi pengasas negara makmur. Pemilikan rumah merupakan suatu keperluan asas seperti pendidikan. Kita yang bertuah menjadi warga Selangor wajib berterima kasih kerana dapat tinggal di negeri makmur ini. Tetapi kita harus juga prihatin kepada mereka yang kurang bernasib baik dan terpinggir. Saya maksudkan khususnya masyarakat India yang ramai yang tidak masih tidak boleh memiliki rumah sendiri. Tuan Speaker, kajian menunjukkan statistik berikut hanya 20.5% peratus daripada milikan rumah India memiliki tandas. Hanya 46% daripada rumah milikan kaum India mempunyai kutipan sampah yang diaturkan oleh Pihak Berkuasa. Kurang daripada 55% menikmati bekalan air paip, hanya 57% ada hantaran pos untuk surat-menyurat.

Saya telah memberikan angka-angka untuk rumah-rumah dimiliki golongan ini tetapi bagaimana dengan mereka yang tidak memiliki rumah langsung. Di Malaysia mereka dilabelkan setinggan. Ramai dari golongan setinggan di Malaysia terdiri dari kaum India. Angka ini merupakan lebih tinggi dari purata setinggan keseluruhan bagi rakyat Malaysia. Pada tahun 1999 dalam suatu kajian di daerah Subang di dapati bahawa di antara 7,282 penduduk India 50% daripada mereka merupakan penduduk setinggan. Apabila rancangan FELDA mula-mula diperkenalkan hanya segelintir kecil iaitu lebih kurang 1% daripada jumlah penduduk terdiri daripada masyarakat India dan saya kawatir angka tidak banyak berubah sejak masa itu. Pada masa kini hanya 2% daripada semua tanah pertanian di Malaysia dimiliki kaum India. Antara skim Kerajaan Persekutuan banyak gagal ialah skim pembekalan rumah selesa yang mampu terbeli oleh kaum India iaitu '*Estate Home Ownership Scheme*'. Di bawah skim ini, hanya 48 ladang berjaya membina 4000 rumah selepas 23 tahun skim ini dilancarkan. Di Selangor, suatu angka yang menyedihkan iaitu hanya 1359 rumah di 12 buah ladang terlaksana ketika ini. Kerajaan Barisan Nasional, inisiatif untuk menyediakan rumah kos murah, mempunyai kesan yang sangat terhad terhadap kadar pemilikan rumah tersendiri di kalangan masyarakat kaum India. Majoriti daripada mereka tidak ada daya ataupun sumber kewangan ataupun simpanan peribadi untuk menyediakan wang pendahuluan ataupun mendapatkan pinjaman Bank. Hampir 40% daripada keluarga India memperoleh pendapatan kurang daripada RM2,000.00 sebulan. Dalam 20 tahun yang lepas, lebih kurang 100,000 pekerja ladang kaum India kehilangan kerja dan tempat tinggal mereka akibat tanah ladang dibangunkan sebagai kawasan perumahan dan komersial. Majoriti daripada tanah yang ditukar statusnya terletak di Selangor.

Tuan Speaker, kebanyakan daripada mereka berpindah ke kawasan bandar tetapi terjerumus ke dalam persekitaran yang negatif dengan kadar gejala sosial yang amat tinggi, jauh berbeza daripada peratusan jumlah penduduk India yang sangat kecil. Mereka ini tidak memiliki pengetahuan atau kemahiran untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Tuan Speaker, anak mereka tidak dapat menikmati makanan berkhasiat, menerima pendidikan yang tidak memuaskan dan memiliki perwatakan yang negatif. Kadar gejala sosial di dalam masyarakat ini jauh lebih tinggi daripada kaum lain. Menurut pakar sosialis, simptom-simptom ini adalah akibat daripada masyarakat yang terpinggir dan terbiar yang tidak ada tempat tinggal yang selesa,

yang mampu dimiliki. Kadar jenayah yang tinggi di antara masyarakat India juga boleh ditunjukkan kepada kemunduran dari segi ekonomi dan sosial kaum India di negeri ini. Kajian di negara lain telah membuktikan adanya kaitan yang langsung di antara tahap jenayah di dalam sesuatu masyarakat dan keadaan sosial dan tempat tinggal mereka. Kita di sini mampu membantu mereka-mereka ini yang terpinggir dan ketinggalan dengan meluluskan usul ini bagi membolehkan mereka yang miskin membeli rumah dengan harga didiskaunkan. PKNS adalah syarikat yang milik Kerajaan Negeri Selangor. Kita harus merakyatkan ekonomi Selangor. Keuntungan daripada perumahan mestilah diagihkan kepada rakyat. PKNS adalah suatu pemaju perumahan yang terbesar di Malaysia.

Dengan ini, saya memohon agar usul ini diterima. Sekian.

TUAN SPEAKER : Ada penyokong? Jika tidak ada penyokong, maka usul ini juga tidak dapat dikemukakan untuk diputuskan. Baik, memandangkan masa sudah 4.30. Maka, saya tangguhkan Dewan ini sehingga hari esok, jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 4.30 petang)